

*Berseru*  
KEPADA

**TUHAN**





---

***Berserulah kepada-Ku, maka Aku akan menjawab engkau  
dan menyatakan kepadamu hal-hal yang besar dan tidak  
terselami, iaitu hal-hal yang tidak kauketahui.***

***Yeremia 33:3***

---

English Ogos 2017. Terbitan BM 2019.

Angka-angka banci dipetik daripada *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010* diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Firman Tuhan dalam buku kecil ini dipetik daripada Alkitab Versi Borneo (AVB).

Penyangkalan: Buku ini hanya untuk peredaran persendirian sahaja. Kesemua gambar mana-mana orang adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Ia tidak ada kaitan dengan mana-mana petikan yang terdapat dalam buku ini.

## Kata Penghantar

Banyak perkara yang Tuhan kerjakan melalui doa. Adakah kita mendengarnya? Mengikut ayat di Matius 6:9-10, Yesus mengajar murid-murid-Nya cara berdoa: **“Berdoalah demikian: “Ya Bapa kami yang di syurga, Sucilah Nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu, Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga.”**

Doa Yesus adalah untuk melihat kerajaan Tuhan datang ke bumi. Agar Tuhan bertakhta dalam hati lebih ramai orang dan kasih-Nya yang mengalir melalui mereka akan memberkati orang lain. Kasihilah Tuhan, dan kasihilah sesamamu. Maka, berubahlah hidup... berubahlah dunia.

Adakah ini doa kita? Berdoa adalah suatu perkara yang amat penting. Semasa berdoa, kita mengakui kuasa Tuhan serta mengakui kelemahan kita sambil kita menaruh segala kepercayaan kepada-Nya. Berdoa meninggikan Tuhan dan merendahkan diri kita.

**Visi 525 ialah curahan hati disertai doa, dengan tujuan untuk melihat semua kehidupan ‘saudara’ diubah kerana Berita Baik.** Tiga tahun dahulu, suatu gereja tempatan memberikan keinzinan kepada kami untuk menggunakan tempat mereka untuk mengadakan doa bulanan di premis mereka. **Sebenarnya, keperluan bagi ‘saudara’ sangat besar di seluruh dunia dan kami hanya mampu berdoa.** Pada waktu doa bulanan, kami tidak pernah melepaskan peluang untuk berdoa bagi Malaysia. Kami menggunakan peta-peta dan membawa kesemua daerah-daerah, setiap bandar raya, pekan, dan kampung dalam doa kepada Tuhan. Laungan Yeremia dalam ayat 33:3 berbunyi demikian: **“Berserulah kepada-Ku, maka Aku akan menjawab dan menyatakan kepadamu hal-hal yang besar dan tidak terselami, iaitu hal-hal yang tidak kauketahui.”** **Inilah ayat yang kami menuntut daripada Tuhan bagi Malaysia.** Adakalanya, kami berfikir untuk menghentikan semua kerja ini. Tetapi Tuhan telah memimpin kami mengatasi segala rintangan, agar percaya dan taat kepada-Nya supaya dapat memulakan VISI 525.

Jadi, apa itu 525? Angka 52 mewakili 52 zon yang akan dibawa dalam doa setiap minggu selama setahun. Angka 5 pula mewakili tempoh projek ini, iaitu lima tahun, bermula dari 2017. Pada keseluruhannya, kami berdoa dan percaya kepada Tuhan untuk melihat komuniti-komuniti orang beriman yang bersemangat, dilipat gandakan jumlahnya dalam setiap zon dalam tempoh lima tahun akan datang. Mampukah ia dilakukan? Ia merupakan visi yang besar, namun tidak ada perkara yang mustahil bagi Tuhan.

Pada masa kini, kebanyakan zon ini tidak mempunyai ‘saudara’ yang mengikut Yesus yang kita kenali dan tiada penginjilan Berita Baik. Mereka tidak pernah dijangkau. VISI 525 ini terlahir agar ‘saudara’ di zon-zon yang tidak dijangkau ini dapat di ‘anak-angkat’kan dan dibawa dalam doa supaya mereka boleh dengar Berita Baik dalam tempoh lima tahun akan datang. Ia bermula dengan iltizam (komitmen) untuk berdoa.

Kami berharap sesiapa sahaja yang memilih mana-mana satu daripada 52 zon akan bersungguh-sungguh untuk berdoa, melawat zon-zon serta berjumpa dengan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Dalam buku ini, setiap minggu tertumpu pada salah satu daripada 52 zon, terdapat penerangan tentang zon, petikan firman daripada Alkitab, sebuah kisah benar, bahan doa, dan tindakan. Tambahan pula, setiap tahun kami merancang untuk berkumpul bersama di suatu tempat agar dapat berkongsi cerita, berdoa dan belajar bagaimana untuk menjangkau ‘saudara’ dengan Berita Baik. Ia merupakan satu masa yang agak istimewa sambil kita maju bersama dalam kehendak Tuhan.

Kira-kira 10 tahun yang lalu, terdapat satu projek yang hampir serupa buku ini, buku itu berjudul, **“Berdoa”**. Kami cuba menurut susunan buku **“Berdoa”** dan meneruskan visi itu. Malaysia telah mengalami banyak perubahan dalam 10 tahun yang lalu, tetapi yang terbaik belum lagi kesampaian. Kami berharap buku ini akan mendorong umat Tuhan di Malaysia dan di dunia untuk berdoa bagi seluruh Malaysia dengan satu hati, agar kami dapat melihat bumi Malaysia dipenuhi dengan pengetahuan tentang kemuliaan Tuhan seperti air meliputi lautan. Berita Baik Yesus Kristus dapat mengubah semua suku kaum di Malaysia. ... Wahyu 9:7.

Visi “Berdoa” diteruskan dengan VISI 525: Berdoa, Berkati, Berkongsi.



# Malaysia Sepintas Lalu



## NEGARA

Persekutuan Tanah Melayu, iaitu negara Malaysia, terdiri daripada Malaysia Barat (atau Semenanjung Malaysia) dan Malaysia Timur. Di Semenanjung Malaysia terkandung 11 negeri, manakala Malaysia Timur terdiri daripada negeri Sabah dan Sarawak di kepulauan Borneo. Terdapat tiga kawasan yang dinamakan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan). Ibu negeri Malaysia ialah Kuala Lumpur, manakala pusat pentadbiran negara terletak di Putrajaya.

Malaysia flag

## LOKASI GEOGRAFI

Semenanjung Malaysia terletak antara dua dan tujuh darjah ke utara Khatulistiwa. Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur dipisah oleh Laut Cina Selatan. Negeri Thailand terletak ke arah utara Semenanjung Malaysia dan jiran Malaysia ke arah selatan ialah Singapura. Kepulauan Borneo termasuk negeri Sabah, Sarawak serta negara Indonesia (Kalimantan) dan Brunei Darulssalam. Negeri Sabah dan Sarawak berkongsi sempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Negeri Sarawak juga berkongsi sempadan dengan Brunei Darussalam.

## KELUASAN TANAH

Jumlah keluasan: 329, 847 km persegi

## PENDUDUK

Jumlah Penduduk: 28, 334, 135 (Banci 2010)

Penduduk Orangnegara Malaysia: 26, 013, 356 (Banci 2010)

Pada tahun 2016, jumlah keseluruhan penduduk Malaysia dianggar sebanyak 31.7 juta. Dalam kalangan warganegara Malaysia, Bumiputera etnik (secara harfiah, anak-anak tanah air, iaitu orang Melayu dan pribumi) mencatatkan peratus yang tertinggi sebanyak 68.6%, diikuti dengan orang Cina (23.4%), orang India (7.0%) dan bangsa lain (1.0%). Peratus penduduk Malaysia yang bukan warganegara pada tahun 2016 dianggar seramai 10.3% daripada jumlah penduduk di Malaysia.

## KUMPULAN ETNIK (Orangnegara Malaysia sahaja)

Melayu: 54.6% | Cina: 24.6% | Bumiputera yang lain: 12.8% | India: 7.3% | Lain-lain: 0.7%

## AGAMA (Orangnegara Malaysia sahaja)

Islam: 60.6% | Buddha: 21% | Hindu: 6.4% | Kristian: 9.2% | Agama Cina lain 1.3%

## KERAJAAN

Negara Malaysia mengamalkan kerajaan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Ketua Persekutuan Negara Malaysia ialah Yang di-Pertuan Agong (Pemerintah Agung, Raja) dan Ketua Kerajaan Persekutuan ialah Perdana Menteri (Prime Minister). Raja Yang di-Pertuan Agong dilantik setiap lima tahun daripada sembilan Sultan.

Malaysia mempunyai sistem perundangan dwidewan, iaitu Parlimen Malaysia yang terdiri daripada Dewan Rakyat (House of Representatives) dan Dewan Negara (Senate). Dewan Rakyat pada masa kini mempunyai 222 orang ahli, yang dipilih berdasarkan sokongan rakyat melalui pilihanraya umum. Parti yang memenangi kerusi majoriti di Dewan Rakyat akan membentuk Kerajaan Persekutuan. Ahli-ahli Dewan Negara adalah dilantik.

Terdapat empat buah negeri iaitu Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah, yang tidak mempunyai Sultan. Yang di-Pertua Negeri (Gabenor Negeri) dilantik dan Ketua Menteri (Chief Minister) adalah Ketua Kerajaan Negeri bagi negeri-negeri tersebut. Sembilan negeri lain mempunyai Raja keturunan (iaitu Sultan) dan Menteri Besar (elected Head of State) adalah Ketua Kerajaan Negeri bagi sembilan negeri-negeri ini.

## PROFIL EKONOMI

Perkilangan masih merupakan komponen terbesar ekonomi Malaysia, iaitu kira-kira 25% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Pelancongan dan komoditi-komoditi utama seperti minyak petrol, minyak sawit dan getah juga adalah penyumbang utama kepada ekonomi negara. Perindustrian yang pesat membangun secara besar-besaran dan peningkatan eksplorasi sumber asli telah memecutkan peningkatkan ekonomi negara.

## Zon Semenanjung Malaysia



<b>Zon.....</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Perlis.....</b>	<b>12</b>
1. Perlis .....	14
<b>Kedah.....</b>	<b>16</b>
2. Langkawi, Kubang Pasu & Padang Terap.....	18
3. Kota Setar, Pokok Sena & Pendang .....	20
4. Yan, Kuala Muda & Sik.....	22
5. Baling, Kulim & Bandar Baharu.....	26
<b>Pulau Pinang (Penang) .....</b>	<b>28</b>
6. Seberang Perai Utara.....	30
7. Seberang Perai Tengah.....	32
8. Seberang Perai Selatan.....	34
9. Timur Laut Pulau Pinang.....	36
10. Barat Daya Pulau Pinang.....	38
<b>Perak.....</b>	<b>40</b>
11. Ulu Perak, Kerian & Larut and Matang.....	42
12. Kuala Kangsar, Kinta & Kampar .....	46
13. Manjung & Perak Tengah .....	48
14. Hilir Perak & Batang Padang.....	50
<b>Kelantan.....</b>	<b>54</b>
15. Tumpat & Pasir Mas .....	56
16. Bachok & Kota Bharu.....	58
17. Pasir Puteh & Machang .....	60
18. Tanah Merah & Jeli.....	62
19. Gua Musang & Kuala Krai .....	64
<b>Terengganu .....</b>	<b>66</b>
20. Besut & Setiu .....	68
21. Kuala Terengganu .....	70
22. Hulu Terengganu .....	72
23. Marang .....	74
24. Dungun & Kemaman .....	76
<b>Pahang .....</b>	<b>78</b>
25. Cameron Highlands, Lipis & Jerantut .....	80
26. Raub, Temerloh & Bentong .....	82
27. Kuantan & Maran .....	84
28. Pekan, Bera & Rompin.....	86
<b>Zon.....</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Selangor .....</b>	<b>88</b>
29. Sabak Bernam & Kuala Selangor.....	90
30. Gombak & Hulu Selangor.....	92
31. Petaling & Klang .....	94
32. Kuala Langat, Sepang & Hulu Langat .....	96
<b>Negeri Sembilan .....</b>	<b>98</b>
33. Jelebu & Jempol .....	100
34. Seremban & Kuala Pilah.....	102
35. Port Dickson, Rembau & Tampin .....	104
<b>Melaka .....</b>	<b>106</b>
36. Alor Gajah .....	108
37. Jasin.....	110
38. Melaka Tengah.....	112
<b>Johor .....</b>	<b>114</b>
39. Segamat, Ledang/Tangkak & Muar.....	116
40. Kluang, Mersing & Kota Tinggi.....	118
41. Batu Pahat & Pontian.....	120
42. Johor Bahru & Kulai .....	122
<b>Wilayah Persekutuan.....</b>	<b>124</b>
43. Kuala Lumpur .....	126
44. Putrajaya .....	128



<b>Zon</b> .....	<b>Mukta Surat</b>
<b>Wilayah Persekutuan</b> .....	<b>124</b>
45. Labuan .....	130
 <b>Sabah</b> .....	<b>132</b>
46. West Coast Division (Kota Kinabalu, Ranau, Kota Belud, Tuaran, Penampang, Papar, Putatan) .....	134
47. Interior Division (Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan, Keningau, Tambunan) & Tawau Division (Tawau, Lahad Datu, Kunak, Semporna) .....	136
48. Kudat Division (Kudat, Kota Marudu, Pitas) & Sandakan Division (Sandakan, Kinabatangan, Beluran, Tongod) .....	138
 <b>Sarawak</b> .....	<b>140</b>
49. Kuching Division (Kuching, Bau, Lundu), Samarahan Division (Samarahan, Asajaya, Simunjan) & Serian Division (Serian, Tebedu) .....	142
50. Sri Aman Division (Sri Aman, Lubok Antu), Betong Division (Betong, Saratok) & Sarikei Division (Sarikei, Meradong, Julau, Pakan) .....	144
51. Sibu Division (Sibu, Kanowit, Selangau), Mukah Division (Mukah, Dalat, Daro, Matu) & Bintulu Division (Bintulu, Tatau) .....	146
52. Kapit Division (Kapit, Belaga, Song), Miri Division (Miri, Marudi) & Limbang Division (Limbang, Lawas) .....	148

Perlis negeri terkecil di Malaysia, ia terletak di hujung barat laut Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan negara Thailand di utara dan negeri Kedah di timur dan selatan. Pinggiran pantai sebelah barat membatasi perairan Selat Melaka. Ia meliputi kawasan seluas kira-kira 795 km persegi. Ibu negeri Perlis ialah Kangar. Arau bandar diraja, yang juga merupakan kediaman pemerintah negeri, iaitu Raja. Pada suatu masa dahulu, Perlis sebahagian daripada negeri Kedah dan mempunyai hubungan rapat dengan negeri itu.

Jumlah bilangan penduduk ialah 225, 876 (banci 2010), dan terdiri daripada majoriti orang Melayu (88%), diikuti dengan orang Cina (8%) dan orang India (1.5%). Islam agama utama negeri Perlis (88.5%), manakala bilangan penduduk Kristian hanya 0.6%. Orang Kristian terdiri daripada kebanyakan bumiputera bukan Melayu, Cina dan India. Terdapat juga lebih kurang 400 orang Cina Muslim dan 250 orang India Muslim yang menetap di negeri Perlis.

Dewan Undangan Negeri Perlis menjalankan urusan kuasa perundangan dalam negeri. Budaya Melayu dan Thai menjadi pengaruh utama kuat di negeri Perlis. Kampung-kampung yang lama tetapi menarik serta adat resam yang lama masih diamalkan. Penanaman padi kegiatan ekonomi yang utama. Antara tarikan pelancongan yang utama ialah Taman Negeri Perlis dan Gua Kelam. Masakan tempatan yang terkenal termasuk Tom Yam & Laksa Perlis. Mufti Perlis, Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, adalah salah seorang pendakwah, penulis dan pensyarah Islam yang amat popular di Malaysia.

Pembahagian daerah tidak wujud di Perlis. Bagi tujuan buku doa ini, Perlis cuma mempunyai satu zon berdoa:

Zon 1: Perlis



Bendera Negeri Perlis

### DEMOGRAFI (2010)

**Jumlah:** 225, 876

Kumpulan Etnik	%
Melayu	88
Cina	8
India	1.5
Lain-lain	2.5

Agama	%
Islam	88.5
Buddha	9.5
Hindu	0.8
Kristian	0.6





#### DEMOGRAFI

Perlis: 225, 876

Peratus (%)

Melayu	88
Cina	8
India	1.5
Lain-lain	2.5

Perlis negeri terkecil di Malaysia, ia terletak di hujung barat laut Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan negara Thailand di utara dan negeri Kedah di timur dan selatan. Ibu negeri Perlis ialah Kangar manakala Arau ialah bandar diraja. Pada suatu masa dahulu, Perlis sebahagian daripada negeri Kedah dan mempunyai hubungan rapat dengan negeri itu. Jumlah bilangan penduduk ialah 225, 876 (2010), dan terdiri daripada majoriti orang Melayu (88%), diikuti dengan orang Cina (8%) dan orang India (1.5%).


Pemerintah negeri Perlis digelar ‘Raja’ dan bukan ‘Sultan’. Dewan Undangan Negeri Perlis menjalankan urusan kuasa perundangan dalam negeri ini. Budaya Melayu dan Thai menjadi pengaruh utama kuat di negeri Perlis. Penanaman padi kegiatan ekonomi yang utama. Perindustrian lain terdiri daripada perikanan dan perhutanan. Perlis merupakan tempatnya terdapat ladang tebu yang terbesar di Malaysia. Antara tarikan pelancongan yang utama ialah Taman Negeri Perlis dan Gua Kelam. Masakan tempatan yang terkenal termasuk Tom Yam & Laksa Perlis. Mufti Perlis, Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, salah seorang pendakwah, penulis dan pensyarah Islam yang amat popular di Malaysia.

## Roma 10:17

Oleh itu, iman datang daripada mendengar perkhabaran itu, dan perkhabaran itu didengar melalui sabda Kristus.

Ann, berusia 28 tahun, dia memiliki ijazah university dan bekerja secara sambilan dengan kami. Namun, dia masih tinggal di rumah ibu bapanya agar dapat membantu keluarganya. Dalam masa tiga bulan yang lepas, dia amat sibuk, lebih-lebih lagi kerana perlu uruskan perniagaan catering keluarganya. Ibunya tidak berdaya untuk mengendalikan perniagaan kerana terpaksa menjaga ayah Ann yang uzur. Oleh itu, kini Ann seorang sahaja yang bertanggungjawab mengendalikan perniagaan tersebut. Walaupun gerai makan mereka ada seorang pekerja, tetapi Ann tidak dapat membuka gerai itu setiap hari disebabkan tanggungjawabnya terhadap kerja sambilan dengan kami. Ibu Ann tidak mahu gerai itu ditutup sama sekali dan Ann pula ingin terus bekerja dengan kami. Kami berdoa bersama dengannya agar dia boleh dapat lebih ramai pekerja, namun Ann rasa kebebasannya tersekat kerana keadaan ini.

Kami mengenali ramai orang muda yang memiliki ijazah universiti, tetapi mereka terpaksa melakukan pekerjaan yang bergaji rendah agar mereka boleh menjaga ibu bapa dan datuk nenek mereka. Mereka melakukan demikian sebagai penghormatan demi orang tua mereka, namun keadaan begitu sangat membebankan. Bukan semua adik beradik sanggup berkongsi beban sama rata, malah sesetengah orang yang memikul tanggung jawab yang agak berat sebelah akan timbul rasa tidak puas hati. Melalui keadaan sebegini, kami berpeluang untuk berkongsi dengan mereka, memberi nasihat yang praktikal serta berdoa dalam nama Yesus Kristus.



## BAHAN DOA

- Berdoa agar 'saudara' akan mengenali satu-satunya Abba Bapa yang Maha Adil dan Maha Penyayang.
- Berdoa agar 'saudara' di Perlis akan menyedari bahawa satu-satunya cara untuk mendekati Tuhan ialah melalui Yesus Kristus.
- Berdoa agar sempadan negara Thailand bukan sahaja digunakan untuk penukaran budaya dan barang-barang, tetapi juga untuk penyembaran Firman Tuhan.
- Berdoa untuk Raja negeri Perlis serta Ketua Menteri negeri Perlis.

## TINDAKAN

Menjemput kawan-kawan 'saudara' di kejiraninan anda makan bersama-sama minggu ini.

Kedah meliputi kawasan seluas 9,425 km persegi di utara Semenanjung Malaysia dan berkongsi sempadan dengan negeri Thailand. Mengikut tradisi, Kedah dikenali sebagai "Jelapang Padi Malaysia". Dataran padi Kedah-Perlis menghasilkan lebih daripada separuh bekalan beras tempatan di negara ini.

Kedah adalah antara negeri yang paling lama wujud di negara ini. Peninggalan yang ditemui di Lembah Bujang menunjukkan pengaruh Hindu-Buddha dalam tamaddun Melayu sejak abad keempat. Sejarah ringkas Kedah termasuk kekalahan di tangan Aceh, penaklukan oleh Siam, serta pindah milik kepada pihak British melalui Perjanjian Bangkok pada tahun 1909. Namun, perkara-perkara ini tidak memberi kesan pada urusan kesultanan, yang masih wujud hingga ke hari ini. Sultan Kedah, iaitu Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, pernah memerintah sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kelima dan keempat belas.

Ibu negeri Kedah, iaitu Alor Setar, ialah pusat kerajaan negeri serta pusat perdagangan, dan juga tempat terdapat banyak bangunan-bangunan lama, yang masih wujud dalam bentuk asalnya bersama dengan peninggalan masa dahulu.

Jumlah bilangan penduduk negeri Kedah adalah 1,880,783 (2010), yang merangkumi majoriti orang Melayu (77.5%), diikuti oleh orang Cina (13.5%), dan orang India (7%). Agama Islam ialah agama utama di negeri ini (78%), manakala bilangan penduduk Kristian hanya 0.7%. Kebanyakan penganut Kristian adalah orang Cina dan India. Terdapat juga sebanyak 1,000 orang Cina Muslim dan 3,300 orang India Muslim di negeri Kedah.

Pulau Langkawi terkenal sebagai salah satu daripada tarikan pelancong berdasarkan lagenda Melayu serta keindahan kawasan pantai. Ia juga tempat yang digemari bagi tujuan persidangan antarabangsa. Makanan tempatan Kedah yang terkenal termasuk ikan pekasam dan laksa Kuala Kedah.

Negeri Kedah mempunyai 12 daerah pentadbiran. Bagi tujuan buku ini, 12 daerah akan digabungkan menjadi 4 zon berdoa.

Zon 2: Langkawi, Kubang Pasu & Padang Terap

Zon 3: Kota Setar, Pokok Sena & Pendang

Zon 4: Yan, Kuala Muda & Sik

Zon 5: Baling, Kulim & Bandar Baharu



Bendera Negeri Kedah

### DEMOGRAFI (2010)

**JUMLAH:** 1,880,783

Kumpulan Etnik	%
Melayu	77.5
Cina	13.5
India	7
Lain-lain	2

### Agama %

Islam	78
Buddha	14
Hindu	6.7
Kristian	0.7



## Zon 2. Kedah - Langkawi, Kubang Pasu & Padang Terap



Langkawi yang merupakan pulau yang utama dalam kelompok 99 pulau yang indah ini, berhampiran pantai Semenanjung Malaysia di sebelah barat laut. Pulau tersebut terkenal dengan lagenda Melayu serta keindahan pantainya. Penduduk tempatan percaya bahawa Puteri Mahsuri telah meletakkan sumpahan ke atas Pulau Langkawi hingga tujuh keturunan. Kini mereka percaya bahawa sumpahan tersebut telah selesai tempohnya, justeru itu perkembangan pesat pulau ini. Bilangan penduduk Melayu adalah sebanyak 93% daripada jumlah bilangan penduduk keseluruhan. Kerusi parlimen Langkawi telah ditandingi dan dimenang oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada pilihanraya umum tahun 2018.

Kubang Pasu: 215, 491  
Peratus (%)

Melayu	88
Cina	8
India	2
Lain-lain	2

Daerah Kubang Pasu dikenali dengan gelaran Lembah Pendidikan di negeri ini sebab kebanyakan daripada pusat-pusat pengajian terdapat di sini, termasuk Universiti Utara Malaysia (UUM). Kebanyakan penduduk di sini terdiri daripada petani dan pedagang. Walaupun pembangunan di negeri ini telah berkembang maju, namun beras menjadi asas ekonomi. Tun Dr Mahathir pernah memegang kerusi parlimen Kubang Pasu dari tahun 1974 hingga 2004. Ketika itu, Tun Mahathir menyandang jawatan tertinggi kerajaan, iaitu Perdana Menteri Malaysia dari tahun 1981 hingga 2003. Orang Melayu di Kubang Pasu terdiri daripada 88% jumlah penduduk di daerah ini.

Langkawi: 85,588  
Peratus(%)

Melayu	93
Cina	5
India	2

Padang Terap: 61,325  
Peratus (%)

Melayu	92
Cina	1
India	0
Lain-lain	7

Bandar Padang Terap telah mendapat namanya daripada sebuah pokok yang terkenal kerana dayanya bertahan musim kemarau. Pokok ini dipanggil pokok terap. Terdapat sebilangan kecil pendatang dari negeri Thailand di Padang Terap. Sebanyak 92% daripada jumlah bilangan penduduk ialah orang Melayu.

## Yesaya 61:10

Kerana Dia mengenakan pakaian penyelamatan kepadaku dan menyelubungi aku dengan jubah kebenaran.

Peter dan rakan sejirannya pergi ke kampung di mana isteri Peter tinggal, sejauh dua jam perjalanan. Walaupun kelihatan pelik suami dan isteri tinggal berasingan, namun ini perkara biasa. Pekerjaan yang baik sukar diperoleh di kampung. Jadi sepertimana Peter, ramai orang dari kampung perlu berpindah ke tempat yang mampu menawarkan gaji yang baik. Peter telah berkahwin tahun lalu, isterinya tinggal di kampung. Isterinya telah memperoleh pekerjaan yang baik di sebuah universiti berhampiran dan mereka juga mempunyai sebuah rumah. Namun begitu, Peter hanya boleh mendapat pekerjaan yang baik di bandar. Dia bekerja di bandar sepanjang minggu dan pulang ke kampung untuk bersama isterinya di hujung minggu. Di negeri Kedah, terdapat ramai orang lelaki yang hanya dapat peroleh kerja di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan juga Singapura. Mereka berulang-alik dalam perjalanan dari bandar besar ke kampung untuk bersama keluarga masing-masing di hujung minggu. Situasi begini menyebabkan tekanan yang agak besar atas rumah tangga mereka dan juga memberi kesan negatif terhadap pembesaran anak-anak. Yang sedihnya, dalam kebanyakan kes, suami yang menjawat kerja yang baik, berkahwin lagi di bandar, menyebabkan penambahan tekanan kepada ahli keluarga.



## BAHAN DOA



- Berdoa agar ikatan perkahwinan suami isteri dikuatkan dan suami setia kepada isteri pertama.
- Berdoa untuk satu keluarga hamba Tuhan di Langkawi yang menjangkau 'saudara' di tempat itu.
- Berdoa agar lebih ramai umat Tuhan dari luar negara akan datang membawakan Berita Baik.
- Berdoa agar gereja-gereja kecil menyedari bahawa mereka pun mampu membawa perubahan dalam daerah mereka masing-masing.
- Berdoa untuk pemerintah iaitu Sultan dan Menteri Besar negeri Kedah.

## TINDAKAN

Cuba mengenali salah seorang kawan 'saudara' anda dengan lebih rapat minggu ini.

### Zon 3. Kedah - Kota Setar, Pokok Sena & Pendang



Dalam **daerah Kota Setar** terletaknya ibu negeri Kedah, iaitu Alor Setar. Nama Kota Setar datang daripada pokok setar yang merupakan satu tumbuhan asli. Alor Setar ialah tempat lahir Tunku Abdul Rahman dan Tun Dr Mahathir Mohamad. Ia sebuah kota yang ketara dengan ciri-ciri Melayu, kebudayaan yang berakar umbi dan pemikiran yang tidak mengikuti perkembangan zaman (konservatif) yang merujuk pada tafsiran Islam yang agak tegas serta amat menghormati pemerintah negeri. Almarhum Sultan Abdul Halim daripada kerabat Kedah pernah menyandang gelaran Yang di-Pertuan Agong Malaysia kelima dari tahun 1970 – 1975

dan Yang di-Pertuan Agong Malaysia keempat belas dari tahun 2011

– 2016. Muzium Padi, yang terletak di sini, memberi segala penerangan tentang tanaman utama Kedah: beras. Muzium Negeri memaparkan pameran barang-barang dari abad kesembilan belas ketika Kedah menjadi negeri ufti Siam. Sebanyak 74.5% penduduk di sini orang Melayu, dan 22.5% orang Cina. Terdapat juga beberapa buah gereja di Alor Setar.

Pokok Sena: 47,745

Peratus (%)

Melayu	92
Cina	5.5
India	1.5
Lain-lain	1

Kota Setar: 360,129

Peratus (%)

Melayu	74.5
Cina	22.5
India	2.5
Lain-lain	0.5

**Bandar Pokok Sena** daerah yang kedua belas di negeri Kedah.

Dahulunya, ia kawasan kecil dibawah daerah besar Kota Setar. Pokok sena ialah gelaran bahasa Melayu bagi Angsana, sejenis pokok yang biasa terdapat di negeri Kedah. Kegiatan ekonomi yang utama ialah pertanian. Kerajaan negeri merancang untuk membangunkan bandar ini menjadi bandar satelit Alor Setar. Penduduk orang Melayu kira-kira sebanyak 92%.

**Pendang** ialah daerah Melayu tradisional dan salah sebuah kawasan pertanian yang terbesar di negeri Kedah. Terdapat juga kumpulan besar orang Thai-Malaysia (orang Siam) di sini. Kira-kira 90% daripada penduduknya ialah orang Melayu.

Pendang: 94,033  
Peratus (%)

Melayu	90
Cina	3.3
India	0.3
Lain-lain	6.4

## Roma 10:14-15

Jadi, bagaimana mereka dapat menyeru kepada-Nya sedangkan mereka tidak beriman kepada-Nya? Dan bagaimana mereka dapat beriman kepada-Nya sedangkan mereka tidak pernah mendengar tentang-Nya? ... “Alangkah indahnya kaki mereka yang membawa berita baik!”

Selama dua tahun Kenny cuba menghentikan tabiat merokok tetapi tidak berjaya. Kenny berasa tawar hati. Selepas meluangkan masa bersamanya, kami dapat menilai keadaannya dan memberitahu bahawa perkara ini ada penyelesaian secara rohani. Dengan itu, kami pun berdoa secara ringkas agar Tuhan memberkati Kenny dan membantunya. Tuhan menjawab doa yang ringkas itu dan Kenny dapat mengatasi ketagihan merokoknya. Selepas itu, Kenny dan isterinya, Rachel, mula membuka hati mereka terhadap agama kami. Pada suatu hari, ketika kakak ipar kami melawat mereka, Rachel memintanya membawa ‘buku cerita’ kami untuknya pada hari lain dia melawat.

Ketika lawatan kami yang lalu, kami dapat mengkaji secara ringkas ayat-ayat tentang Yesus dalam kitab suci mereka. Ada ayat yang nyatakan bahawa “Yesus menyembuh orang buta...” serta ayat lain tetapi tiada sebarang maklumat lanjutan mengenai Yesus dalam kitab suci mereka. Kini, Kenny dan Rachel meminta maklumat yang lanjut tentang cerita yang mereka telah baca. Kami menjelaskan pada Kenny dan Rachel bahawa maklumat lanjutan tersebut terdapat dalam buku cerita suci kami. Inilah peluang yang besar dan pintu terbuka untuk kami berkongsi tentang kisah Yesus, Penyembuh mata yang buta! Kami juga berharap bahawa hati mereka akan terbuka untuk menyaksikan filem “Yesus”.



## BAHAN DOA

- Berdoa agar lebih ramai ‘saudara’ berbuka hati mereka seperti Kenny dan Rachel.
- Berdoa agar Firman Tuhan mudah diperolehi oleh ‘saudara’ di Pokok Sena dan Pendang.
- Berdoa agar umat Tuhan di Kota Setar dapat menemui kawan-kawan yang mempunyai fikiran yang sehaluan berdasarkan kerajaan Tuhan.
- Berdoa agar lebih ramai kumpulan datang ke kawasan-kawasan ini untuk berkongsikan kasih Yesus.

## TINDAKAN

Cuba mengenali ‘saudara’ di kawasan perjiranan anda.

#### Zon 4. Kedah - Yan, Kuala Muda & Sik (bersambung di muka surat berikut)



#### Zon 4. Kedah - Yan, Kuala Muda & Sik (disambung dari muka surat sebelum)



## Zon 4. Kedah - Yan, Kuala Muda & Sik (disambung dari muka surat sebelum)



Yan: 67,653  
Peratus (%)

Melayu	93
Cina	6.5
India	0.1
Lain-lain	0.4

Kuala Muda: 435,959  
Peratus (%)

Melayu	65.5
Cina	19.5
India	14
Lain-lain	1

Sik: 65,774  
Peratus (%)

Melayu	93
Cina	1
India	0
Lain-lain	6

**Daerah Yan** terletak di pinggiran pantai yang membatasi Selat Melaka. Ia tempat yang agak selesa dan tenang dan mempunyai tempat-tempat yang menarik seperti air terjun dan pantai. Gunung Jerai (1,220m), puncak yang tertinggi di negeri Kedah, menawarkan pemandangan yang menawan hati kerana dapat melihat sawah padi yang terbentang luas serta perairan Selat. Kebanyakan penduduknya ialah orang Melayu (93%). Beberapa kawasan di sini didiami oleh kaum etnik Aceh.

**Daerah Kuala Muda** amat digemari orang ramai kerana ia mempunyai tapak tamadun Malaysia yang terawal. Pusat pentadbirannya ialah Sungai Petani. Lembah Bujang merupakan salah satu kawasan di Malaysia yang terkaya dengan peninggalan zaman purba serta salah satu daripada penempatan tamadun yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu. Pada abad kelima, Bujang ialah sebuah pelabuhan dan pada abad ketujuh, ia diserap menjadi sebahagian Empayar Srivijaya. Zaman kegemilangan Empayar Srivijaya tercapai pada abad kesembilan dan kesepuluh, sebelum agama Islam dapat bertapak di Semenanjung. Kira-kira 50 candi (*bangunan purba yang dibuat daripada batu untuk menyembah berhala serta menyimpan abu mayat*) dan patung berhala dewa-dewi Hindu ditemui sepanjang Sungai Bujang. Peninggalan purba Hindu-Buddha ini mendedahkan aspek yang penting tentang kewujudan satu tamadun yang utama sebelum Melayu-Islam bertapak. Bilangan penduduk Cina dan India agak banyak (19.5% dan 14%) dan terdapat juga pengaruh gereja yang luas di sini.

**Daerah Sik** terletak di bahagian timur negeri Kedah. Kebanyakan penduduknya orang Melayu (93%). Daerah Sik terkenal kerana Sungai Muda, sungai yang paling panjang di negeri Kedah. Taman Eko Ulu Muda warisan semula jadi negeri ini yang masih kekal dari dahulu sebab tidak tercemar. Taman ini juga tempat tinggal kepada kira-kira 109 spesies nadir mamalia.

## **Yesaya 43:1-2**

Jangan takut, kerana Aku telah menebus engkau. Aku telah memanggil engkau dengan namamu, engkau milik-Ku. Apabila engkau mengharungi air, Aku akan menyertaimu ... apabila engkau berjalan melalui api, engkau tidak akan dihanguskan.

Alam roh memang satu kenyataan yang biasa di kalangan kebanyakan ‘saudara’. Saluran televisyen menyiarkan banyak rancangan yang mengisahkan tentang hantu dan iblis yang datang mengganggu. Terdapat juga rancangan realiti tentang pemburuan makhluk halus dan penggunaan khidmat bomoh untuk mengusir iblis dan makhluk halus.

Tuhan menjamah hati Jake untuk melayani Tuhan dengan memulakan persembahan muzik. Jake begitu mesra dan peramah dengan semua orang melalui permainan gitarnya. Dia memuji Tuhan dan membiarkan hadirat Tuhan menyentuh hati orang ramai melalui muzik. Seperti yang dilakukan oleh Daud yang memainkan alat muzik bertali bagi menenangkan fikiran Raja Saul, Jake pun melakukan sedemikian dengan gitarnya agar gangguan iblis dan syaitan dapat dijauhkan. Jake sering bertanya rakan ‘saudara’nya, “Adakah anda percaya bahawa pujian malaikat dapat mententeramkan fikiran seseorang yang celaru dan masih dalam kegelapan?” Dalam beberapa minggu yang berikutnya, Tuhan mengilhami Jake untuk menulis lirik dan mencipta melodi lagu yang sangat indah. Semasa dia mainkan lagu yang dicipta, ramai kawan-kawan ‘saudara’ berkata bahawa mereka merasakan ketenangan hati ketika mendengar lagu-lagu Jake.

Selepas itu, Roh Kudus mengilhami Jake dengan penciptaan dua tiga lagu lagi yang mempunyai lirik yang mengisahkan tentang kehidupan kekal, sifat-sifat kudus Tuhan serta memuliakan nama Tuhan. Walaupun Jake tidak berapa fasih berbahasa, tetapi Tuhan telah mengaruniakan Jake dengan suara yang merdu sekali untuk menyanyikan lagu-lagu tersebut.



## **BAHAN DOA**

- Berdoa agar Jake dipenuhi dengan kuasa Roh Kudus untuk membawa puji-pujian bagi kemuliaanNya dan menjangkau jiwa-jiwa yang terganggu agar mereka dapat mendengar bisikan suara Yesus dan megenaliNya.
- Berdoa untuk mereka yang mencari kuasa melalui ilmu sihir dapat menemui sumber segala kuasa iaitu Yesus.
- Berdoa agar ‘saudara’ di bandar Yan, Kuala Muda dan Sik akan bersedia mencari maklumat baru dan kebenaran.
- Berdoa agar hamba-hamba Tuhan yang sedia ada akan terus bersinar sebagai cahaya untuk Yesus.

## **TINDAKAN**

Berkongsi kesaksian anda dengan ‘saudara’ anda.

## Zon 5. Kedah - Baling, Kulim & Bandar Baharu



Bandar Baharu: 41,659  
Peratus (%)

Melayu	82
Cina	11
India	6.5
Lain-lain	0.5

Kulim: 272,024  
Peratus (%)

Melayu	63.5
Cina	17
India	18.7
Lain-lain	0.8

Baling: 133,403  
Peratus (%)

Melayu	91
Cina	3.5
India	4
Lain-lain	1.5

Di **daerah Baling** terletaknya bandar Baling. Bandar Baling terkenal disebabkan Rundingan Damai Baling yang telah diadakan pada tahun 1956 bagi menangani masalah keadaan darurat di Malaya. Pegawai-pegawai yang utama terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, David Marshall dan Chin Peng. Rundingan Damai itu tidak berjaya, dan menyebabkan beberapa perkembangan dalam sejarah Malaya kemudiannya. Bilangan penduduk yang paling ramai ialah orang Melayu (91%).

**Daerah Kulim** terletak di tenggara negeri Kedah, bersempadan negeri Pulau Pinang. Nama bandar Kulim berasal daripada pokok kulim, sejenis tumbuhan yang digemari orang ramai. Digelar sebagai pusat IT di kawasan utara, Kulim Hi-Tech Park sebuah kawasan perindustrian yang menjadi tumpuan orang ramai. Ia juga telah menyebabkan pembangunan di bandar Kulim. Kulim mempunyai lebih ramai penduduk Cina dan India (17% & 18.7%).

**Daerah Bandar Baharu** terletak di bahagian selatan negeri Kedah. Pekan Bandar Baharu terletak di tempat pertemuan sempadan tiga negeri, iaitu negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Bilangan penduduk yang terbesar terdiri daripada orang Melayu (82%), diikuti orang Cina (17%). Ramai orang di sini berpegang pada kepercayaan karut yang telah diturunkan dari satu generasi ke satu generasi mengikut keturunan keluarga.

#### Efesus 4:1

“Oleh itu aku, yang terpenjara kerana Tuhan, merayu agar kamu, sebagai orang yang telah dipanggil, hiduplah berpadanan dengan panggilan itu. ”.

Selina, seorang pengikut Yesus dari luar negeri, meminta jirannya, Beth, mengajarnya tentang adat resam mereka dan memberi tunjuk ajar sekiranya dia melakukan sesuatu yang biadap atau melanggar isu tentang kebudayaan mereka. Ada suatu ketika, Selina bersiu di dalam rumah. Kemudian, semasa berada di luar rumah, Beth menjelaskan kepada Selina bahawa bersiu di dalam rumah bagi mengundang ular masuk ke dalam. Pada mulanya, Selina ingin ketawa, tetapi dia menahan diri, dan sebaliknya dia meminta Beth bercerita lebih lanjut tentang kepercayaan karut ini. Lepas itu, Selina berhenti bersiu dan meminta maaf kepada kawannya sebagai tanda penghormatan baginya. Selina mengatakan yang dia tidak mahu menyebabkan sebarang perasaan takut dalam diri Beth. Kini, Selina tahu bagaimana berdoa untuk Beth, agar kasih yang sempurna dari Tuhan dapat menghilangkan segala ketakutan daripada hidup Beth.

Kepercayaan lama yang karut ini ialah perkara biasa antara kalangan ‘saudara’, tidak kira taraf pendidikan, status sosioekonomi ataupun latar belakang mereka. Contohnya, jika mereka jatuh sakit, mereka akan berjumpa dengan dukun terlebih dahulu bagi tujuan merawat penyakit mereka sebelum melawat doktor di hospital. Mereka juga meminta bomoh untuk meletakkan sumpahan atas seseorang kerana perasaan cemburu.



#### BAHAN DOA



- Berdoa agar lebih ramai umat Tuhan akan sensitif dan mengambil kesempatan berdoa untuk kawan ‘saudara’ mereka.
- Berdoa agar kebenaran tentang Yesus akan didedahkan kepada ‘saudara’ di Baling, Kulim dan Bandar Baharu.
- Berdoa agar segala rintangan mengenai salah faham agama dapat disingkirkan dan ‘saudara’ akan menyedari kebenaran yang boleh memberi pembebasan bagi mereka.

#### TINDAKAN

Berdoa kepada Tuhan untuk membimbing anda berkongsi tentang Yesus kepada kawan-kawan ‘saudara’.

## Pulau Pinang

Pulau Pinang Pulau Mutiara terletak ke arah barat laut pantai Semenanjung Malaysia. Pulau Pinang terdiri daripada sebuah pulau seluas 290 km persegi dan sebidang tanah seluas 760 km persegi di tanah besar semenanjung yang diberi nama Seberang Perai (dahulunya Province Wellesley). Georgetown, di Pulau Pinang, ialah ibu kota negeri itu, manakala Butterworth ialah bandar terbesar di Seberang Perai.

Georgetown juga bandar teras bagi aktiviti komersil negeri. Ia mencerminkan satu penggabungan kehidupan serta budaya timur dan barat yang terbaik, yang dapat dilihat daripada kebanyakan bangunan lama yang mempesonakan, setiap satunya mempunyai ciri-ciri pengaruh asing yang berlainan dalam sejarahnya yang berwarna-warni. Penduduk berbilang kaum yang hidup berharmoni serta bangunan warisan yang dipelihara dengan baik dan kekal seperti asli telah membolehkan Georgetown dapat gelaran kehormat, iaitu tapak Warisan Budaya Dunia UNESCO pada tahun 2007.


Pulau Pinang juga ialah pusat perkilangan dan elektronik yang penting di kawasan ini. Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas ialah zon industri teknologi tinggi di bahagian selatan Pulau Pinang. Zon Perindustrian Bebas di Bayan Lepas dan Kawasan Perindustrian Perai kedua-duanya berperanan penting mendorong Pulau Pinang menjadi negeri ekonomi yang ketiga terbesar di Malaysia selepas negeri Selangor dan Johor.

Bilangan penduduk negeri Pulau Pinang seramai 1,471,523 (mengikut banci 2010). Negeri Pulau Pinang satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai majoriti penduduk orang Cina (45.5%), diikuti oleh orang Melayu (43%), dan orang India (10.5%). Kebanyakan orang Cina menetap di daerah-daerah timur laut Pulau Pinang dan Seberang Perai Tengah. Pulau Pinang juga satu-satunya negeri yang mempunyai Ketua Menteri yang berbangsa Cina. Agama utama negeri ialah Islam (44%), manakala 5% adalah orang Kristian. Kebanyakan daripada orang Cina pengikut agama Buddha atau mengikuti pemujaan leluhur. Orang Kristian terdiri daripada orang Cina dan India. Terdapat juga 1,300 orang Cina-Muslim dan 12,000 India-Muslim di Pulau Pinang.

Pulau Pinang juga terkenal kerana makanan tempatannya, termasuk Laksa Pinang, Nasi Kandar, Mee Hokkien, Char Koay Teow dan Pasembor.

Terdapat 5 daerah pentadbiran di Pulau Pinang. Bagi tujuan buku ini, 5 daerah ini akan digabungkan menjadi 5 zon berdoa:

- Zon 6: Seberang Perai Utara
- Zon 7: Seberang Perai Tengah
- Zon 8: Seberang Perai Selatan
- Zon 9: Timur Laut Pulau Pinang
- Zon 10: Barat Daya Pulau Pinang



Bendera Negeri Pulau Pinang

### DEMOGRAFI (2010)

**JUMLAH:** 1,471,523

Kumpulan Etnik	%
Melayu	43
Cina	45.5
India	10.5
Lain-lain	1

### Agama %

Islam	44
Buddha	36.6
Hindu	8.6
Kristian	5
Pemujaan leluhur	5



## Zon 6. Pulau Pinang - Seberang Perai Utara



**Daerah Seberang Perai Utara** adalah daerah pentadbiran di bahagian tanah besar negeri Pulau Pinang. Bandar utama daerah ini ialah Kepala Batas dan bandar terbesar ialah Butterworth. Butterworth dihubungkan dengan Pulau Pinang melalui perkhidmatan feri ke Georgetown.

Padi ditanam di sebahagian besar daerah ini dan ini menyebabkan kebanyakan daerah ini diliputi dengan sawah padi. Kepala Batas ialah kampung halaman Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri ke-5 Malaysia. Beliau bertugas sebagai Ahli Parlimen selama bertahun-tahun sebelum bersara. Bandar Butterworth mendapat namanya daripada William John Butterworth, Gabenor Negeri-Negeri Selat (1843-1855). Bandar Butterworth ditubuhkan pada pertengahan abad ke-19 sebagai tempat mendarat sewaktu menyeberangi selat dari ibu negeri Pulau Pinang, Georgetown. Secara tidak rasmi, Butterworth dikenali dengan nama Melayunya, iaitu Bagan, yang bermaksud pangkalan. Kini, Ahli Parlimen bagi Bagan ialah Lim Guan Eng, yang merupakan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang dan kini Menteri Kewangan. (Lim juga ADUN- Ahli Dewan Undangan Negeri – bagi Air Putih, Bukit Bendera di Timur Laut Pulau Pinang). Majoriti penduduk ialah orang Melayu (60.5%), diikuti oleh orang Cina (31%). Walaupun orang Melayu tinggal di semua kawasan di daerah ini, orang Cina boleh ditemui di kawasan-kawasan keliling Butterworth terutamanya.

## Kisah Para Rasul 5:29

“Petrus dan rasul yang lain menjawab, “Kami harus taat akan Allah, bukan manusia! ”

Amelia sering berjoging dan bersenam dengan kawan ‘saudara’nya yang bernama Bea. Selama beberapa minggu, mereka saling menceritakan kisah-kisah hidup mereka masing-masing. Lama-kelamaan, Bea beritahu Amelia bahawa sebenarnya dia rasa tidak selesa menceritakan kisah-kisah hidupnya dengan ahli keluarga sebab dia tidak mempercayai mereka. Bea juga memberitahu Amelia bahawa dia merasa selesa untuk menceritakan kisah hidupnya dengannya. Semakin lama mereka menghabiskan waktu bersama, semakin nyata Bea mengalami kasih Yesus. Mereka saling bertanya soalan dan saling mendengar antara satu sama lain. Semasa berbual, mereka juga ketawa. Bea tidak pernah mengalami keadaan begitu sebelum ini.

Pada suatu hari, Bea berkata bahawa perempuan yang kuat ketawa hingga menarik perhatian orang lain dianggap kurang sopan. Sikap seperti ini dianggap tidak sopan dan “tidak berpelajaran”.

Namun begitu, Amelia meyakinkan Bea bahawa dalam Firman Tuhan tertulis: *“Hati yang gembira adalah ubat yang baik”*. Sudah lama Firman Tuhan berkata demikian, kebenaran ini baru sahaja disedari oleh dunia perubatan. Inilah kali pertama Bea mendengar sesuatu yang begitu indah sekali dan yang bermakna dari Firman Tuhan.



## BAHAN DOA

- Berdoa agar umat Tuhan dapat berkongsi amalan-amalan yang baik yang tercatat dalam Firman Tuhan semasa perbualan harian dengan kawan-kawan mereka yang belum mengenali Tuhan.
- Berdoa untuk para ‘saudara’ yang cuba berusaha melakukan perkara yang mereka anggap boleh menyenangkan hati Tuhan, sebaliknya mereka dapat mengenali Tuhan yang penuh dengan kasih karunia.
- Berdoa agar Tuhan memberkati komuniti-komuniti para petani di Pulau Pinang. Berdoa agar Tuhan memberi Tuaian yang melimpah dalam perkembangan Kerajaan Tuhan.
- Berdoa untuk Yang Dipertua Negeri (Gabenor) dan Ketua Menteri Pulau Pinang.

## TINDAKAN

Beritahu kawan-kawan ‘saudara’ anda betapa banyak anda menghargai mereka.

## Zon 7. Pulau Pinang - Seberang Perai Tengah

Jumlah: 342,485  
Peratus (%)

Melayu	50
Cina	39
India	10
Lain-lain	1



**Daerah Seberang Perai Tengah** adalah sebuah daerah pentadbiran yang terletak di bahagian tanah besar negeri Pulau Pinang. Bandar utamanya ialah Bukit Mertajam. Bandar-bandar lain termasuk Perai, Seberang Jaya & Permata Pauh. Permata Pauh adalah kampung halaman Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia serta Ahli Parlimen bertahun-tahun lamanya.

Kawasan-kawasan Seberang Perai adalah tempat di mana sederet projek mega bangunan perdagangan dan kediaman telah tumbuh bagi cendawan sejak beberapa tahun, khususnya di perbandaran perniagaan dan perdagangan yang berkembang maju di Butterworth di bahagian utara dan Seberang Jaya di daerah ini. Dahulunya, kawasan ini kurang maju berbanding Pulau Pinang di sebelah pulau. Namun, Seberang Perai yang dahulunya kawasan yang lengang, kini telah banyak berkembang menjadi raksasa kesibukan dan pembangunan. Banyak pembangunan yang besar di negeri Pulau Pinang kini ditumpukan di kawasan-kawasan Seberang Perai.

Majoriti bilangan penduduknya adalah orang Melayu (50%) diikuti oleh orang Cina (39%). Kebanyakan orang Cina boleh ditemui di kawasan-kawasan sekeliling Bukit Mertajam, Perai dan Bukit Tengah. Antara tarikan pelancong termasuk Taman Rekreasi Bukit Mertajam, Taman Burung Pulau Pinang di Seberang Jaya dan Gereja Katolik St. Anne di Bukit Mertajam.

## Kisah Para Rasul 6:5

“Mereka memilih Stefanus, seorang yang sangat teguh imannya serta dikuasai oleh Roh Kudus”.

Dengan pemimpin Tuhan, saya mengenali 12 orang ‘saudara’. Mereka datang untuk menginap di bandar kami selama 40 hari. Mereka membuat lawatan dari rumah ke rumah untuk mendorong lebih ramai orang berdoa. Mereka berkata bahawa kebanyakan rumah ibadat mereka telah kosong. Jika umat tidak berdoa, rumah ibadat akan dimasuki and diambilalih oleh Syaitan.

Apabila saya berbual dengan mereka di kafeteria, salah seorang daripada mereka mula memberi pengulasan tentang pengubahan Alkitab.

Saya terdengar suara Tuhan berbisik dalam hati saya, “Kasih yang sempurna menghilangkan segala rasa takut.” Apabila mereka selesai bercakap, saya pun berkongsi tentang cerita-cerita Yesus. Saya beritahu mereka bahawa Yesus wujud sebagai Anak Tuhan terlebih dahulu sebelum Dia wujud sebagai Anak Manusia. Mereka kagum kerana tiada sesiapa yang pernah berkongsikan cerita sebegini kepada mereka.

Kemudian, salah seorang daripada mereka yang bernama Abraham, datang berjumpa dengan saya dan berkata bahawa dia ingin berada di syurga dengan saya nanti. Dengan penuh keyakinan, saya memberitahunya bahawa saya pasti akan berada di syurga. Dia nampak terkejut apabila mendengar kepastian saya masuk ke syurga.



## BAHAN DOA

- Berdoa agar Abraham dan rakan-rakannya akan sedar bahawa mereka juga boleh bersama Tuhan Yesus Kristus buat selamanya di tempat yang telah disediakanNya bagi sesiapa sahaja yang menerimaNya dan mengikutiNya.
- Berdoa untuk keselamatan pemimpin agama; ‘sebab mereka tidak menyedari perkara yang mereka lakukan/amalkan’.
- Berdoa agar Tuhan menggunakan kelemahan para pemimpin politik untuk menimbulkan keraguan dalam fikiran ‘saudara’, lalu pemikiran dan pendapat mereka dicabar terhadap kenyataan rohani.
- Berdoa untuk ‘saudara’ di Seberang Perai supaya mereka terjumpa dengan umat Tuhan yang dapat berkongsi Berita Baik dengan mereka.

## TINDAKAN

Tulis dan hantarkan kad ucapan salam kepada kawan ‘saudara’ anda.

## Zon 8. Pulau Pinang - Seberang Perai Selatan



Daerah **Seberang Perai Selatan** adalah sebuah daerah pentadbiran yang terletak di bahagian tanah besar negeri Pulau Pinang. Bandar utamanya ialah Sungai Jawi, manakala bandar terbesarnya ialah Nibong Tebal. Bandar-bandar

lain termasuk Batu Kawan, Bukit Tambun, Simpang Ampat, Sungai Bakap, Val D'or dan Sungai Aceh. Industri perikanan dan pertanian berkembang maju di Seberang Perai Selatan. Ladang kelapa sawit meliputi kebanyakan kawasan di daerah ini.

Gelaran Nibong Tebal bermaksud "palma yang tebal" dan mungkin merujuk kepada pokok-pokok nibung yang bertumbuh di paya bakau yang bersekitaran. Terdapat sebuah Kampus Universiti Sains Malaysia (USM) di sini. Pusat pengajian kejuruteraan awam, kejuruteraan aeroangkasa serta kejuruteraan sumber benda dan mineral antara

fakulti-fakulti yang terletak di sini. Orang terkenal yang berasal dari Nibong Tebal ialah mendiang Profesor Chin Fung Kee, beliau membuat rekabentuk Jambatan Pulau Pinang yang pertama.

Orang Melayu terdiri daripada 41%, manakala orang Cina terdiri daripada 39.5% bilangan penduduk. Terdapat juga bilangan penduduk orang India yang agak banyak (18.7%).

Jumlah: 162,905  
Peratus (%)

Melayu	41
Cina	39.5
India	18.7
Lain-lain	0.8

## Galatia 2:20

Aku telah disalibkan bersama Kristus, bukanlah aku lagi yang hidup, tetapi Kristus yang hidup dalamaku. Dalam hidup jasadku sekarang aku hidup dengan iman kepada Anak Allah, yang mengasihiku dan menyerahkan diri-Nya untukku.

Upacara ‘mandi bunga’ merupakan satu adat yang diamalkan diseluruh Asia Tenggara oleh ramai orang yang mempercayai bahawa amalan ini dapat menolak bala (menghilangkan nasib malang). Kebanyakan ‘saudara’ percaya bahawa nasib baik akan datang melimpah berserta pasangan hidup yang baik apabila bala yang membawa nasib malang dihilangkan. Bagi perkhidmatan upacara sebegini, mereka rela membayar hingga RM2,100.

Upacara ini dikendalikan oleh seorang tok dukun. Mandian tersebut mengandungi daun pokok limau purut dan daun pokok limau gedang yang dicampurkan sekali di dalam satu tab air. Sesiapa yang hendak mengikuti upacara ini, perlu rendamkan diri di dalam tab air selama 15 minit, selepas itu keluar dan mandi biasa. Mereka percaya bahawa dengan berbuat demikian, segala nasib malang dapat dihilangkan dan akan membawa masuk pasangan yang cocok dan baik.

Satu lagi upacara yang sering diamalkan di kalangan ‘saudara’ di daerah ini ialah sesuatu yang hampir sama dengan “voodoo”, iaitu menjampikan orang yang dicintai anda agar orang itu tergilal-gila jatuh cinta pada anda.



## BAHAN DOA

- Berdoa agar Tuhan membatalkan kesemua adat dan upacara yang berunsur dari kuasa gelap, dan menggerakkan hati mereka agar mereka mencari keredhaan Tuhan.
- Berdoalah agar ‘saudara’ di pedalaman dan perkampungan dapat mendengar Berita Baik.
- Berdoa agar perhubungan peribadi di antara umat Tuhan dengan ‘saudara’ akan berbuah—‘saudara’ akan menerima kasih Tuhan.

## TINDAKAN

Belikan satu hadiah untuk ‘saudara’ anda.

## Zon 9. Pulau Pinang - Timur Laut Pulau Pinang



Jumlah: 488,061  
Peratus (%)

Melayu	22
Cina	66
India	11
Lain-lain	1



**Daerah Timur Laut Pulau Pinang** adalah sebuah daerah pentadbiran di bahagian pulau negeri Pulau Pinang. Daerah ini adalah teras pentadbiran, kebudayaan dan ekonomi negeri Pulau Pinang. Kebanyakan kawasan diperbandarkan dan Georgetown adalah ibu kota negeri Pulau Pinang. Daerah ini disambung ke tanah besar Semenanjung oleh Jambatan Pulau Pinang, yang menjadi penghubung antara subbandar Georgetown, iaitu Gelugor dan Perai di tanah besar. Antara daerah-daerah kecil yang penting termasuk Bukit Bendera, Ayer Hitam, Batu Ferringhi, Tanjung Bungah, Tanjung Tokong, Bayan Baru, Jelutong dan Gelugor.

Berlokasi di pantai timur laut Pulau Pinang, dan diisytihar sebagai tapak Warisan Budaya Dunia UNESCO sejak tahun 2007, Georgetown adalah salah sebuah daripada banyak-banyak ibu kota di Malaysia yang menerima paling ramai pengunjung. Georgetown ditubuhkan pada tahun 1786 oleh Sir Francis Light sebagai pusat perdagangan Syarikat Hindia Timur Inggeris di Negeri-Negeri Tanah Melayu, dan dinamakan bagi menghormati Putera Wales. Sebagai ibu kota yang kebanyakan penduduk orang Cina, Georgetown mempunyai suasana tulen Negeri-Negeri Selat, yang kelihatan menarik dari segi gaya seni bina kolonial, rumah-rumah kedai papan tradisi, dan pelbagai hidangan makanan yang dikembangkan oleh masyarakat India, Melayu, Peranakan, Thai dan Eropah. Dalam daerah ini, anda akan menemui tokong-tokong Cina di Kawasan 'Little India' dan masjid-masjid di Chinatown. Di jalan-jalan yang tertentu, anda boleh dapat pilihan kari India, hidangan Melayu yang pedas berempah atau mi mihun Cina tempatan, semuanya dihidang satu demi satu mengikut barisan berderet.

Bilangan penduduk di daerah ini seramai 488,061 orang, majoritiannya terdiri daripada orang Cina (66%). Orang Melayu hanya 22% daripada bilangan penduduk. Terdapat juga banyak gereja di daerah ini.

## Kejadian 2:24

“Itulah maka seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka berdua menjadi satu.”

Berikut adalah kesaksian sepasang suami isteri yang menjawab panggilan Tuhan untuk membawa sinaran cahaya Yesus ke suatu kampung terpencil.

*Umpama musim-musim yang berubah, begitu juga hati saya dan suami saya telah berubah selepas dua tahun. Walaupun kami kelihatan sama sahaja dari luaran, tetapi Tuhan telah melakukan satu perubahan yang amat besar dalam hati kami dan membuat kami bertumbuh dalam iman kami.*

*Sedikit demi sedikit, Yesus telah menghilangkan ketakutan kami, sikap yang buruk dan sangkaan yang salah terhadap diri sendiri dan juga orang lain. Bapa kami yang di syurga telah menunjukkan kepada kami betapa besar kasihNya terhadap manusia dan kami juga belajar untuk berdoa. Kami begitu kagum dengan kasihNya sehingga ia membawa perubahan besar dalam hidup kami.*

*Apabila kami berdoa kepada Tuhan dan menjangkau jiwa-jiwa ‘saudara’, Roh Kudus memberi kami kasih yang begitu luar biasa terhadap seluruh komuniti ‘saudara’. Kami dapat lihat betapa besarnya kasih dan belas kasihan Yesus terhadap manusia yang menyebabkan kami ingin berkongsi kasihNya dengan ‘saudara’.*

Terdapat juga seorang anak Tuhan yang mempunyai panggilan yang sama terhadap ‘saudara’, dia mulai menjangkau jiwa-jiwa di tepi jalan. Melalui perkongsian, tiga jiwa sudah menerima Tuhan.




## BAHAN DOA

- Berdoa agar Yesus Kristus mencurahkan kasih dan RohNya ke atas setiap kampung di Timur Laut. Berdoa agar segala kegelapan dan tipu daya Iblis dihancurkan dalam hadirat Tuhan.
- Berdoa agar Tuhan memberi semangat dan keberanian kepada pastor-pastor dan umatNya supaya mereka bukan sahaja menghulur bantuan kepada ‘saudara’ yang datang mencari kebenaran, malah berusaha untuk pergi mencari mereka yang belum mengenali Tuhan.
- Berdoa agar gereja-gereja di Pulau Pinang bertanggungjawab atas sumber-sumber yang diberi Tuhan dan bersatu hati dalam tujuan pelayanan serta kuat dalam doa.

## TINDAKAN

Buat/masak satu kek untuk ‘saudara’ anda.

## Zon 10. Pulau Pinang - Barat Daya Pulau Pinang



**Daerah Barat Daya Pulau Pinang** adalah sebuah daerah pentadbiran di bahagian pulau negeri Pulau Pinang.

Daerah ini pusat bagi industri teknologi tinggi di Zon Perdagangan Bebas, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kawasan sepanjang pantai di bahagian utara, yang berlapik dengan tempat peranginan yang canggih di tepi pantai. Di antaranya terdapat tumbuh-tumbuhan hijau asal dari Balik Pulau, teras perkampungan Melayu Pulau Pinang. Ternakan haiwan, kebun buah-buahan dan penangkapan ikan adalah aktiviti ekonomi utama di daerah ini. Zon Industri Bebas Bayan Lepas, yang terletak di sini merupakan salah satu daripada zon perindustrian teknologi tinggi di Malaysia.

Balik Pulau ialah perbandaran utama di bahagian barat daya Pulau Pinang. Nama Balik Pulau bermaksud "bahagian belakang pulau." Di Balik Pulau, masih terdapat sepetak sawah padi yang terakhir di Pulau Pinang. Secara tradisi, Balik Pulau menjadi tempat kegemaran orang Pulau Pinang sebab di sini mereka boleh dapat hasil buah-buahan yang terbaik. Semasa setiap musim durian, orang Pulau Pinang akan berkerumun di Balik Pulau kerana hasil tuaian buah durian berlimpah-limpah. Ramai orang Pulau Pinang mengakui bahawa durian dari Balik Pulau antara yang terbaik di Malaysia.

Daerah ini menampung bilangan penduduk seramai 191,749 dan majoritinya penduduknya adalah orang Melayu (61%), manakala 32% ialah orang Cina.

**Yohanes 14:27**

“Sejahtera Kuttinggalkan bagimu. Sejahtera-Ku sendiri Kuberikan kepadamu. Apa yang Kuberikan kepadamu bukan seperti yang disogokkan oleh dunia. Janganlah resah hatimu dan janganlah takut”.

Elsa menceritakan tentang abangnya, Nada, yang sudah berkahwin dan terkena jampi oleh seseorang. Nada sudah berkahwin selama dua tahun dan amat sayangkan isterinya. Namun, perkahwinannya tiba-tiba berubah apabila dia terpikat dengan seorang perempuan yang dulu adalah jirannya semasa kecil. Sebelum ini, Nada tidak pernah ada perasaan istimewa terhadap perempuan itu. Tiba-tiba Nada mula keluar dari rumah pada waktu malam untuk bersama perempuan itu hingga pagi keesokan hari. Nada pun tidak menyembuyikan perkara ini daripada keluarganya.

Lama-kelamaan, keluarga Nada dapat tahu kebenaran bahawa perempuan itu adalah kawannya dari zaman kanak-kanak. Perempuan itu berpindah ke bandar di mana mereka berada dengan tujuan bermesra dan memikat Nada. Apabila perempuan itu mengetahui kasih setia yang dalam antara Nada dan isterinya, dia berjumpa dengan seorang bomoh untuk membuat satu tangkal bagi menjampikan Nada. Perempuan itu menggunakan sesuatu barang kepunyaan Nada semasa zaman kanak-kanak. Kemudian dia menanam tangkal tersebut di halaman depan rumah Nada. Tanpa disedarinya, tangkal tersebut akan jadi aktif apabila Nada berjalan lalu tempat itu setiap hari.

Nada terperangkap dalam jampi tersebut selama setahun sampai ibu Elsa membayar bomoh yang lain untuk melawan jampi sebelumnya.

Tanpa Tuhan, ramai orang mengalami nasib yang sama seperti Nada dan keluarganya, kehidupan mereka diperangkap oleh kuasa gelap syaitan.



## BAHAN DOA

- Berdoa agar orang yang terperangkap dalam jampi serapah melalui ilmu hitam/sihir dapat menemui keselamatan dalam Yesus dan mengalami pembebasan melalui kuasa Roh Kudus.
- Berdoa agar Tuhan akan menggerakkan hati umat Tuhan supaya mereka ingin melakukan pelayanan merentasi kebudayaan, khususnya di antara kalangan 'saudara' di Pulau Pinang.
- Berdoa untuk sekumpulan kecil 'saudara' yang sudah percaya dan sering berjumpa agar mereka akan bertumbuh dalam iman dan menjangkau komuniti mereka.

## TINDAKAN

Bawalah anak-anak 'saudara' di rukun tetangga anda ke taman permainan kanak-kanak pada satu petang.

**Negeri Perak** meliputi kawasan seluas 21,005 km persegi, dan ia adalah negeri yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia. Zaman dahulu, Negeri Perak terkenal kerana kaya dengan perlombongan timah. Penemuan timah membawa masuk pendatang orang Cina dengan banyaknya ke negeri Perak. Kini, negeri Perak telah berkembang menjadi masyarakat berbilang kaum yang hidup berharmoni dan menggambarkan sifat kepelbagaian dalam bahasa, budaya dan warisan.

Ibu kotanya adalah Ipoh. Ia menarik kerana pemandangan taman landskap yang cantik, jalan-jalan yang teratur dan persekitaran yang menyenangkan. Satu lagi sifat bandar Ipoh yang menarik adalah kecantikan bukit-bukau dan gegua batu kapur, serta tokong Cina seperti Sam Poh Tong dan Perak Tong yang mengagumkan. Kuala Kangsar ialah bandar diraja dan mempunyai banyak bangunan lama yang bersejarah. Taiping adalah ibu kota lama negeri Perak, tempat muzium yang paling tua di Malaysia, tempat peranginan bukit yang dingin, Bukit Maxwell, dan Taman Tasik Taiping, taman awam yang tertua di Malaysia. Pulau Pangkor juga menarik kumpulan pelancong yang ramai bercuti di kawasan piggiran pantai yang indah.

Bilangan penduduk negeri Perak seramai 2,283,290 orang (mengikut banci 2010). Majoriti penduduknya orang Melayu (54.2%), diikuti oleh orang Cina (30.4%) dan orang India (12.4%). Islam agama utama di negeri Perak (55.4%), manakala bilangan penduduk Kristian adalah 4.2%. Orang Kristian terdiri daripada kedua-dua orang Cina dan India. Terdapat juga kira-kira 1,400 orang Cina Muslim dan 7,500 orang India Muslim.

Ada juga kira-kira 64,000 orang bumiputera bukan Melayu yang tinggal di negeri Perak. Antara kalangan orang ini, 24% adalah orang Muslim, 23% orang Kristian dan 28% mengakui diri mereka tidak mempunyai mana-mana agama. Kebanyakan daripada mereka tinggal di Batang Padang, Ulu Perak, Kuala Kangsar dan di daerah-daerah Kinta.

Negeri Perak juga terkenal kerana masakan tempatannya, termasuk Rendang Tok, Nasi Ayam Ipoh, Kopi Putih Ipoh, dan ‘Sar Hor Fun’ (sup kway teow).

Terdapat 10 daerah pentadbiran di negeri Perak. Bagi tujuan buku ini, 10 daerah tersebut akan digabungkan menjadi 4 zon berdoa.

Zon 11: Ulu Perak, Kerian & Larut, Matang, dan Selama

Zon 12: Kuala Kangsar, Kinta & Kampar

Zone 13: Manjung & Perak Tengah

Zone 14: Hilir Perak & Batang Padang



Bendera Negeri Perak

### DEMOGRAFI (2010)

**Jumlah:** 2,283,290


Kumpulan Etnik	%
Melayu	54.2
Cina	30.4
India	12.4
Lain-lain	3


Agama	%
Islam	55.4
Buddha	25.8
Hindu	11
Kristian	4.2



## Zon 11. Perak - Ulu Perak, Kerian & Larut dan Matang (bersambung di muka surat berikut)







**Daerah Ulu Perak** terletak di sudut timur laut negeri Perak. Ibu kota daerah ini adalah Gerik. Bandar-bandar lain termasuk Lenggong, Lawin, Intan, dan Pengkalan Hulu. Daerah Ulu Perak merupakan daerah yang terbesar di negeri Perak, bersempadan dengan Thailand di utara, Kelantan di timur, daerah Kuala Kangsar di selatan, dan daerah Larut, Matang dan Selama di barat. Majoriti penduduknya adalah orang Melayu (74%). Selain daripada orang Melayu, terdapat juga bumiputera lain yang tinggal di daerah ini (13%).

**Daerah Kerian** salah satu daripada kawasan tanaman padi yang utama di negeri Perak. Bandar utamanya serta ibu kota daerah ini adalah Parit Buntar, terletak dekat dengan sempadan negeri Pulau Pinang dan Kedah. Pekan-pekan lain di daerah Kerian termasuk Bagan Serai, Kuala Kurau, Selinsing, Simpang Empat Semanggol dan Tanjung Piandang. Majoriti penduduk di sini adalah orang Melayu (74.5%).

**Daerah Larut, Matang dan Selama** digabung menjadi satu daerah. Taiping, yang merupakan ibu kota lama negeri, ialah ibu kota daerah ini. Kawasan ini mempunyai sejarah yang lama yang dapat dikesan kembali ke pertengahan tahun 1850-an. Taiping merupakan pusat perlombongan bijih timah yang pertama di negara ini. Pertempuran antara puak Ghee Hin dan Hai San telah menyebabkan berlakunya Perang Larut. Landasan keretapi yang pertama di Negeri-Negeri Tanah Melayu dibina di sini, menghubungkan Taiping ke Kuala Sepetang (dahulunya Port Weld). Di sinilah bandar, muzium dan tempat peranginan moden yang pertama dibina di negeri Perak. Orang Melayu adalah penduduk majoriti (62%).

## Amsal 2:3-5

“...jika engkau berseru memohon pengertian, dan mengangkat suaramu memohon pengertian; jika engkau men-carinya seperti perak, dan menggalinya seperti menggali harta pendam, maka engkau akan memahami apa erti-nya takut kepada Tuhan serta memperoleh pengetahuan tentang ”.

### Bomoh/ahli sihir

Satu perkara yang biasa berlaku di negara ini ialah berjumpa dengan bomoh/ahli sihir. Semua kaum mencari bomoh/ahli sihir sebagai penyelesaian “tradisional” terhadap masalah mereka. Pada lazimnya, jika seseorang telah berjumpa dengan doktor perubatan moden tetapi tidak sembah (ataupun terlalu miskin untuk membayar yuran doktor), dia akan mencari bomoh/ahli sihir. Sering kali, agama pun dicampuradukkan dengan amalan ubat tradisi agar ia ‘rasa tulen’ dan bukannya kelihatan seperti kepercayaan karut.

Bomoh/ahli sihir juga dilihat sebagai perunding perkara-perkara rohaniah alam ghaib. Pada satu pihak, mereka diminta mengusir roh jahat, tetapi pada waktu yang sama, mereka juga diminta meletak sumpahan ke atas orang menggunakan roh jahat supaya mangsa terkena kecelakaan. Mereka amat berkuasa dan berpengaruh.

Berjumpa dengan seorang bomoh/ahli sihir bukanlah percuma. Dia akan meminta bayaran dalam apa juu bentuk, asalkan ia berfaedah baginya. Biasanya, bayaran dibuat dalam bentuk wang ringgit, tetapi kadang kala juga dalam bentuk makanan atau haiwan ternakan. Pada waktu yang lain, jika perempuan (khususnya yang miskin) datang meminta pertolongan daripada bomoh/ahli sihir, bayaran dikenakan dalam bentuk perkhidmatan seks.




### BAHAN DOA


- Berdoa kepada Tuhan agar ‘saudara’ menyedari bahawa kuasa Yesus lebih hebat daripada mana-mana kuasa bomoh/ahli sihir.
- Berdoa agar Tuhan memberi umat Tuhan sikap bertimbang rasa, mengambil berat, dan keyakinan yang secukupnya untuk mengetahui keperluan ‘saudara’ yang memerlukan bantuan dan berdoa bagi mereka.
- Berdoa agar lebih ramai jiwa dapat mengenali Yesus.
- Berdoa untuk Sultan (Pemerintah negeri) dan Menteri Besar negeri Perak.

### TINDAKAN


Cuba memperkenalkan keluarga anda kepada keluarga kawan ‘saudara’ anda.



## Zon 12. Perak - Kuala Kangsar, Kinta & Kampar (disambung dari muka surat sebelum)



## Zon 12. Perak - Kuala Kangsar, Kinta & Kampar (disambung dari muka surat sebelum)



**Kuala Kangsar** ialah ibu kota diraja negeri Perak. Ia merupakan tapak pertama pihak Inggeris, yang memulakan penguasaan mereka ke atas Semenanjung dengan melantik secara rasmi Residen-Residen bertugas di istana-istana diraja. Biji benih pokok getah yang pertama di Malaya ditanam di sini pada tahun 1877. Kini, ia sebuah bandar yang tenteram yang penuh dengan tradisi Melayu. Kolej Melayu Kuala Kangsar atau lebih dikenali dengan nama Malay College Kuala Kangsar (MCKK) telah berfungsi sebagai sekolah elit bagi sultan-sultan, Perdana Menteri, menteri-menteri dan para pegawai kerajaan. MCKK ditubuhkan dengan tujuan mendidik orang elit Melayu. Majoriti penduduk di sini adalah orang Melayu (58.8%).

**Kinta** merupakan daerah yang paling ramai penduduk di negeri Perak, tempat terletaknya bandar Ipoh. Kinta terkenal untuk perlombongan bijih timahnya, dan memperoleh gelaran sebagai salah satu penghasil timah yang utama pada abad ke-18. Ipoh adalah ibu kota negeri Perak dan merupakan bandar raya yang ketiga terbesar di Malaysia. Bandar raya ini dibina hasil daripada pendapatan keuntungan lombong timah. Lombong-lombong timah telah dimajukan oleh pendatang orang Cina pada abad ke-19. Orang Cina merupakan majoriti penduduk di daerah ini (43.8%), diikuti oleh orang Melayu (40.4%) dan orang India (14.4%).

**Kampar** ialah sebuah daerah dan bandar yang mempunyai orang Cina sebagai penduduk majoriti (52.8%), manakala orang Melayu terdiri daripada 32.3%. Kampar diasaskan pada tahun 1887 sebagai bandar perlombongan timah. Bandar Kampar menjadi makmur pada abad ke-20 ketika harga bijih timah sangat tinggi. Kemudian, harganya tidak berkembang dan terus menurun. Pada tahun 1980-an, penutupan lombong timah yang keakhiran membuat bandar Kampar menjadi sangat lengang. Namun, baru-baru ini, Kampar telah 'dihidupkan semula' disebabkan oleh penubuhan kampus Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang baharu.

## 1 Korintus 7:20,24

“Setiap orang harus terus hidup dalam keadaannya ketika dia telah dipanggil Allah. ... Saudara-saudaraku, masing-masing hiduplah bersama Allah dalam keadaan yang sama seperti ketika dipanggil Allah”.

### Ketidakyakinan Seorang Wanita

Sara seorang wanita dalam lingkungan umur lewat 20-an dan dia seorang yang baik hati dan bertimbang rasa. Namun, dia seorang yang tidak ada keyakinan pada diri sendiri disebabkan rupanya. Dia tidak mempunyai teman lelaki dan berasa sedih terhadap diri sendiri. Bagaikan kaum wanita di Barat, Sara dipengaruhi oleh media bahawa kecantikan fizikal adalah penting. *“Setiap orang lelaki mahu keluar dengan teman wanita yang cantik rupawan,”* kata Sara.

Agama Sara mengajarnya bahawa rupa dan perawakan fizikal tidak penting, malah perkara yang mustahak ialah kesetiaan kepada Tuhan. Akan tetapi Sara nampak ramai pemuda lelaki dalam agamanya memang suka kepada wanita ‘cantik’, dan bukan wanita ‘setia’.

Kaum wanita dari semua agama pun memang mengalami dan bergelut dengan ketidakyakinan pada diri. Mereka berasa diri mereka tidak cukup cantik dan berasa serba salah kerana hendak kelihatan cantik. Malah mereka berasa seolah-olah perlu buat begitu sebab mereka dapati kaum lelaki memang mempunyai dua jenis nilai pemikiran. Inilah peluang yang bagus untuk berkongsi kebenaran dari Alkitab seperti kisah perempuan Samaria di tepi perigi. Tuhan Yesus kami dapat menyembuhkan hati wanita yang terluka dan memberi kasih yang mereka perlukan.



### BAHAN DOA



- Berdoa agar ramai wanita yang seperti Sara, dapat mengalami kasih sejati Tuhan dan beroleh keyakinan dalam Tuhan.
- Berdoa agar ‘saudara’ yang mendengar tentang Yesus akan menerima pengorbanan Yesus di atas kayu salib.
- Berdoa agar Tuhan memberi mereka mimpi dan visi (penglihatan) tentang Yesus supaya mereka boleh percaya Yesus sebagai juru selamat.
- Berdoa agar Tuhan memberi ketabahan hati kepada ‘saudara’ yang percaya supaya mereka meneruskan hidup yang setia mengikut ajaran Alkitab, menjadi terang di kalangan keluarga mereka, dan berkongsi mengikut kepimpinan Tuhan dan menabur benih Injil di kampung masing-masing.

### TINDAKAN

Jemputlah rakan-rakan ‘saudara’ keluar berjalan-jalan bersama dengan keluarga anda.

## Zon 13. Perak - Manjung & Perak Tengah

Manjung: 224,331  
Peratus (%)

Melayu	54.6
Cina	30
India	13.5
Lain-lain	1.9

Perak Tengah: 97,530  
Peratus (%)

Melayu	94.4
Cina	1.3
India	1.5
Lain-lain	2.8



**Daerah Manjung** terkenal kerana Pulau Pangkor mempunyai campuran penempatan nelayan dan tempat peranginan tepi laut yang indah. Mengikut sejarah, Pulau Pangkor terkenal kerana Perjanjian Pangkor yang telah ditandatangani di sini pada tahun 1874. Perjanjian tersebut telah mengakibatkan kewujudan ‘Sistem Residen’ di negeri Perak. Perjanjian ini telah menyebabkan duluan bagi pihak Inggeris bercampur tangan dalam urusan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Bandar Seri Manjung adalah pusat bandar daerah ini. Antara pekan-pekan lain, termasuk Lumut, Sitiawan, Ayer tawar, Pantai Remis dan Beruas. Sitiawan merupakan sebuah pekan kecil, ia terkenal kerana warisan teguh puak Foochow dan orang Foochow Kristian, yang dipimpin oleh dua orang pastor Cina, yang telah melaikkan diri dari Fujuan di negara China dan menetap di sini pada tahun 1903. Majoriti bilangan penduduknya adalah orang Melayu (54.6%).

**Perak Tengah** ialah sebuah daerah di tengah-tengah negeri Perak. Ibu kota daerah ini ialah Bandar Seri Iskandar. Sungai Perak mengalir melalui pertengahan daerah ini. Majoriti penduduk ialah orang Melayu (94.4%). Kompleks Sejarah Pasir Salak terletak di sini. Pasir Salak ialah tempat Residen Inggeris pertama negeri Perak, JWW Birch dibunuhan pada tahun 1875, setahun selepas Perjanjian Pangkor ditandatangani. Pemberontakan ini telah menabur benih bagi nasionalisme, iaitu semangat mencintai tanah air. Semangat nasionalisme ini menjelma dalam bentuk menentang dasar penjajahan dan penubuhan Malayan Union, menyalaikan api kemerdekaan. Kompleks ini bertujuan untuk mengingati generasi muda tentang peristiwa yang telah berlaku di Pasir Salak, perjuangan menentang dasar penjajahan, dan untuk mengingat kembali pergelutan dan pengorbanan para pahlawan dalam mempertahankan maruah dan martabat negara.

## Ibrani 4:12

Firman Allah hidup dan berkuasa, lebih tajam daripada pedang dua mata, menembusi ke garis pemisah nyawa dan roh, sendi dan sumsum, serta mengenal antara fikiran dan niat di hati.

### Pasangan Syiling

Terdapat sepasang suami isteri yang telah berdoa selama tujuh tahun sebelum Tuhan menunjukkan dengan cara luar biasa tentang perjalanan hidup mereka. Mereka menjemput seramai 100 orang menerusi e-mel untuk berdoa bagi mereka agar Tuhan menunjukkan jalan kepada mereka dan memberi keberanian. Beberapa hari kemudian, pasangan itu terjumpa satu syiling duit Malaysia yang kecil di bawah pasu bunga di anak tangga depan pintu rumah. Mereka hairan dan tertanya-tanya di manakah kedudukan Malaysia dan mungkinkah ini cara Tuhan menjawap doa mereka? Selepas dua hari, seorang tetamu khas datang berkhotbah di gereja mereka. Dalam khotbahnya, dia bercerita tentang pelayanannya di Malaysia dan sepasang suami isteri yang berumur dalam lingkungan 70-an, yang akan berangkat ke Malaysia untuk melayani Tuhan di sana.

Selepas itu, pasangan suami isteri di gereja itu berjumpa dengan tetamu khas untuk mendapatkan maklumat lanjut. Seterusnya mereka membuat satu lawatan ke Malaysia, serta menghabiskan khusus yang diperlukan. Akhir sekali, selepas permohonan visa diluluskan, mereka berpindah ke Malaysia. Apabila Tuhan memberi kita petunjuk yang jelas tentang panggilanNya, kita harus menjawap, "Ya Tuhan, pimpinlah aku. Saya rela mentaatiMu, walaupun diutus pergi ke hujung bumi."



### BAHAN DOA

- Berdoa agar Tuhan membangunkan orang Kristian yang mempunyai visi dan komitmen untuk menjangkau 'saudara' di Perak Tengah dan Manjung.
- Berdoa agar umat Tuhan dapat memahami dari Alkitab tentang kebaikan untuk 'saudara' yang percaya Yesus tetap kekal dalam komuniti mereka, agar dapat menjangkau keluarga dan kawan mereka.
- Berdoa agar Tuhan membangkitkan lebih ramai umat Tuhan yang sanggup melakukan apa sahaja untuk menjangkau 'saudara' dengan berkesan.

### TINDAKAN

Aturkan satu perkelahan bersama dengan kawan-kawan 'saudara' serta keluarga mereka.

## Zon 14. Perak - Hilir Perak & Batang Padang



**Daerah Hilir Perak** terletak di bahagian selatan negeri Perak. Teluk Intan adalah pusat bandar daerah ini. Pekan-pekan lain termasuk Langkap, Hutan Melintang dan Bagan Datuk. Pertanian, khususnya ladang kelapa sawit dan penangkapan ikan adalah dua aktiviti ekonomi yang utama. Hutan Melintang ialah bandar penangkapan ikan yang terbesar. Bandar Teluk Intan terkenal kerana Menara Jam Condong yang dibina pada tahun 1885. Bilangan penduduk utama terdiri daripada orang Melayu (52.4%), diikuti oleh orang Cina (28.3%) dan orang India (18%).

**Daerah Batang Padang** terletak di bahagian tenggara negeri Perak. Pusat bandar daerah ialah Tapah. Pekan-pekan yang lain termasuk Bidor, Sungkai, Slim River dan Tanjung Malim. Majoriti penduduknya adalah orang Melayu (55.4%), diikuti orang Cina (18.3%) dan orang India (13.3%). Daerah ini mempunyai bumiputera bukan Melayu yang terbesar, kira-kira 22,000 orang.


## 1 Korintus 8:6

“Namun, bagi kita Allah ialah esa, Bapa yang mencipta segala-galanya, dan untuk Diaalah kita hidup. Tuhan kita juga esa, iaitu Yesus Kristus. Segala-galanya dicipta melalui-Nya, dan kerana Diaalah kita hidup.”

### Perasaan Ingin Tahu

Apabila setiap kali seorang pemuda yang bernama David melalui patung Yesus di atas satu salib, terbit dalam hatinya rasa ingin tahu apakah maksudnya. Dengan itu, dia mula mencari maklumat di seluruh internet tentang Yesus. Tidak lama kemudian, dia percaya bahawa Yesus mati disalibkan kerana dosa manusia. David pun berdoa sendiri untuk menerima Yesus sebagai Tuhan dan Juru Selamat.

Selepas tiga bulan bersendirian, tanpa seorang kawan yang berkongsi kepercayaannya, David mulai pergi ke gereja. David tidak memberitahu ibu bapanya tentang kepercayaan barunya, tetapi dia faham bahawa dia perlu beritahu mereka pada suatu hari nanti. Iman David dalam Yesus terus bertumbuh. Kini, Tuhan memakainya untuk menggalakkan orang yang mempunyai latar belakang yang sama agar mereka juga bertumbuh dalam perjalanan bersama Yesus.



### BAHAN DOA

- Berdoa untuk ‘saudara’ seperti David, mempunyai perasaan ingin tahu tentang Yesus, supaya mereka akan mencari maklumat di internet dan dapat menemui Tuhan.
- Berdoa agar Tuhan memberkati pelayanan orang-orang yang berkongsi Berita Baik dengan ‘saudara’ dalam hidup sehari-hari.
- Berdoalah agar kasih yang sempurna dapat menghilangkan segala rasa takut dan kasih Kristus akan mendorong orang Kristian berkongsi Berita Baik.
- Berdoa kepada Tuhan untuk membantu hamba-hamba Tuhan yang menjangkau ‘saudara’ dapat bersatu hati supaya lebih berkesan dalam pelayanan.

### TINDAKAN

Aturkan satu atau dua permainan bagi rakan-rakan ‘saudara’ dan keluarga mereka.

Kelantan digelar "Bumi Kilat", terletak di paling utara pantai timur Semenanjung Malaysia. Ia meliputi kawasan seluas 15,024 km persegi dan mempunyai bilangan penduduk sebanyak 1.5 juta orang. Negeri Kelantan benar-benar diibaratkan suatu khazanah kenikmatan yang mempunyai kampung-kampung nelayan dengan cara hidup kampung yang sederhana, sawah padi yang menghijau dan pantai pesisir yang indah. Orang Kelantan (terdiri daripada 95% orang Melayu), telah berjaya untuk mengekalkan adat dan tradisi keturunan orang Melayu. Oleh yang demikian, negeri Kelantan dikreditkan sebagai tempat bermulanya budaya Melayu.

Negeri Kelantan juga terkenal kerana industri kotejnya (perusahaan kecil yang bertapak di rumah para pengusaha). Industri kotej ini termasuk pencetakan batik, barang-barang perak, seni ukiran kayu, dan tenunan songket. Gelanggang Seni (Pusat Budaya Melayu) terletak di teras bandar Kota Bharu, ibu negeri Kelantan, yang menjadi wadah terhadap warisan Kelantan yang kaya dengan budaya dan tradisi, termasuk pertunjukkan Wayang Kulit, persembahan Seni Silat dan tunjuk cara permainan Gasing. Kota Bharu menunjukkan daya tarikan dunia lama serta menawarkan peluang kepada semua untuk menyaksikan satu mikrokosma kehidupan orang Kelantan yang unik.

Jumlah bilangan penduduk di negeri Kelantan adalah 1,507,129 (mengikut banci tahun 2010), dan daripada bilangan itu 95% ialah orang Melayu. Orang Cina terdiri daripada 3.4% dan orang India, 0.3% daripada jumlah bilangan penduduk. Islam ialah agama utama negeri ini (95.3%) dan hanya 0.3% ialah orang Kristian yang terdiri daripada bumiputera bukan Melayu dan orang Cina. Terdapat seramai 1,500 orang Cina Muslim dan 500 orang India Muslim di negeri Kelantan. Terdapat juga satu usaha yang berterusan oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan hukum hudud di negeri Kelantan semenjak tahun 1993.

Kelantan juga terkenal dengan hidangan enak seperti Ayam Percik, Nasi Kerabu dan Nasi Dagang.

Terdapat 10 daerah pentadbiran di negeri Kelantan. Bagi tujuan buku kecil ini, 10 daerah tersebut akan digabungkan menjadi 5 zon berdoa.

Zon 15: Tumpat & Pasir Mas

Zon 16: Bachok & Kota Bharu

Zon 17: Pasir Puteh & Machang

Zon 18: Tanah Merah & Jeli

Zon 19: Gua Musang & Kuala Krai

### DEMOGRAFI (2010)

**Jumlah:** 1,507,129

Kumpulan Etnik	%
Melayu	95
Cina	3.4
India	0.3
Lain-lain	1.3

Agama	%
Islam	95.3
Buddha	3.7
Hindu	0.2
Kristian	0.3



Bendera Negeri Kelantan



## Zon 15. Kelantan - Tumpat & Pasir Mas



**Daerah Tumpat** terletak di bahagian paling utara negeri Kelantan bersempadan dengan Thailand. Tumpat merupakan bandar yang terbesar dan terletak 15 km dari Kota Bharu. Majoriti bilangan penduduk di sini ialah orang Melayu (92.3%), manakala 4.3% terdiri daripada orang Cina. Terdapat 3.3% kumpulan etnik yang lain yang tinggal di sini dan majoritinya ialah Orang Siam. Kebanyakan kawasan negeri ini diguna untuk pertanian. Kini, daya tarikan utama di Tumpat ialah tokong-tokong Thai-Buddha, sesuatu perkara yang mengejutkan di negeri Kelantan, tempat di mana hanya agama Islam amat berkuasa. Tokong yang terkenal ialah Wat Phothivihan di Kampung Berus, Tumpat. Dalam tokong ini, terdapat patung berhala Buddha berbaring yang terbesar di Asia Tenggara. Pantai Seri Tujuh mempunyai lagun yang paling panjang di Malaysia, dan juga menjadi tapak tahunan untuk Pesta Wau Antarabangsa Kelantan.

**Daerah Pasir Mas** terletak di bahagian barat laut negeri Kelantan. Berdasarkan lokasi geografinya, Pasir Mas berfungsi sebagai pintu keluar masuk utama antara pantai timur Semenanjung dan Thailand dan di rentasi oleh beberapa perjalanan pengangkutan darat yang utama yang menghubungi pantai barat dengan Kota Bharu. Bandar utamanya ialah Pasir Mas. Rantau Panjang, salah satu daripada dua lintasan sempadan antara Kelantan dan Thailand, terletak di daerah ini. Majoriti bilangan penduduknya ialah orang Melayu (97.5%), manakala hanya 2% sahaja orang Cina.

## Yesaya 29:13

Tuhan berfirman, "Bangsa ini mendekati-Ku dengan mulut dan menghormati-Ku dengan bibir, padahal hati mereka jauh daripada-Ku. Ibadat mereka kepada-Ku hanya berasaskan peraturan yang diajarkan manusia."

### Kisah Perjuangan Hidup Seorang Balu

Sa, seorang wanita dalam lingkungan umur 40-an, tinggal bersama anak lelaki sulungnya yang berumur dalam lingkungan 20-an serta anak perempuannya yang bongsu. Sudah tiga tahun berlalu sejak suaminya, La, meninggal dunia, akibat daripada penyakit batuk kering. Sa amat sibuk setiap hari. Kadang-kala dia melawat ibu mertuanya yang menghidap penyakit kencing manis dan membawanya ke hospital untuk pemeriksaan perubatan. Sekali-sekala Sa tolong menjaga cucunya yang berumur satu tahun apabila ibu bapa kanak-kanak tersebut tidak dapat menjaganya kerana urusan kerja. Anak sulung lelaki Sa bekerja sambilan dengan menjual jam tangan di pasar malam yang berlainan. Untuk menambah pendapatannya, sekali-sekala Sa membantu memotong sayur-sayuran untuk seorang penyaji makanan perkahwinan, yang dia kenali. Dia memerlukan kerja ini bagi menambah pendapatan keluarga agar dapat membayar sewa rumah, bil letrik dan air.



### BAHAN DOA

- Berdoalah agar umat Tuhan dari gereja-gereja akan menghulurkan bantuan kepada 'saudara' seperti Sa, yang mengalami kesedihan atas kehilangan ahli keluarga yang tersayang, khususnya mereka yang miskin, seperti perumpamaan *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*.
- Berdoa agar Tuhan membuka mata rohani 'saudara' di Tumpat dan Pasir Mas, untuk menyedari kasih dan terang-Nya dan mereka akan mengenali Tuhan.
- Berdoa agar 'saudara' akan cepat menerima Yesus sebab jika mati tiada peluang untuk hidup kekal bersama Yesus.
- Berdoa untuk Sultan (Pemerintah negeri) dan Menteri Besar Kelantan.

### TINDAKAN

Cuba membuat satu lawatan ke tempat beribadat 'saudara'.


## Zon 16. Kelantan - Bachok & Kota Bharu

Bachok: 132,308  
Peratus (%)

Melayu	98.6
Cina	1
India	0
Lain-lain	0.4

Kota Bharu: 482,222  
Peratus (%)

Melayu	94
Cina	5
India	0.4
Lain-lain	0.6



**Daerah Bachok** terletak di bahagian timur daerah Kota Bharu. Bandar utamanya ialah pekan Bachok yang terletak di tengah-tengah daerah tersebut. Kebanyakan bilangan penduduknya terdiri daripada orang Melayu (98.6%) dan 1% orang Cina. Aktiviti ekonomi yang utama ialah pertanian dan penangkapan ikan. Pekan Bachok adalah teras pentadbiran, perniagaan dan pengangkutan daerah ini. Pada tahun 2010, pekan Bachok digelar Bandar Pelancongan Islam (Islamic Tourism Town). Bandar-bandar kecil yang lain termasuk Perupok dan Jelawat. Pantai Irama (Beach of Melody) yang berlokasi di jalan utama bandar Bachok, menjadi daya tarikan antara penduduk tempatan dan juga pengunjung ke tempat ini. Ia menghadap Laut Cina Selatan serta mempunyai pantai pesisir yang datar lagi panjang, dan dipercayai pantai yang terindah di sepanjang pantai timur.

**Daerah Kota Bharu** terletak di bahagian timur laut negeri Kelantan, tempat yang menampung Kota Bharu, ibu negeri Kelantan. Kebanyakan penduduk di sini ialah orang Melayu (94%) serta orang Cina (5%). Kebanyakan orang Cina dan India di Kelantan tinggal di sini. Kota Bharu merupakan bandar yang paling ketat mengikut tradisi Melayu dan sebahagian besar bandar ini paling banyak bercirikan unsur-unsur Islam dalam negara. Kota Bharu rerumah bagi banyak muzium yang memaparkan budaya dan warisan ibadat Kelantan yang kaya, termasuk juga Muzium Adat Resam & Tradisi Diraja (dahulunya Istana Jahar), Muzium Diraja Istana Batu, Muzium Negeri Kelantan, Muzium Warisan Islam, Muzium Wau dan Muzium Perang. Pusat Kebudayaan adalah satu wadah yang benar-benar memperkenalkan warisan hidup Kelantan, seperti pertunjukan wayang kulit, persembahan silat dan tunjuk cara permainan gasing. Waktu-waktu solat dipatuhi dengan ketat, dan semua aktiviti-aktiviti dihentikan semasa itu, khususnya pada hari Jumaat. Pantai Dasar Sabak di Kota Bharu mempunyai kepentingan sejarah yang hebat. Pada 8hb Disember, 1941, askar-askar Tentera Laut Empayar Jepun telah mendarat di sini mendedahkan tindakan keganasan yang pertama semasa Perang Dunia Kedua.

## Kisah Para Rasul 16:31,34

Mereka menjawab, "Percayalah kepada Tuhan Yesus, dan kamu akan diselamatkan, kamu dan seisi rumahmu" ...dia amat suka cita kerana dia sekeluarga telah percaya kepada Allah.

Anita dilahirkan dalam keluarga yang warak. Sejak berumur lima tahun, dia telah belajar mengaji dan menghafal ayat-ayat suci. Dia telah selesai membaca/mengaji kitab suci agamanya berulang kali tetapi kurang mengerti terhadap maksud ayat-ayatnya disebabkan kitab tersebut ditulis dalam bahasa asing. Oleh sebab Anita seorang murid yang amat bersemangat, dia sangat aktif menyertai acara penghafalan ayat-ayat suci di sekolah. Dia percaya dengan sepenuh hati bahawa Tuhan yang dia sembah dan agama yang dia anuti adalah untuk seluruh umat manusia, berdasarkan wahyu terakhir melalui Nabinya. Dia juga percaya bahawa agama yang dianutinya adalah satu-satunya jalan masuk ke syurga; perbuatan baiknya serta pahala yang dikumpulkan adalah tiketnya untuk memasuki syurga. Tetapi kemasukan syurga hanya boleh mengikut kehendak Tuhan. Dia percaya pada mulanya bahawa segala yang diamalkan adalah betul, sehingga waktu Yesus masuk dalam hidupnya dan menunjukkan kepadanya yang Dia sahajalah satu-satunya jalan yang benar ke arah syurga.




## BAHAN DOA

- Berdoa agar Yesus akan menunjukkan diriNya kepada 'saudara' yang mencari-cari jalan benar untuk masuk ke syurga.
- Berdoa agar hamba-hamba Tuhan yang menjangkau 'saudara' di Bachok dan Kota Bharu tidak putus asa.
- Berdoa agar hamba-hamba Tuhan diberi hikmat dan kepekaan apabila menjangkau 'saudara'.

## TINDAKAN

Cuba pergi ke satu sesi karaoke bersama rakan sekerja 'saudara'.



**Daerah Pasir Puteh** terletak di bahagian timur negeri Kelantan. Bandar Pasir Puteh pula terletak di tebing Sungai Semerak. Dahulunya, Pasir Puteh dikenali dengan nama Pangkalan Limbungan. Pantai yang terkenal di Pasir Puteh ialah Pantai Bisikan Bayu dan Pantai Tok Bali. Di sinilah tempatnya, Tok Janggut, seorang pahlawan Kelantan, menentang pengaruh British di Jeram. Sebagai tanda penghormatan dan untuk mengingati jasa pahlawan tersebut, Tugu Tok Janggut telah didirikan di bandar Pasir Puteh. Kira-kira 82% tanah di daerah ini telah diketepikan bagi tujuan pertanian. Kebanyakan bilangan penduduk adalah orang Melayu (98.4%).

Pasir Puteh:	116,494
Peratus (%)	
Melayu	98.4
Cina	0.7
India	0
Lain-Lain	0.9

**Daerah Machang** terletak di tengah-tengah negeri Kelantan. Bandar utama yang juga pusat pentadbirannya, ialah bandar Machang. Bandar ini ditubuhkan pada tahun 1880 oleh sekumpulan orang kampung dari Pasir Tumboh di Kota Bharu, dipimpin oleh Senik Awang Kecik. Universiti Teknologi MARA (kampus Machang) bertapak di sini. Kebanyakan bilangan penduduknya adalah orang Melayu (96.5%). Kebanyakan tanah di daerah ini masih menumpukan pada perusahaan sawah padi, ladang getah dan kelapa sawit.

Machang:	92,149
Peratus (%)	
Melayu	96.5
Cina	2.8
India	0.5
Lain-lain	0.2

## Yesaya 54:5-6

“Sesungguhnya, Dia yang menjadikan engkau seperti suami bagimu, Tuhan alam semesta, ialah nama-Nya...Tuhan memanggil engkau seperti memanggil isteri yang ditinggalkan dan yang bersusah hati, iaitu isteri yang dikahwin pada masa muda tetapi kemudian ditolak,” demikianlah firman Allahmu.

Ketika Amanda berusia 16 tahun, ibunya mendapat tahu bahawa suaminya telah berkahwin lagi. Kehidupan Amanda menjadi sengsara. Dia memahami konsep poligami sebab konsep ini telah pun diamalkan oleh Nabi dalam agamanya; lagipun, memang dibenarkan untuk seorang lelaki memperisterikan lebih daripada seorang wanita mengikut agamanya. Malah Amanda tidak dapat menerima hakikat konsep poligami sebab cara hidup berpoligami telah mengakibatkan ibunya menjadi sakit dan menghidap penyakit jiwa. Ibunya juga cuba membunuh diri.




## BAHAN DOA

- Berdoa agar 'saudara' yang percaya pada Yesus akan hormat dan takut kepada Tuhan, bukan takut dengan manusia.
- Berdoa agar Tuhan membantu hamba-hamba Tuhan yang melayani di Kelantan dapat mendirikan lebih banyak kumpulan kecil dan memurid mereka yang baru percaya.
- Berdoa agar 'saudara' dapat mengingati maklumat mengenai Yesus daripada umat Tuhan serta internet.
- Berdoa untuk pemimpin di Pasih Puteh dan Machang agar mereka menjaga kepentingan orang ramai.

## TINDAKAN

Ambil initiatif untuk menyertai program Rukun Tetangga di kawasan kejiranan anda.



**Daerah Tanah Merah** terletak di bahagian tengah negeri Kelantan bersempadan dengan Thailand di bahagian barat. Bandar utama daerah ini ialah Tanah Merah yang terletaknya di bahagian timur daerah ini, berdekatan tebing Sungai Kelantan. Rupa bumi Tanah Merah banyak dipengaruhi sungai ini, yang mengairi kawasan ladang-ladang pertanian. Kebanyakan penduduk di sini ialah orang Melayu (95.4%) dan 3.6% ialah orang Cina. Mengikut beberapa ahli sejarah, kemungkinan besar Tanah Merah merupakan ibu kota bagi satu kerajaan lama, iaitu Kerajaan Chi-Tu (bumi merah atau tanah merah). Mengikut catatan sejarah, Kerajaan Cina Dinasti Sui mengisahkan perihal kerajaan Melayu-Hindu yang maju. Raja Gautama mengasaskan kerajaan lama ini pada abad ke-6. Pada masa itu, tempat ini menjadi sebuah pusat perdagangan yang utama. Ia dipengaruhi kebudayaan Hindu, dan mempunyai hubungan yang erat dengan negeri Cina.

Tanah Merah: 117,338  
Peratus (%)

Melayu	95.4
Cina	3.6
India	0.4
Lain-lain	0.6

Jeli: 39,445  
Peratus (%)

Melayu	97.7
Cina	0.2
India	0.1
Lain-lain	2

**Daerah Jeli** terletak di bahagian barat negeri Kelantan. Daerah ini mengelilingi bandar Jeli, yang terletaknya di hujung bahagian timur Lebuhraya Timur-Barat yang bermula dari Gerik. Daerah ini dahulunya sebahagian daripada daerah Tanah Merah dan Kuala Krai, dan di naikkan taraf menjadi daerah sepenuhnya pada tahun 1986. Aktiviti ekonomi yang terbesar termasuk penorehan getah dan ladang-ladang yang lain. Kebanyakan penduduknya ialah orang Melayu (97.7%)

## Mazmur 72:12-14

Kerana Dia akan menolong orang yang sesak yang berseru kepada-Nya, ...Dia akan mengasihani orang yang miskin dan memerlukan bantuan, Dia akan menyelamatkan orang yang perlu diselamatkan. Dia akan membebaskan hidup mereka daripada penindasan dan keganasan, dan darah mereka amat berharga bagi-Nya.

Hubungan Abby dengan ayahnya sangat rapat. Selepas ayahnya meninggalkan keluarga kerana ada hubungan dengan perempuan lain, Abby tidak dapat menerima hakikat perpisahan tersebut dan mendapati kehidupannya sukar tanpa ayah. Dia berdoa kepada Tuhan dengan harapan bahawa Tuhan akan membawa ayahnya kembali ke pangkuhan keluarga. Doanya tidak dikabul dan dia berasa kecewa, kehilangan sesuatu dan putus asa. Dia pun mula mencari kasih sayang dari dunia ini dan lelaki. Abby suka memberontak dan melakukan banyak perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh anak remaja. Pada suatu hari, seorang kawan bercakap dengannya tentang Kristus tetapi dia menolak apa yang telah diperkatakan oleh kawannya tentang Yesus. Beberapa bulan kemudian, Abby menghidap penyakit kemuraman yang agak serius, dia cuba membunuh diri. Ketika itu, tergeraklah hati Abby untuk berseru kepada Yesus. Selepas itu, Tuhan memimpinnya mengenali beberapa orang umat Tuhan. Salah seorang itu berkongsi dengannya tentang kasih Tuhan daripada kitab Yohanes, bab 1. Abby mengalami sentuhan Tuhan dan kasih Bapa yang amat diperlukankannya.



## BAHAN DOA

- Berdoa agar Tuhan menunjukkan dirinya sebagai Bapa dan orang ramai dapat mengalami kasih Bapa seperti yang dialami oleh Abby.
- Berdoa agar umat Tuhan di Tanah Merah dan Jeli berdoa untuk ‘saudara’ dan menjangkau mereka.
- Berdoa agar umat Tuhan pergi ke daerah-daerah yang tiada orang yang percaya untuk melakukan ‘perjalanan sambil berdoa’.
- Berdoa agar lebih ramai umat Tuhan akan datang untuk berkongsi Berita Baik dan berbuat hasil.

## TINDAK AN

Sertailah program-program dalam komuniti kejiranan anda.



**Daerah Gua Musang** adalah yang terbesar antara 10 daerah pentadbiran Kelantan. Ia meliputi hampir separuh daripada Kawasan keluasan negeri Kelantan. Namun begitu, bilangan penduduk di daerah ini adalah yang kedua paling rendah di negeri ini, hanya terdapat 84,908 orang. Daripada bilangan ini, kebanyakannya ialah orang melayu (79.2%). Negeri Kelantan mempunyai bilangan terbesar kumpulan orang bumiputera bukan Melayu, iaitu 15% daripada bilangan penduduknya. Tengku Razaleigh Hamzah telah bertugas sebagai ahli parliment Gua Musang berdekad-dekad lamanya. Gua Musang kekal menjadi daya tarikan berdasarkan alam semula jadi yang indah.

Gua Musang:	84,908
Peratus (%)	
Melayu	79.2
Cina	4.8
India	0.4
Lain-lain	15.6

Kuala Krai:	104,356
Peratus (%)	
Melayu	95
Cina	4
India	0.9
Lain-lain	0.1

**Daerah Kuala Krai** terletak di tengah-tengah negeri Kelantan. Ia adalah kawasan bergunung-ganang dan beberapa gunung yang tinggi di daerah ini terletak di sini, termasuk Gunung Ayam (1504m), Gunung Baha (1395m) dan Gunung Stong (1422m). Gunung Stong mempunyai air terjun yang tingginya 305 meter, dipercayai air terjun yang tertinggi di Asia Tenggara. Gunung-gunung ini terletak berdekatan Kampung Dabong, di mana beberapa gua menjadi tarikan pelancong, seperti Gua Gelao, Gua Kris, Gua Pagar dan Gua Ikan.

## Matius 15:19-20

Dari hati timbul fikiran jahat yang mendorong seseorang membunuh, berzina, berbuat cabul, mencuri, memberikan kesaksian palsu, dan memfitnah. Segala itulah yang menajiskan, bukan makan dengan tidak membasuh tangan.

### Sebuah Filem

Brian hanya seorang pelajar sekolah ketika menghadiri satu persekutuan. Masa itu, mereka menonton filem Yesus sebab beberapa orang tengah membantu dalam terjemahan sari kata filem Yesus dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Pada penghujung filem tersebut, terdapat undangan untuk menerima Yesus sebagai Tuhan dan Juru Selamat. Penonton yang ingin menerima Yesus hanya perlu ikuti doa yang tertera di skrin dalam filem tersebut. Cindy, seorang yang hadir semasa perjumpaan tersebut nampak bibir Brian bergerak seolah-olah dia melafazkan doa tersebut. Selepas selesai menonton filem itu, Cindy bertanya kepada Brian sekiranya dia mengikuti doa tadi. Brian pun menjawab "Ya". Sejak hari itu, Brian tidak pernah berpatah balik ke agama lama. Beberapa tahun yang lalu, bapanya mensyaki Brian sudah percaya kepada Yesus. Brian rasa bertuah kerana berpeluang untuk berkongsi dengan ayahnya tentang Yesus.



### BAHAN DOA

- Berdoa agar lebih ramai orang dapat berpeluang menonton filem Yesus dan bertindak seperti Brian.
- Berdoa untuk gereja-gereja yang telah menghulurkan bantuan semasa bencana banjir pada bulan Disember 2014 di Gua Musang akan meneruskan perhubungan mereka dengan orang tempatan.
- Berdoa untuk kebijaksanaan bagi hamba-hamba Tuhan semasa berinteraksi dengan mangsa-mangsa banjir.
- Berdoa agar "Doa 24 jam" dapat dilaksanakan di setiap bandar di Malaysia dan di daerah-daerah ini.

### TINDAKAN

Berpuasa dan doa untuk sahabat-sahabat 'saudara'.

Negeri Terengganu meliputi kawasan seluas 12,955 km persegi dan dikurniakan daya tarikan yang kaya serta rupa bumi semula jadi yang menyegarkan. Negeri Terengganu mempunyai kawasan pantai yang indah, pulau-pulau yang eksotik, kawasan perhutanan yang menghijau, kampung-kampung nelayan yang aneh tetapi menarik, air terjun yang berkilau-kilauan dan banyak lagi. Kawasan pantai yang berpasir putih serta air laut yang jernih terbentang di pinggir laut sepanjang 225km. Antara pulau-pulau pelancongan yang terkenal adalah Pulau Redang dan Pulau Perhentian.

Ibu kota negeri adalah Kuala Terengganu, ia merupakan dasar yang digunakan untuk menjelajahi negeri Terengganu. Di sini juga terdapat suatu laluan pejalan kaki, dua pinggiran pantai yang agak memuaskan, beberapa rumah gaya perkampungan yang lama yang tersorok di antara bangunan-bangunan tinggi dan Chinatown yang terindah di pantai timur. Dengan kekayaan minyak petrol, terdapat beberapa pencakar langit baharu yang kelihatan tandus.

Bilangan penduduk negeri Terengganu seramai 1,017,210 orang (mengikut banci 2010). 97% daripada bilangan penduduknya adalah orang Melayu. Orang Cina hanya 2.6% dan orang India, 0.2%. Orang Kristian merupakan orang dari kaum Cina dan India. Terdapat juga kira-kira 370 orang Cina Muslim dan 450 orang India Muslim di negeri Terengganu.

Negeri Terengganu juga terkenal kerana hidangan makanan tempatannya, iaitu Nasi Dagang, Laksam, Keropok Lekor dan Sata.

Di negeri Terengganu terdapat 7 daerah pentadbiran. Bagi tujuan buku ini, 7 daerah ini akan digabungkan menjadi 5 zon berdoa:


Zon 20: Besut & Setiu

Zon 21: Kuala Terengganu

Zon 22: Hulu Terengganu

Zon 23: Marang

Zon 24: Dungun & Kemaman



Bendera Negeri Terengganu


### DEMOGRAPHI (2010)

Jumlah: 1,017,210

Kumpulan Etnik	%
Melayu	96.8
Cina	2.6
India	0.2
Lain-lain	0.4

Agama	%
Islam	97
Buddha	2.4
Hindu	0.2
Kristian	0.2





**Daerah Besut** terletak paling hujung di bahagian utara negeri Terengganu. Ibu Kota daerah Besut ialah Kampung Raja. Bandar-bandar lain yang penting termasuk Kuala Besut dan Jerteh. Walaupun menetap di negeri Terengganu, loghat tempatan adalah Bahasa Melayu Kelantan. Majoriti bilangan penduduk terdiri daripada orang Melayu (98.3%). Tempat pelancongan yang paling popular di Besut adalah Pulau Perhentian – salah satu daripada destinasi pulau percutian yang paling utama di dunia. Pulau Perhentian terdiri daripada pulau-pulau seperti Perhentian Besar, Perhentian kecil dan Susu Dara. Pulau-pulau tersebut terkenal kerana terumbu karang tropika, selam skuba, belseyari dan bersnorkel. Pantai-pantai yang terkenal di sini adalah Pantai Air Tawar, Pantai Dendong dan Pantai Bukit Keluang.

Besut: 138,876 Peratus (%)	
Melayu	98.3
Cina	1.3
India	0.1
Lain-lain	0.3

Setiu: 54,405  
Peratus (%)

Setiu: 54,405 Peratus (%)	
Melayu	99.6
Cina	0.2
India	0.1
Lain-lain	0.1

**Daerah Setiu** terletak di tepi pantai di antara Besut dan Kuala Terengganu. Ibu kota daerah Setiu ialah Bandar Permaisuri. Antara bandar-bandar lain termasuk Merang dan Penarik. Majoriti bilangan penduduk adalah orang Melayu (99.6%). Pulau Redang yang terdiri daripada gugusan tujuh pulau yang kecil, adalah yang terbesar antara kepulauan negeri Terengganu. Kawasan tersebut telah dipilih menjadi Taman Laut. Pulau ini memang merupakan tempat percutian yang seronok bagi para peminat aktiviti dalam air kerana kehidupan laut yang berkilau-kilauan.

**Yohanes 17:20-21**

Aku bukan berdoa untuk mereka sahaja tetapi juga untuk semua orang yang percaya kepada-Ku...Aku berdoa supaya mereka semua menjadi satu ... Dengan demikian dunia dapat percaya bahawa Engkaulah yang telah mengutus-Ku.

### Janji Temu yang diaturkan Tuhan

Kami sedang berjalan sepanjang satu lorong/jalan ketika terserempak dengan Benny. Benny seorang siswazah universiti tempatan. Sambil berbual-bual dengannya, kami dapat tahu bahawa Benny seorang penganggur. Salah seorang daripada kawan kami bertanya Benny jika kami boleh berdoa untuknya dalam nama Yesus agar dia boleh mendapat pekerjaan yang sesuai tidak lama lagi.

Kami pun mengakhiri perbualan tersebut setakat itu dan berfikir bahawa kami mungkin tidak akan berjumpa dia lagi. Beberapa bulan kemudian, kami terserempak lagi dengan Benny! Pertemuan itu bagaikan mukjizat. Benny sangat teruja lalu memberitahu kami bahawa dia kini sudah memperoleh pekerjaan. Tambahan pula, dia telah bertunang! Yang paling istimewa ialah Benny ingin mendengar lebih lanjut tentang Tuhan yang kami percayai dan cara kami berdoa. Kami pun berkongsi dengannya tentang Yesus dan memberitahu dia tentang sebab Yesus harus mati bagi umat manusia. Pada malam itu juga Benny berdoa untuk menerima Yesus sebagai Juru Selamat. Kini, dia bermulakan perjalanan hidupnya bersama Yesus.



### BAHAN DOA

- Berdoa agar lebih ramai orang berdoa dan pergi ke negeri Terengganu untuk berkongsi Berita Baik dengan orang yang mereka jumpa, seperti cerita Benny.
- Berdoa agar Tuhan memimpin umat Tuhan yang berpengalaman untuk menjadi mentor kepada ‘saudara’ yang percaya yang bakal menjadi pemimpin.
- Berdoa agar Tuhan melindungi dan memakai sepasang suami isteri tempatan yang tinggal di dalam sebuah kampung.
- Berdoa untuk Sultan (Pemerintah negeri) serta Menteri Besar Terengganu.

### TINDAKAN

Makan bersama rakan-rakan ‘saudara’ semasa musim perayaan.



**Daerah Kuala Terengganu** adalah tempat terletaknya ibu kota dan juga takhta kesultanan negeri Terengganu. Ibu kotanya terletak di muara Sungai Terengganu, menghadap Laut Cina Selatan.

Total: 338,836  
Peratus (%)

Melayu	96
Cina	3.5
India	0.3
Lain-lain	0.2

Daerah Kuala Terengganu mempunyai keluasan yang paling kecil mengikut kawasannya tetapi menampung bilangan penduduk yang paling ramai. Majoriti penduduknya adalah orang Melayu (96%). Kebanyakan orang Cina dan India di Terengganu tinggal di daerah ini. Kuala Terengganu diisytiharkan sebagai Bandaraya Warisan Pesisir Air pada tahun 2008. Ia merupakan suatu kampung nelayan dahulu dan kini telah berubah menjadi ibu kota mewah disebabkan hasil pendapatan daripada lapangan minyak di Laut Cina Selatan.

Ibu kotanya kekal sebagai benteng kebudayaan Melayu berserta dengan medan-medan jual beli yang berwarna-warni dan bengkel-bengkel kraftangan tradisional yang bersemangat dan. Pasar Payang menawarkan pelbagai jenis kraftangan tradisional dan barang mentah seperti "keropok lekor". Chinatown sebenarnya merupakan sederet bangunan yang didirikan sebelum perang sepanjang Jalan Kampung Cina. Antara tarikan pelancong yang lain termasuk Taman Tamadun Islam, Masjid Kristal, Kawasan Dermaga Terengganu dan Kompleks Muzium Negeri Terengganu. Batu Bersurat yang mempunyai ukiran dan dianggarkan berusia lebih kurang 700 tahun terletak di sini. Tulisan Jawi pada batu tersebut mengisyiharkan Islam sebagai agama rasmi negeri Terengganu serta menjadi bukti yang terawal dalam dunia Melayu Muslim di Asia Tenggara.

## Ibrani 9:22

“Menurut hukum Taurat hampir segala-galanya disucikan dengan darah, dan tanpa tumpahan darah tidak ada pengampunan.”

### Mimpi

Kaleb bermimpi sebanyak dua kali. Dalam mimpi pertama, dia berada di tepi jeti. Dia nampak seorang lelaki sedang bertanya kepada semua orang jika mereka mahu terjun ke dalam air. Tiada seorang pun yang menjawab ya. Apabila sampai giliran Kaleb, dia memberitahu lelaki itu bahawa dia tidak boleh berenang. Lelaki itu pun memujuk Kaleb supaya “jangan bimbang”, lalu memegang tangan Kaleb agar mereka berdua boleh terjun ke dalam air sama-sama. Kaleb tidak lemas, malah dia melihat satu Cahaya yang amat terang yang penuh bermakna baginya. Tiba-tiba dia berasa dirinya terkeluar dari air dan kembali ke tepi jeti tanpa lelaki itu.

Dalam mimpi kedua, terdapat ramai orang berkerumun dan bertolak-tolak untuk melihat seorang yang ada di hadapan mereka. Kaleb tidak dapat lihat siapa orang itu, tetapi dia terdengar seorang berbisik dalam telinganya, “Orang itu adalah Yesus!”

Tiba-tiba, dia ternampak Yesus!

Tidak lama kemudian, Kaleb menerima satu bungkusan. Dalam bungkusan itu terdapat satu Alkitab, dan pada Alkitab itu tertulis ayat berikut: “Yesus menjawab, “Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada seorang pun datang kepada Bapa kecuali melalui-Ku.” Kaleb pun mula mencari di internet tentang Yesus, dia menjumpai doa untuk bertaubat dan menerima Yesus. Kaleb pun mengikuti doa tersebut dan menerima Yesus ke dalam hidupnya.

Tuhan memang bekerja untuk menyelamatkan umatNya!




### BAHAN DOA



- Berdoa agar ramai ‘saudara’ dapat bermimpi tentang Yesus dan percaya padaNya.
- Berdoa agar ‘saudara’ yang tinggal di Kuala Terengganu dapat memahami Berita Baik yang sebenar berbanding mengikuti kebudayaan duniawi.
- Berdoa agar ramai orang dapat membaca risalah-risalah tentang Yesus.
- Berdoa untuk orang yang pernah mengalami Yesus agar mereka akan terus mencari-cariNya.

### TINDAKAN

Beli satu hadiah untuk kawan ‘saudara’ anda semasa musim perayaan mereka.



**Daerah Hulu Terengganu** adalah daerah yang terbesar di negeri Terengganu dan terletak di kawasan pedalaman. Hulu Terengganu merupakan kawasan tadahan yang utama bagi negeri Terengganu. Taman Negara terletak di bahagian selatan daerah ini. Tasik Kenyir merupakan tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara dan terletak di tengah-tengah daerah ini. Terbentang sepanjang 260km persegi, Tasik Kenyir tercipta semasa pembinaan sebuah empangan di Sungai Kenyir pada tahun 1985. Ia mempunyai 350 pulau-pulau kecil, lebih daripada 14 air terjun yang cantik, jeram, sungai dan gegua batu kapur. Tasik tersebut serta empangan yang mengelilinginya amat sesuai untuk aktiviti mengembara berjalan kaki merentasi hutan dan berjalan-jalan di taman alam semula jadi. 99% bilangan penduduk di daerah ini adalah orang Melayu.

Total: 69,933  
Peratus (%)

Melayu	99
Cina	0.4
India	0.1
Lain-lain	0.5

## 1 Samuel 16:7

Allah tidak melihat sebagaimana manusia melihat. Manusia melihat penampilan lahiriah, tetapi Tuhan melihat hati.

### Iman datang daripada mendengar

Darren sudah mengenali Yesus tetapi isterinya Ingrid belum lagi. Walau bagaimanapun, Ingrid senang hati mengikuti suaminya menghadiri persekutuan kami. Semasa persekutuan, kami menyanyi, berdoa, membaca firman Tuhan dan berbincang tentang cerita Yesus. Ingrid menghadiri setiap satu persekutuan kami bersama suami serta anak-anaknya.

Pada suatu hari, selepas kami nyanyikan sebuah lagu, "Aku Mau Cinta Yesus", saya bertanya kepada para hadirin kenapa mereka menggemari lagu ini? Ingrid merupakan orang pertama yang memberi jawapan! Dia berkata, "Saya suka lagu ini kerana Yesus mati disalibkan oleh sebab dosa saya." Kami tidak pernah mendengar Ingrid berkata begitu, oleh itu ia sesuatu yang amat mengagumkan! Beberapa hari kemudian, kami melawat Ingrid kerana kami ingin tahu punca sebab dia berkata begitu. Kami bertanya dia bilakah kali pertama dia percaya yang Yesus mati untuk dia, lalu dia pun jawab, "Tak pastilah. Setiap kali saya menghadiri persekutuan, saya dengar tentang Yesus. Pada suatu hari, saya percaya sahajalah."




### BAHAN DOA

- Berdoa untuk suami/isteri yang belum percaya dapat dengar tentang Yesus dan akan percaya suatu hari nanti, seperti cerita Ingrid.
- Berdoa agar 'saudara' di Hulu Terengganu beroleh keberanian serta ketabahan hati untuk mencari kebenaran.
- Berdoa agar ramai pengikut Kerajaan Langit (Ayah Pin) dapat mengenali Yesus.
- Berdoa agar Yesus akan menunjukkan diri kepada 'saudara' di Terengganu.

### TINDAKAN

Pada minggu ini, cuba berkongsi tentang Yesus kepada kawan 'saudara' anda.



**Daerah Marang** terletak di bahagian timur negeri Terengganu dan mempunyai pesisir laut yang terbentang menghadap Laut Cina Selatan. Ibu kota daerah yang juga digelar bandar Marang, terkenal sebagai pangkalan bot ke Pulau Kapas. Ia juga hab perikanan yang penting. Pulau Kapas ialah sebuah pulau yang kecil dan cantik, mempunyai pantai berpasir putih dan air laut yang berkilau-kilauan. Pulau ini juga dipilih menjadi Taman Laut serta digalakkan

Total: 96,384  
Peratus (%)

Melayu	97.7
Cina	2
India	0.2
Lain-lain	0.1

sebagai syurga dunia untuk aktiviti-aktiviti penyelaman dan snorkeling. Daerah-daerah kecil atau mukim Rusila, Pulau Kerengga dan Merchang terletak di tepi pantai yang datar dan berpasir menemui bukit-bukau di kawasan pedalaman. Kebanyakan kawasan Mukim Jerung berbukit, manakala Mukim Bukit Payung dan Alor Limbat mempunyai dataran yang beralun-alun dan paya gambut.

Bilangan penduduk daerah ini seramai 96,384 (mengikut banci 2010) dan kebanyakannya daripada mereka terdiri daripada orang Melayu (97.7%) dari kawasan luar bandar. Kumpulan etnik minoriti yang terbesar terdiri daripada orang Cina (2%). Ramai orang di Marang bertutur dalam loghat tempatan yang kurang penting tetapi berasal daripada Bahasa Melayu Terengganu.

## Pengkhutbah 5:7

“Terlalu banyak kata dan impian hanyalah kesia-siaan. Maka takutlah kepada Allah.”

### Kepercayaan Keempat

Saya berasal daripada keluarga yang mengamalkan dua kepercayaan berlainan, iaitu agama Buddha dan agama Sikh. Namun, ibu bapa saya tidak mengamalkan mana-mana satu pun. Saya berkahwin pada tahun 2000 dan terpaksa menukar agama mengikut agama isteri saya. Saya sedar bahawa saya kena patuhi amalan-amalan agama baru, iaitu bersolat, berpuasa, dan lain-lain, tetapi saya langsung tidak memahaminya. Saya tidak memperoleh ketenangan dalam agama ini, malah ia membuat saya tidak gembira dan hampir memusnahkan rumah tangga saya.

Kakak saya menasihatkan saya agar meminta bantuan kaunseling daripada orang Kristian dan saya pun mula mengalami kasih, kebaikan hati dan ketenangan. Saya langsung tidak tahu apa-apa tentang Yesus, tetapi saya ingin mengetahui lebih banyak lagi. Kemudian, saya mula membaca AlKitab dan mendapati kehidupan saya berubah sama sekali. Saya bertumbuh dalam keimanan setiap hari dan banyak mukjizat berlaku dalam keluarga saya. Pada tahun 2006, saya dan isteri saya dibaptiskan. Kini, kami melayani Tuhan. Tuhan telah mengurniakan kami dengan empat orang anak. Dua tahun yang lalu, ibu saya pun telah dibaptiskan dan sekarang kedua-dua ibu bapa saya pergi ke gereja. Puji Tuhan!



### BAHAN DOA


- Berdoa agar ramai orang dapat mengalami kasih dari Tuhan dan umat Tuhan, membaca AlKitab dan mengalami perubahan.
- Berdoa supaya undang-undang di negara ini yang berdasarkan perkahwinan antara agama yang tidak sama boleh berubah agar mereka yang berlainan agama dapat berkahwin tanpa penukaran agama dan tetap mengikuti Kristus.
- Berdoa kepada Tuhan untuk menyediakan pasangan hidup yang sudah percaya Yesus kepada mereka ('saudara' yang sudah percaya Yesus) yang masih bujang.
- Berdoa untuk satu kumpulan yang sering melawat Terengganu, agar Tuhan memimpin mereka untuk berjumpa dengan orang yang disediakan Tuhan.

### TINDAKAN

Jemput kawan-kawan 'saudara' anda menghadiri jamuan Natal.

Dungun: 152,342
Peratus (%)
Melayu 97.2
Cina 2.3
India 0.2
Lain-lain 0.3

Kemaman: 166,434
Peratus (%)
Melayu 94.8
Cina 4.2
India 0.4
Lain-lain 0.6



**Daerah Dungun** terletak di bahagian selatan-tengah negeri Terengganu. Di sebelah timur, daerah ini menghadap pantai Laut Cina Selatan. Ibu kota daerah ini ialah bandar Dungun (ataupun Kuala Dungun), pada tahun 1940-an ia merupakan sebuah bandar perlombongan besi. Lombong besi ini terletak di Bukit Besi di Dungun. Kesan-kesan landasan perlombongan masih boleh dilihat hingga ke hari ini. Selepas lombong tersebut ditutup pada tahun 1970-an, Dungun kembali menjadi perkampungan desa yang lengang di Terengganu. Kini, aktiviti ekonomi utama di Dungun ialah industri minyak petrol yang berpusat di bandar Kerteh di daerah Kemaman. Majoriti bilangan penduduknya adalah orang Melayu (97.2%), bersama orang Cina (2.3%).

**Daerah Kemaman** terletak paling selatan di negeri Terengganu. Ibu kota daerah ini ialah Chukai (atau bandar Kemaman). Bandar-bandar utama yang lain termasuk Kemasik, Kerteh, Kijal, Bandar Seri Bandi dan Bandar Cenih Baharu. Pantai yang terindah di Kemaman adalah Pantai Kemasik. Kerteh merupakan sebuah pekan kecil di Kemaman dan ia adalah pusat penghasilan minyak di negeri Terengganu. Pelantar-pelantar minyak luar pesisir bersama dengan industri petrokimia dan kemudahan penapisan minyak mentah di Paka (daerah Dungun) diurus dari Kerteh. Terdapat juga suatu kawasan perlindungan bagi penyu di pinggir pantai Daerah Ma di Kerteh. Majoriti bilangan penduduk di sini terdiri daripada orang Melayu (94.8%), bersama 4.2% orang Cina.

### **Titus 3:7**

“Maka dengan kasih kurnia-Nya kita sudah diperbenar untuk menjadi anak waris yang mendapat hidup kekal yang kita harapkan.”.

### **Penyembuhan**

Sudah lama Anak Doris menghidap suatu penyakit. Para doktor tidak dapat berbuat apa-apa selain memberi ubat sahaja untuk anaknya. Pada suatu hari, seorang jiran yang baik hati datang berdoa untuk anak Doris dalam nama Yesus Kristus. Tidak lama kemudian, anaknya sembuh sama sekali!

Tiada apa-apa yang berlaku sehingga Doris melawat saudaranya di bandar yang lain. Doris tidak tahu sama sekali yang saudaranya sudah percaya kepada Yesus. Doris berbual dengan saudaranya tentang cabaran hidup dan pelbagai penyakit. Saudaranya menasihatkan Doris supaya jangan pergi berjumpa bomoh. Sebaliknya, dia harus mencari Yesus Kristus. Pada masa itu, Doris ingat kembali ketika jirannya berdoa untuk penyembuhan anaknya yang sakit. Pada hari itu juga, saudara Doris memimpin Doris menerima Yesus ke dalam hidupnya.



### **BAHAN DOA**



- Berdoa agar umat Tuhan berani berdoa untuk penyembuhan bagi ‘saudara’ yang sakit.
- Berdoa agar pelancong yang percaya pada Yesus yang mengunjung tempat ini akan menjangkau dan berkawan dengan mereka yang mengalami kesulitan dalam hidup.
- Berdoa untuk seorang ‘saudara’ wanita yang disentuh oleh kasih seorang umat Tuhan, agar dia akan menerima Tuhan.
- Berdoa agar Tuhan menghantar hamba-hamba Tuhan untuk menetap di Dungun dan Kemaman demi menjangkau ‘saudara’.

### **TINDAKAN**

Jemput rakan-rakan ‘saudara’ anda menghadiri sambutan hari jadi anda atau anak-anak anda.

Pahang ialah negeri terbesar di Semenanjung Malaysia yang meliputi kawasan seluas 35,965 km persegi. Hutan hujan yang sudah wujud sejak asal lagi menguasai negeri itu dan membentuk bahagian-bahagian utama Taman Negara dan Taman Negeri Endau Rompin. Tasik Bera dan Tasik Cini yang terletak dalam negeri ini merupakan tasik semula jadi terbesar dan kedua terbesar di Malaysia.

Terdapat banjaran gunung yang menggerunkan melintang dari utara ke selatan negeri itu yang menjadi pembahagi semula jadi di antara timur dan barat negeri Pahang. Di sini terletaknya Gunung Tahan, puncak tertinggi di Semenanjung Malaysia. Kawasan tanah tinggi Cameron Highland, dengan iklimnya yang dingin, merupakan rerumah bagi industri tanaman sayur-sayuran, penanaman bunga-bungaan serta perladangan teh. Genting Highlands merupakan tempat yang sesuai bagi mereka yang mencari tempat bercuti serta mendapat ketenangan dalam cuaca dingin pergunungan. Bukit Fraser juga merupakan suasana pergunungan yang dingin serta damai.

Terdapat juga kawasan pantai indah yang terkenal di dunia seperti Pantai Cherating, Pantai Teluk Chempedak, Pantai Balok dan Pantai Beserah. Kesemuanya di persekitaran Bandar Kuantan, ibu negeri bagi negeri Pahang. Kelab Med pertama di Asia terletak di Pantai Cherating.

Jumlah penduduk negeri Pahang ialah 1,426,209 (tahun 2010), yang terdiri daripada 73.8% orang Melayu. Orang keturunan Cina ialah 16% dan orang keturunan India 4.4%. Agama Islam ialah agama utama Negeri (75% daripada jumlah penduduk), manakala jumlah penduduk beragama Kristian hanya 1.8%. Orang Kristian terdiri daripada orang bumiputera bukan-Melayu, kaum Cina dan India. Di Pahang terdapat juga 1,000 orang Muslim keturunan Cina dan 2,200 orang Muslim keturunan India.

Satu lagi perkara yang menarik ialah terdapatnya kira-kira 73,000 orang bumiputera bukan Melayu yang tinggal di Pahang. Kira-kira 52% daripada mereka mendakwa bahawa mereka tidak beragama, manakala 12% daripada mereka orang Muslim dan 12% daripada mereka beragama Kristian. Kebanyakan mereka tinggal di daerah Lipis, Pekan & Rompin.

Pahang juga terkenal kerana masakan tempatannya, termasuk Mi Calong, Opor Pahang dan Nasi Periuk Kera.

Ada 11 buah daerah pentadbiran di negeri Pahang. Bagi tujuan buku ini, 11 daerah ini akan digabungkan kepada 4 zon berdoa:

Zon 25: Cameron Highland, Lipis & Jerantut

Zon 26: Raub, Temerloh & Bentong

Zon 27: Kuantan & Maran

Zon 28: Pekan, Bera & Rompin

### DEMOGRAFI (2010)


**Jumlah:** 1,426,209

Kumpulan Etnik	%
Melayu	73.8
Cina	16
India	4.4
Lain-lain	5.8

Agama	%
Islam	75
Buddha	14.8
Hindu	4
Kristian	1.8







Cameron Highlands: 33,278  
Peratus (%)

Melayu	22
Bumiputera bukan Melayu	17
Cina	39
India	21
Lain-lain	1

Daerah **Cameron Highland**, stesen bukit yang paling popular di Malaysia terletak di barat laut hujung negeri Pahang. Ia dinamakan untuk menghormati juruukur British, Sir William Cameron yang mencartakan kawasan ini pada tahun 1885. Tempat ini dianggap sebagai 'Jelapang Hijau', atas sebab ia membekalkan hasil pertanian berupa sayur-sayuran ke bandar-bandaraya di Malaysia dan Singapura. Terdapat juga tempat-tempat tanaman teh, ladang strawberi dan taman-taman bunga ros. Penempatan utamanya terletak di Tanah Rata. Penduduk majoritinya orang Cina (39%), diikuti orang Melayu (22%) dan orang suku bangsa India (21%). 17% lagi daripada jumlah penduduk ialah kaum bumiputera bukan Melayu, terutamanya Orang Asli.

Daerah **Lipis** terletak di sebelah barat laut negeri Pahang. Bandar utama daerah ini ialah Kuala Lipis, yang dahulunya bandar pelombongan emas. Pada tahun 1898, pihak British menjadikannya ibu negeri Pahang menggantikan Pekan, ia kekal sebagai ibu negeri sehingga Kuantan menjadi ibu negeri pada tahun 1955. Majoriti penduduknya orang Melayu (72.6%), serta 15% orang bumiputera bukan Melayu.

**Jerantut** yang terletak di utara ialah daerah terbesar negeri Pahang. Bandar Jerantut ialah daerah terutama dan jalan masuk utama ke Taman Negara, ia merupakan kawasan bumi yang unik yang tidak dicerobok. Gunung Tahan (2,187m), titik tertinggi di Semenanjung, berlokasi di dalam Taman Negara. 82% daripada penduduknya ialah orang Melayu.

**Lipis: 85,341 Peratus (%)**

Melayu	72.6
Bumiputera bukan Melayu	15
Cina	9
India	3.3
Lain-lain	0.1

## Matius 19:14

Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, “Biarkan kanak-kanak kecil itu datang kepada-Ku; jangan larang mereka, kerana orang seperti itulah yang empunya kerajaan syurga.”

### Lagu Puji-pujian

Kelly seorang yang percaya kepada Yesus, tetapi dia berasa sedih di tempat kerjanya. Seorang rakan sekeryanya cuba menghiburkannya. Pada mulanya Kelly agak takut jika rakan sekerya tersebut mahu dia menukar agama.

Apabila mereka terus berbual-bual, Kelly menunjukkan bagaimana dia bermain piano di gerejanya. Selepas itu, Kelly terkejut mendengar rakan sekerya itu boleh menyanyikan sebuah lagu puji, “Were You There When They Crucified My Lord?” yang bermakna “Adakah Kamu berada di situ Ketika Mereka Menyalibkan Tuhan?” Kemudian, rakan sekerya Kelly berdoa untuknya. Sebelum dia berdoa, dia memberitahu Kelly bahawa mereka percaya dan menyembah kepada Tuhan yang sama. Kelly terasa keliru dan gugup!

Apabila Kelly berkongsi dengan pendetanya, pendeta itu berkata, “Hanya pengikut Yesus mampu menyanyikan lagu puji itu.” Kemudian, pendetanya bergembira dengan tangisan atas apa yang Tuhan lakukan dalam negara ini. Tetapi dia juga menitiskan airmata kesayuan atas sebab dia serta gerejanya tidak ambil peduli terhadap orang yang berlainan bangsa dan agama.



### BAHAN DOA

- Berdoa agar umat Tuhan berani berkongsi dengan rakan sekerya tentang harapan yang ada pada Kristus.
- Berdoa untuk orang asal di daerah Jerantut dan Cameron Highland yang mengalami penganiayaan agar mereka mempunyai kesukacitaan dari Tuhan dan bertambah hati.
- Berdoa agar nama Tuhan dimuliakan melalui penderitaan (yang dialami oleh) Gereja-Nya di seluruh daerah Lipis dan ‘saudara’ akan mendengar Berita Baik.
- Berdoa untuk Sultan (Pemerintah) dan Menteri Besar negeri Pahang.

### TINDAKAN

Jemput kawan-kawan ‘saudara’ anda untuk bersama-sama meraikan musim perayaan anda.

## Zon 26. Pahang - Raub, Temerloh & Bentong



**Daerah Raub** terletak di sebelah barat negeri Pahang. Bandar Raub merupakan salah satu daripada bandar tertua di negeri Pahang, ia tertubuh pada abad ke-18. Bukit Fraser, sebuah stesen bukit yang terhampar atas tujuh buah bukit-bukit berhutan terletak di sini. Stesen bukit ini bercuaca dingin, bertumbuh-tumbuhan kehijauan dan aman tenteram.

**Daerah Temerloh** terletak ditengah-tengah negeri Pahang dan Temerloh. Ia merupakan bandar yang kedua terbesar di negeri Pahang selepas Kuantan. Pusat Pemuliharaan Gajah di Kuala Gandah terletak di sini dan merupakan sebuah pangkalan dan tempat perlindungan selamat bagi kira-kira 1,200 ekor Gajah Asia liar yang telah diselamatkan dari serata tempat di Semenanjung Malaysia.

**Daerah Bentong** terletak di sebelah barat negeri Pahang, yang bersempadan dengan

Selangor dan Kuala Lumpur. Bandar Bentong ialah pusat daerah bagi daerah ini. Genting Highlands (2,000m), salah sebuah tempat peranginan bukit yang paling dimajukan di Malaysia, terletak di sini. Angin nyaman sejuk gunung serta tumbuh-tumbuhan hijau menjadikan Genting sebuah tempat yang unggul jauh dari hiruk-pikuk kesibukan bandaraya. Jika menaiki kereta, waktu perjalanan dari Kuala Lumpur hanya satu jam sahaja. Di sini terdapat taman-taman permainan bertema dalam dan luar dan Casino De Genting. Casino ini adalah salah sebuah kasino yang terbesar di dunia dan satu-satunya kasino yang sah di Malaysia.

Bentong: 113,011 Peratus (%)

Melayu	54.2
Bumiputera bukan Melayu	3
Cina	33.4
India	9
Lain-lain	0.4

## Matius 7:7

“Mintalah, dan kamu akan menerimanya; carilah, dan kamu akan mendapatnya; ketuklah pintu, dan pintu akan dibuka untukmu.”

### Kekosongan Kedudukan Jama

Jama berasal dari Indonesia dan berusia 40 tahun, dia datang ke Kuala Lumpur 7 tahun yang lalu setelah kematian suaminya. Dia membuat keputusan untuk meninggalkan negara asalnya dengan harapan untuk mendapatkan lebih banyak wang di Malaysia. Namun begitu, kehidupan di Malaysia agak sukar baginya.

Suatu hari, di dalam lif pangsapurnya, Jama bertemu seorang wanita Kristian. Wanita itu memahami dialek Madura yang Jama tuturkan sebab dia pernah melayani suku Madura di Indonesia.

Sesudah berkenalan dengan wanita itu melalui beberapa pertemuan, Jama mengakui bahawa dia berdosa sebab berzinah dengan seorang lelaki Malaysia. Wanita itu menasihati Jama supaya menghentikan perhubungannya dengan lelaki itu. Dia juga berkata bahawa sekiranya Jama berhasrat untuk hidup dengan hati yang penuh ketenangan, dosa-dosanya mesti diampuni melalui Yesus Kristus. Selepas beberapa pertemuan dengan wanita itu, Jama menerima Yesus Kristus sebagai Juru Selamatnya.

Selepas itu, wanita itu mengunjungi rumah Jama di Indonesia dan turut menemui anak-anak Jama yang dijaga oleh nenek mereka. Beberapa bulan kemudian, Jama kembali ke Indonesia. Terfikirlah wanita itu, “Jama datang ke Malaysia untuk mencari wang, tetapi dia menemui sesuatu yang jauh lebih berharga daripada wang!”




### BAHAN DOA

- Berdoa supaya umat Tuhan menjangkau orang-orang asing dari luar negara dan berkongsi Berita Baik dengan mereka.
- Berdoa agar ‘saudara’ yang percaya di Temerloh berani mengongsikan iman baru mereka dengan teman-teman dalam komuniti mereka sendiri.
- Berdoa untuk keluarga-keluarga ‘saudara’ yang percaya di daerah Raub agar berpaut sepenuhnya kepada Tuhan.
- Berdoa agar umat Tuhan di Bentong akan melakukan aktiviti ‘berdoa sambil berjalan’ di seluruh kawasan di daerah dan negeri untuk memberkati dan mengenali ‘saudara’.

### TINDAKAN

Gunakan sosial media untuk berkongsi kesaksian anda.



**Kuantan** merupakan sebuah daerah dan juga ibu negeri bagi negeri Pahang. Ia terletak di sebelah pantai timur Sungai Kuantan, dan menghadap ke Laut Cina Selatan. Kuantan menjadi ibu negeri selewat tahun 1955, apabila pihak British menempatkan semula ibu negeri dari Kuala Lipis (ke Kuantan). Kini ia sebuah bandar komersil dan sebuah pusat kegiatan pengangkutan yang penting. Ia adalah daerah yang paling berkembang maju dan dihuni oleh penduduk yang paling ramai di Pahang. Bandar ini ada beberapa

tapak percutian yang menarik perhatian. Ia ada banyak pesisir pantai yang cantik, termasuk Pantai Cherating, Pantai Balok, Pantai Beserah dan Pantai Teluk Chempedak. Bangunan Masjid Negeri dengan senibina masjid gaya kebudayaan Moor tinggi meninjau padang ditengah-tengah bandar Kuantan. Ia bermahkotakan kubah warna biru dan putih dan dikelilingi oleh empat buah menara gaya Ottoman. Ia turut mempamerkan jendela-jendela kaca berpalit, suatu ciri yang jarang diketengahkan dalam senibina Islam di Malaysia. Gua Charas, 25 km dari bandar ialah sebuah gua tempat keramat penganut agama Buddha, yang menempatkan patung Buddha berbaring sepanjang 30 kaki.

**Maran** ialah sebuah daerah dan juga bandar negeri pahang.

Dahulunya bandar Maran terletak di bawah pentadbiran daerah Pekan, tetapi pada tahun 1981, Maran bersama-sama dengan sesetengah kawasan di Temerloh dan Pekan, digabungkan menjadi daerah baharu Maran.

Kuantan: 445,695  
Peratus (%)

Melayu	78
Bumiputra bukan Melayu	1
Cina	17.4
India	3.2
Lain-lain	0.4

Maran: 111,192  
Peratus(%)

Melayu	94.3
Bumiputra bukan Melayu	1.4
Cina	3
India	1
Lain-lain	0.3

## Berjalan

Memang kebiasaan bagi penduduk setempat berjalan kaki pada awal pagi di sekitar tasik/taman berhampiran dengan tujuan bersenam. Setiap pagi penduduk yang berbilang kaum dan bangsa (Melayu, Cina & India) saling memberi salam dengan mesra dalam pelbagai bahasa. Seorang wanita dari negeri lain mula menyertai jirannya berjalan pada waktu pagi, seringkali dia berpeluang menemui wanita-wanita lain dan berlatih bertutur dalam bahasa yang baru diperolehnya.

Pada suatu hari, seorang kawan baru yang bernama Ema bertanya, “Apa agama anda?” Dia menjawab, “Saya pengikut Yesus Kristus. Hanya Dia sahaja harta yang berharga bagi saya, bukan sebuah kereta atau sebuah rumah, mahupun harta milik dunia ini, kesemuanya tiada nilai dan tidak mampu bertahan lama.” Ema merenungi jawapan itu, dan walaupun masih banyak lagi yang dia ingin ketahui, dia sedar mengikut budayanya, perbuatan terlalu banyak ‘menggorek’ hal-hal dalam kehidupan seseorang itu merupakan perlakuan kurang sopan, apakah lagi pada kali pertama menemuinya lalu dia mengalihkan isi perbualan itu kepada hal-hal yang biasa yang juga lebih mudah. Ema senang hati dengan perbualan sewaktu mereka bersama itu dan pada waktu mereka berpisah, mereka bersetuju untuk bertemu lagi untuk menyambung perbualan tersebut.




## BAHAN DOA

- Berdoa supaya umat Tuhan berusaha membina talian persahabatan dengan ‘saudara’ dan mencari peluang untuk mengongsikan kesaksian tentang Yesus.
- Berdoa agar pemimpin-pemimpin negara mengamalkan kebenaran dan sudi membantu rakyat.
- Berdoa untuk hamba-hamba Tuhan tempatan di daerah Maran agar mereka boleh menyampaikan Berita Baik dengan berkesan kepada ‘saudara’ dalam komuniti mereka.
- Berdoa untuk Kathy, seorang ‘saudara’ yang telah mengalami penyembuhan matanya dalam nama Yesus, agar dia akan betul-betul mengenali Yesus secara peribadi.

## TINDAKAN

Rancangkan percutian anda untuk pergi ke ‘homestay’ di perkampungan ‘saudara’.

## Zon 28. Pahang - Pekan, Bera & Rompin



**Daerah Pekan** terletak di tepi pantai sebelah timur negeri Pahang. Bandar Pekan terletak di tebing selatan Sungai Pahang, sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia. Ia adalah bandar diraja Pahang. Ia juga kampung halaman mantan Perdana Menteri Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, dan kampung halaman bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Beliau telah menjadi Ahli Parlimen Pekan sejak tahun 1976, dia mengambil alih jawatan itu daripada Allahyarham bapanya, Tun Abdul Razak.

**Daerah Bera** diasaskan pada tahun 1992, dahulunya merupakan sebahagian daripada daerah Temerloh. Bandar Bera ialah sebuah bandar yang utama. Bandar lain-lainnya termasuk Mengkuang dan Teriang. Bera terkenal kerana Tasik Bera, sebuah tasik air tawar semula jadi.

**Daerah Rompin** terletak di tenggara negeri Pahang, bersempadan dengan bahagian timur laut negeri Johor. Bandar Baru Rompin ialah bandar utamanya. Rompin ialah rerumah bagi pulau peranginan iaitu Pulau Tioman. Pulau Tioman ialah pulau terbesar antara kumpulan 64 buah pulau bergenungan berapi yang merupakan antara pulau-pulau tercantik di dunia. Ia sebuah pulau yang gemilang dalam sinaran matahari, dengan terumbu-terumbu karang yang amat sesuai bagi aktiviti selaman skuba serta air sejernih kristal untuk aktiviti berenang. Taman negara Endau Rompin yang terletak di sempadan Pahang-Johor menjadi rerumah bagi beberapa spesies terancam yang jarang ditemui.

## Efesus 6:12

“Ini kerana kita berlawan bukan dengan darah daging, tetapi dengan para penghulu dunia daripada kegelapan zaman ini, para pemerintah dan penguasanya, dan tentera roh iblis di udara.”

### Kasih Sayang Tak Pernah Gagal

Benny seorang pemuda yang pintar. Dia sentiasa mendapat keputusan yang baik di sekolah dan mendapat biasiswa untuk belajar di Amerika Syarikat. Sayangnya, dia terlibat dalam penyalahgunaan dadah lalu menjadi seorang penagih dadah. Dengan itu, dia dilarang pergi ke Amerika Syarikat. Setahun kemudian, dia menjadi geladangan. Pada suatu hari, sekumpulan belia Kristian bertemu dengannya lalu membawanya tinggal dengan mereka. Mereka mengambil berat terhadapnya dan merawat lukanya. Apabila dia terjaga dari tidur, beberapa kali dia mendapati seorang lelaki duduk di birai katilnya. Benny bertanya, “Apakah yang kamu semua buat ini?” Benny diberitahu bahawa mereka berdoa untuknya 24-7 (24 jam sehari dan 7 hari) iaitu tanpa berhenti.

Benny begitu tersentuh oleh kasih mereka yang mengambil berat terhadapnya. Keluarganya dan kawan-kawannya pun tidak mempedulikannya atau mengambil berat tentangnya sebagaimana yang dilakukan oleh kumpulan Kristian itu. Benny memberitahu mereka yang dia ingin memiliki apa yang mereka ada (sampai sanggup sebegini baik dengannya). Merekapun berkongsi Berita Baik dengannya lalu dia menyerahkan hidupnya kepada Yesus. Semenjak itu, Benny telah banyak bertumbuh dan kini dia melayani dalam komunitinya. Dia juga turut terlibat dalam berkongsi tentang bahayanya penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan terlarang yang lain.



### BAHAN DOA



- Berdoa supaya Benny berkongsikan kesaksian hidupnya dengan mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
- Berdoa supaya seluruh keluarga Benny di kampungnya akan mengenal dan percaya pada Yesus melalui kesaksian Benny.
- Berdoa untuk perkahwinan yang kukuh bagi suami isteri di kalangan ‘saudara’ di daerah Pekan, Bera dan Rompin.
- Berdoa untuk pemimpin di Pekan, Bera dan Rompin agar mereka melaksanakan project yang memanfaatkan komuniti di sana.

### TINDAKAN

‘Berikan telinga’ iaitu dengar dengan teliti apa-apa yang diadukan atau disampaikan oleh rakan ‘saudara’ anda.

Selangor terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia, meliputi kawasan seluas kira-kira 7,960 km persegi, dan merupakan negeri yang paling maju dan paling ramai penduduknya di Malaysia. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) merupakan salah satu lapangan terbang yang paling maju di rantau terletak di Sepang. Pelabuhan Klang ialah pelabuhan terbesar dalam negara. Shah Alam, sebuah bandar raya yang terancang dengan baik yang merupakan ibu negeri Selangor, ialah rerumah bagi taman hutan-agro pertama negara.

Selangor mempunyai pemandangan yang menakjubkan dan daya tarikan serta warisan sejarah yang kaya dan berwarna-warni. Hutan hujan tropiknya yang masih kekal sebagai asli adalah antara hutan hujan yang masih dalam keadaan asalnya di dunia, tempat seseorang boleh menemui berjuta-juta haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang menakjubkan.

Jumlah penduduk Selangor ialah 5,040,321 (mengikut banci tahun 2010) dan di Malaysia, ia negeri yang paling ramai penduduknya. 55.8% daripada jumlah penduduknya orang Melayu. Kaum Cinanya 28.6% dan kaum India 13.6%. Islam ialah agama utama di Negeri ini (57.7%), manakala jumlah orang Kristian cuma 3.5%. Orang Kristian ialah bumiputera bukan Melayu, orang keturunan Cina dan orang keturunan India. Ada kira-kira 10,000 orang Cina beragama Islam dan 25,000 orang India beragama islam di Selangor.

Ada lebih kurang 63,000 orang bumiputera bukan Melayu yang tinggal di Selangor. Kira-kira 38% daripada mereka orang Muslim, dan 37% lagi daripada mereka adalah orang Kristian. Majoriti mereka itu tinggal di daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat.

Selangor juga terkenal dengan hidangan tempatannya termasuk sate Kajang dan Roti canai.

Ada 9 daerah pentadbiran di Selangor. Bagi tujuan buku ini, 9 buah daerah ini akan digabungkan menjadi 4 zon berdoa:

Zon 29: Sabak Bernam & Kuala Selangor

Zon 30: Gombak & Hulu Selangor

Zon 31: Petaling & Klang

Zon 32: Kuala Langat, Sepang & Hulu Langat



Bendera Negeri Selangor

### DEMOGRAFI (2010)

**Jumlah:** 5,040,321

Kumpulan Etnik	%
Melayu	55.8
Cina	28.6
India	13.6
Lain-lain	2

Agama	%
Islam	57.7
Buddha	25.6
Hindu	11.8
Kristian	3.5



## Zon 29. Selangor - Sabak Bernam & Kuala Selangor



**Sabak Bernam** sebuah daerah di barat laut Selangor. Ia sebuah kawasan sawah padi dan penangkapan ikan yang utama di negeri Selangor. Sabak Bernam ialah bandar utama daerah ini dan kegiatan ekonomi utamanya ialah ladang kelapa sawit. Sungai Besar sebuah bandar pesisir pantai dan pust pentadbiran bagi Sabak Bernam. Majoriti penduduk di Sungai Besar ialah petani dan nelayan. Sekinchan ialah sebuah bandar pesisir pantai yang kecil, ia sebuah kampung nelayan yang sibuk dan merupakan antara kawasan pengeluaran beras yang utama di Malaysia. Sekinchan sering dikunjungi pelawat kerana makanan lautnya dan sawah padinya yang indah. Majoriti penduduknya orang bangsa Melayu (75.8%), diikuti orang bangsa Cina (20%).

Daerah **Kuala Selangor** daerah kedua terbesar di Selangor. Ia dipisah oleh Sungai Selangor dan menjadi dua bahagian iaitu Tanjung Karang dan Kuala Selangor. Kampung Kuantan terkenal sebagai jajahan terbesar bagi kunang-kunang di dunia. Bandar Kuala Selangor yang terletak di kuala Sungai Selangor, dahulunya ibu negeri diraja kesultanan Selangor. Pihak Belanda menaklukinya menjelang tahun 1784. Pembinaan semula kubu sultan yang dibina oleh orang Belanda iaitu Kubu Atlingsburg sudah berulang beberapa kali, yang tertinggal pada hari ini ialah bahagian-bahagian temboknya dan meriamnya. Taman Alamiah Kuala Selangor ialah rerumah bagi lebih daripada 150 spesies burung-burung dan pelbagai haiwan tanah basah. Majoriti penduduknya orang Melayu (74.6%), diikuti orang keturunan India (15.5%).

## 1 Yohanes 4:18

“Dalam kasih tidak ada ketakutan. Kasih yang sempurna menghilangkan segala rasa takut kerana ketakutan ada kaitan dengan hukuman. Dengan demikian, orang yang takut belum mengenal kasih yang sempurna.”

### Banyak Soalan

May seorang wanita muda, dia dijemput datang ke rumah kami selepas dia mendengar apa yang kami jelaskan tentang Yesus Kristus. Sebenarnya dia datang ke persekutuan kami siap dengan soalan sepanjang tiga muka surat! “Bagaimana mungkin kamu percaya dengan yakin akan isi kandungan Alkitab seandainya ia telah diubah? Bagaimana mungkin kamu berkata bahawa Yesus ialah anak Tuhan – Pada pandangan saya Tuhan tidak ada anak. Bagaimana mungkin kamu berkata yang Yesus itu Tuhan – bukankah cuma ada satu Tuhan? Kitab suci kami menyatakan bahawa Yesus tidak mati, bagaimana mungkin kamu berkata bahawa Yesus telah disalibkan?”

Sungguhpun dia ada banyak soalan serta keraguan, May tetap datang setiap minggu untuk mendengar tentang Yesus dan menyertai persekutuan kami. Selepas kira-kira enam bulan menyertai persekutuan kami, May memberi kami satu kejutan! Dia mengedarkan buku-buku Renungan Harian kepada setiap orang yang ada di persekutuan kami. Dia membeli buku-buku Renungan Hari yang mahal dari sebuah kedai buku Kristian. Kemudian, dia memberitahu kami bahawa dia telah menerima Yesus sebagai Tuhan dan Juru Selamatnya!



### BAHAN DOA

- Berdoa supaya Tuhan memberi penglihatan/visi dan mimpi-mimpi kepada ‘saudara’ di Sabak Bernam & Kuala Selangor.
- Berdoa supaya Tuhan menghantar ‘saudara’ yang berkeinginan mencari Tuhan kepada umat Tuhan yang boleh berkongsi Berita Baik dengan jelas kepada mereka.
- Berdoa untuk kesatuan hati and kasih yang lebih erat diantara umat Tuhan dan ‘saudara’ yang baru percaya.
- Berdoa untuk Sultan (Pemerintah negeri) dan Menteri Besar (Ketua Menteri) negeri Selangor.

### TINDAKAN

Doa untuk ‘saudara’ pada masa mereka masuk waktu sembahyang mereka.



**Gombak** sebuah daerah dalam negeri Selangor yang terletak di bahagian utara Kuala Lumpur. Sungai Gombak bergabung dengan Sungai Klang di Kuala Lumpur. Empat buah daerah kecil di Gombak ialah Rawang, Batu, Setapak dan Ulu Kelang. Rawang ialah bandar utamanya. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM/UIAM) terletak di sini. Gombak juga rerumah bagi tempat penempatan Orang Asli, dan tapak bagi Muzium Orang Asli. Gua Batu Caves ialah sebuah tarikan pelancong yang popular terutamanya sewaktu perayaan hari Thaipusam. Gua itu didedikasikan kepada sebuah patung berhala besar Dewa Muruga yang juga dikenali dalam agama Hindu sebagai Dewa Subramaniam, ia terdiri di kaki tangga dengan 272 anak tangga yang menuju ke Gua Kuil. Gua itu terletak di tengah-tengah daerah yang majoriti penduduknya bangsa Melayu.

**Hulu Selangor** ialah daerah Selangor yang paling besar dan paling ke utara. Sumber air Sungai Selangor adalah daripada kawasan ini yang dinamakan sebagai Hulu Selangor. Kuala Kubu Bharu ialah bandar utamanya. Bandar-bandarnya yang lain termasuklah Batang Kali, Ulu Bernam, Ulu Yam dan Serendah. Bandar asal Kuala Kubu Bharu dikenali sebagai Kuala Kubu dan ia terkenal kerana kegiatan melombong bijih timah. Majoriti penduduknya orang Melayu (68.5%).

## 1 Korintus 7:17, 19

Setiap orang harus hidup dalam keadaan yang ditetapkan Tuhan untuknya ketika Allah memanggilnya ... yang terpenting ialah taat akan perintah Allah.

### Kesalahfahaman

Lilly berasal daripada keluarga yang salih dan kuat beriman. Kefahamannya dalam tradisi agamanya sangat mendalam. Dia berkawan dengan seorang rakan sekerja yang beragama Kristian. Lama kelamaan dia teringin untuk mengetahui tentang agama rakan sekerjanya. Rakannya berkongsi kesaksiannya serta pengalamannya dengan Yesus. Lilly terkejut apabila mengetahui rakannya percaya kepada Tuhan yang tunggal. Barulah Lilly sedar dia ada banyak salah faham terhadap agama Kristian. Mengapa Lilly terkejut apabila mengetahui Kristian hanya percaya dalam Tuhan yang esa?

Bukan sahaja kisah Lilly. Di dalam negara ini, memang banyak salahfaham yang disebar oleh kalangan guru agama yang kurang bermaklumat. Guru-guru agama tersebut sekadar menyampaikan apa yang diajar kepada mereka oleh guru mereka. Jadi apakah penyelesaian dalam hal sebegini? Puji Tuhan atas kes-kes seperti kes Lilly di mana pengikut Yesus yang setia membawa sinaran kebenaran untuk mendedahkan betapa gelapnya segala ajaran salah. Kewujudan dan penggunaan internet yang luas juga boleh membantu ramai orang di negara ini menemui Kebenaran.



### BAHAN DOA




- Berdoa supaya umat Tuhan boleh berkongsi kesaksian mereka dan Berita Baik dengan berani kepada 'saudara'. Agar umat Tuhan bersedia memberikan jawapan yang tepat untuk menjawab segala soalan mereka tentang pengharapan yang mereka miliki itu dengan cara yang lemah-lembut.
- Berdoa agar 'saudara' dapat menyedari bahawa amalan keagamaan (contohnya wudhu' dan lain-lain) mengikut ajaran agama tidak memadai untuk membersihkan dosa dalam hati mereka.
- Berdoa supaya mata rohani penduduk di Gombak dan Hulu Selangor terbuka untuk mengetahui dan memohon pengampunan Tuhan yang melalui kematian Yesus dan darahNya.

### TINDAKAN

Cuba mengasihi 'saudara-saudara'.

## Zon 31. Selangor - Petaling & Klang



**Daerah Petaling** terletak diarah ke barat Kuala Lumpur, daerah paling bersifat perbandaran dan ia merupakan daerah yang paing ramai penduduk di negeri Selangor dan Malaysia, kira-kira 1.66 juta orang penduduk. Daerah kecil (mukim) di Petaling termasuklah Bandar Petaling Jaya, Bukit Raja, Damansara, Petaling dan Sungai Buloh. Tiga buah badan pentadbiran tempatannya ialah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Di sini terletaknya Shah Alam, ibu negeri Selangor, sebuah bandar raya Islam moden yang terancang dengan baik. Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Biru) merupakan masjid terbesar di Malaysia, ia terletak di Shah Alam. Bandar raya besar/bandar lain termasuklah Petaling Jaya, Subang Jaya, Bukit Raja, Damansara, Sungai Buloh, Sri Damansara, Sunway, Subang, Puchong, Serdang, Kayu Ara, Kinrara, Kota Damansara dan banyak yang lain. Universiti-universiti yang berlokasi di sini ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (kampus PJ), Universiti Tunku Abdul Rahman (kampus Petaling), Universiti Putra Malaysia (Serdang) dan Universiti Teknologi Mara (Shah Alam). Terdapat banyak gereja di daerah ini.

**Daerah Klang** adalah daerah perkapalan terpenting bagi negeri Selangor. Daerah-daerah kecil (mukim) di Klang termasuklah Bandar Klang, Kapar and Klang. Klang ialah bandar diraja negeri Selangor. Pelabuhan Klang merupakan pelabuhan laut utama Malaysia. Terdapat beberapa buah gereja di sini.

## **Yohanes 1:41**

Andreas segara mencari Simon, saudaranya, dan berkata, “Kami telah bertemu dengan Mesias!” ('Mesias' bererti Kristus).

### **Fikiran yang Terbuka**

Dalam suatu aktiviti “berdoa sambil berjalan” di kawasan kejiranan mereka, sepasang umat Tuhan menemui seorang pemuda yang peramah dan berfikiran terbuka. Dia mengatakan bahawa dia cuba untuk tidak “terlalu tegas” dalam hal agamanya. Dia mahu anaknya juga berfikiran terbuka – untuk menghormati agama orang lain dan jangan menjadi seorang yang condong kepada perkauman dalam apa cara sekalipun. Katanya jika kita saling memahami budaya dan agama serta kepercayaan masing-masing, kuranglah sedikit kemungkinan kita akan menyinggung perasaan antara sesama kita. Dia berkawan dengan seorang rakan sekerja yang beragama Kristian dan dengan rakan itulah dia berbincang tentang hal-hal agama, dan dia juga pernah menonton dalam internet beberapa video berkaitan dengan agama Kristian. Pada masa itu dia menolak tawaran untuk membaca Perjanjian Baru. Namun begitu, pada minggu berikutnya, dia rela menerima filem Yesus dan katanya dia pasti akan menontonnya.




### **BAHAN DOA**

- Berdoa untuk sekumpulan kecil ‘saudara’ yang telah mengenali Yesus agar mereka menjadi ‘garam dan terang’ dalam kampung mereka.
- Berdoa agar umat Tuhan akan mencari dan menggunakan peluang untuk berkongsi tentang Yesus dengan ‘saudara’ di tempat kerja.
- Berdoa untuk persekutuan/kebaktian di kalangan ‘saudara’ supaya bertumbuh berganda-ganda di kawasan Petaling dan Kelang.
- Berdoa agar pemimpin di peringkat negeri memberi peruntukan sumber dengan adil.

### **TINDAKAN**

Ajar anak-anak anda untuk mengasihi ‘saudara’.

## Zon 32. Selangor - Kuala Langat, Sepang & Hulu Langat



Daerah **Kuala Langat** terletak di bahagian barat daya negeri Selangor. Bandar-bandar utamanya adalah Teluk Datok, Banting, Jugra dan Morib. Morib terkenal kerana pesisir pantainya. Jugra pernah menjadi pusat kuasa Kesultanan negeri Selangor, dan kini ia menjadi tapak bersejarah bagi para peminat sejarah dan para pelancong. Istana Bandar, Masjid Sultan Alaeddin dan rumah api Jugra memang tempat-tempat yang menarik untuk dikunjungi.

Daerah **Sepang** terletak di bahagian selatan negeri Selangor. Ia mengelilingi Wilayah Persekutuan Putrajaya yang baru ditubuhkan. Perbandaran Cyberjaya terletak di daerah Sepang. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), lapangan terbang terbesar dan paling sibuk di Malaysia, terletak di sini. Litar Lumba Antarabangsa Sepang, tempat bagi Grand Prix Formula Satu Malaysia, dirasmikan pada tahun 1999.

Daerah **Hulu Langat** terletak di bahagian timur negeri Selangor, ia bersempadan dengan Kuala Lumpur. Bandar-bandar utamanya ialah Kajang, Cheras, Ampang, Semenyih dan Hulu Langat. Daerah ini mempunyai jumlah penduduk yang kedua banyak di Selangor, lebih daripada 1 juta orang tinggal di sini. Ampang dan Cheras menjadi subbandar (atau pinggir bandar) bagi kawasan metropolitan. Majoriti penduduknya kaum Melayu (53.9%), jumlah penduduk kaum Cina besar juga (33.3%).

## Matius 25:42-43

Aku orang asing dan kamu tidak menerima-Ku masuk ke rumahmu; Aku tidak berpakaian dan kamu tidak memberi-Ku pakaian; Aku sakit, Aku di dalam penjara, dan kamu tidak melawat-Ku.

### Penukaran Agama bagi Pihak Tertentu adalah salah

Adakah anda bersedia untuk dianiyai? Adakah anda bersedia menanggung penderitaan demi agama yang anda anuti? Dalam sebuah negara di mana apa sahaja bentuk usaha menyebarkan Berita Baik dan usaha menukar agama seseorang itu dianggap salah dari segi undang-undang, berkongsi Berita Baik adalah satu jenayah. Maka mengapa mencabar undang-undang itu? Mengapa menggerakkan perahu yang tenang? Ternyata lebih mudah “membiar diri hanyut mengikut arus” daripada berusaha “berenang melawan ombak.” Walaupun fikiran tersebut macam praktikal tetapi sebaliknya tersembuyi perasaan ketakutan yang begitu mendalam sekali.

Sebagai kumpulan minoriti, perasaan takut yang disebabkan penganiayaan oleh pihak majoriti memang kuat. Ketakutan yang dirasai oleh ramai umat Tuhan tempatan adalah nyata. Salah seorang pernah mengaku, “Kita belum bersedia untuk menghadapi penderitaan demi iman kita.” Namun, bagaimana pula dengan amanat agong yang diberi oleh Yesus kepada kita untuk menjadikan semua bangsa pengikut dan muridNya? Bagaimana pula dengan para rasul-rasul memberitahu pihak Sanhedrin bahawa, “Mereka seharusnya takut pada Tuhan dan bukan manusia.” Sanggupkah kita melanggar undang-undang demi Yesus? Berapakah nilai satu jiwa dalam kehidupan abadi?

Kita perlu bergelut dengan soalan-soalan sebegini. Semoga Tuhan memberi kita kasih karunia dan keberanian untuk menghulurkan tangan dalam usaha menjangkau jiwa-jiwa yang sesat di sekeliling kita.



### BAHAN DOA

- Berdoa supaya ‘saudara’ dapat mengalami kuasa rohani Yesus yang luar biasa dalam kehidupan mereka.
- Berdoa supaya ‘saudara’ di Kuala Langat, Sepang & Hulu Langat boleh mendapat kebebasan daripada ketakutan kuasa kegelapan (hantu/syaitan). Mereka juga dapat mengetahui kuasa Yesus Kristus jauh lebih besar daripada kuasa lain.
- Berdoa supaya gereja akan bertumbuh dan mula menjangkau ‘saudara’ di Kuala Langat, Sepang & Hulu Langat.
- Berdoa untuk Menteri Besar dan jawatankuasa di Selangor.

### TINDAKAN

Belikan minuman atau makanan bagi seorang ‘saudara’ yang tidak anda kenali yang anda temui di kedai kopi. Cuba berkawan dengan dia.

Negeri Sembilan meliputi kawasan seluas 6,644km persegi dan memiliki garisan pantai sejauh 48km. Kawasan pantai yang terkenal di Port Dickson menawarkan pelbagai “padang permainan” bagi penghuni kota raya. Secara harfiah atau literal, Negeri Sembilan bererti “Sembilan buah Negeri” sebab pada suatu masa dahulu, ia pernah terdiri daripada sembilan daerah yang berasingan. Sembilan buah negeri itu ialah Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelebu, Johol, Klang, Jelai, Ulu Pahang dan Segamat. Kemudian, Klang diberikan kepada negeri Selangor; Jelai dan Ulu Pahang diberikan kepada negeri Pahang, manakala Segamat diberikan kepada negeri Johor. Kini, tujuh buah daerah di Negeri Sembilan ialah Jelebu, Jempol, Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson, Rembau dan Tampin.

Negeri Sembilan ialah kubu kuat bagi orang Minangkabau yang asalnya datang dari kawasan tanah tinggi Sumatera Barat dan mereka menjadi peneroka di situ pada abad ke-15. Minangkabau bererti kerbau yang berjaya, dan menurut dongeng, nama itu diambil berdasarkan perperangan dengan orang Jawa dan perperangan akhir diputuskan atas keputusan perlawanan antara dua ekor kerbau. Umat Minangkabau menang lantas mereka mengambil tanduk kerbau sebagai lambang negara mereka. Rumah-rumah tradisi mereka terdiri daripada cucur (puncak) bumbung berbentuk tanduk kerbau. Hingga kini, umat Minangkabau di Negeri Sembilan masih mengamalkan sistem sosial ‘kuasa ibu’ iaitu dipimpin oleh wanita (yang tertua) menurut “adat perpatih”.

Seremban menjadi ibu negeri bagi Negeri Sembilan, ia sebuah bandar moden dan sibuk yang mencerminkan keunikian budaya Minangkabau, terutamanya pelbagai senibina tempatannya.

Jumlah bilangan penduduk Negeri Sembilan ialah 963,157 (2010). 59.4% adalah bangsa Melayu, 23.2% bangsa Cina dan 15.2% bangsa India. Islam ialah agama utama dalam Negeri (60.6%), manakala penduduk beragama Kristian cuma 2.2%. Kebanyakan daripada orang Kristian ialah orang Cina dan India. Terdapat juga kira-kira 1,800 orang Cina beragama Islam dan 4,600 orang India beragama Islam di Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan juga terkenal dengan masakan tempatannya, termasuklah Lemang, Air Jando Pulang dan Masak Lemak Cili Api.

Terdapat 7 daerah pentadbiran Negeri Sembilan. Bagi tujuan buku ini, 7 daerah ini akan digabungkan pada 3 zon berdoa:

Zon 33: Jelebu & Jempol

Zon 34: Seremban & Kuala Pilah

Zon 35: Port Dickson, Rembau & Tampin



Bendera Negeri Sembilan


### DEMOGRAFI (2010)

**Jumlah:** 963,157

Kumpulan Etnik	%
Melayu	59.4
Cina	23.2
India	15.2
Lain-lain	2.2

Agama	%
Islam	60.6
Buddha	22
Hindu	13.7
Kristian	2.2





Jelebu: 37,287  
Pertus(%)

Melayu	62.7
Cina	25.7
India	4.7
Lain-lain	6.9

Daerah **Jelebu** ialah daerah yang kedua terbesar di Negeri Sembilan. Ia sebuah daerah pinggir kota yang ada industri separa-pertanian yang sedang berkembang maju. Kuala Klawang ialah bandar utama daerah ini. Ia sebuah bandar kecil yang terletak di sebuah kawasan yang berhutan yang dikelilingi oleh beberapa bidang tanah rizab Melayu. Tugu peringatan Kuala Klawang yang terletak di sini, dibina pada abad ke-19 untuk memberi penghormatan kepada Ratu Victoria. Majoriti penduduknya orang Melayu (62.7%), diikuti orang Cina (25.7%).

Daerah **Jempol** ialah daerah terbesar di Negeri Sembilan.

Bandar Seri Jempol (Bandar Baru Serting) ialah bandar utama di Jempol. Rumah Pendita Za'ba, yang terletak di Kg. Bukit Kerdas,

memaparkan babad dan riwayat hidup Za'ba. Atas sebab sumbangannya dalam bidang ekonomi, politik dan sosial, Za'ba, atau nama sebenarnya, Tan Sri Zainal Abidin Bin Ahmad, diiktiraf sebagai "Pendita Za'ba", seorang yang terpelajar di Malaysia. Rumah yang terpelihara dengan baik ini, dengan tiang-tiang terangkatnya dan bumbung dengan hujungnya melentik ke atas, adalah contoh senibina tradisional Negeri Sembilan. Orang Melayu merupakan penduduk utama (66.7%), diikuti orang Cina (17.3%) dan India (12.9%).

Jempol: 112,354  
Pertus(%)

Melayu	66.7
Cina	17.3
India	12.9
Lain-lain	3.1

## **Markus 16:17**

Tanda-tanda ini akan menyertai mereka yang percaya: Dengan nama-Ku mereka akan menghalau roh iblis.

### **Kekal Di mana Anda Berada**

Rachel percaya kepada Yesus melalui kesaksian seorang rakan yang beragama Kristian. Namun, selepas itu, dia ada banyak soalan. Perlukah dia berkelakuan dan berpakaian seperti rakannya yang beragama Kristian? Atau haruskah dia mengikuti perkara-perkara yang diwajibkan oleh agama lama sebelum itu?

Seringkali, setelah seseorang menjadi pengikut Yesus, mereka adalah saksi yang terbaik untuk mempengaruhi keluarga serta masyarakat atau komuniti mereka. Sebagaimana orang yang kerasukan dipulihkan oleh Yesus (Markus 5:19-20), mereka boleh kembali kepada rakan-rakan serta keluarga mereka dan memberitahu mereka mengenai kebaikan yang Tuhan Yesus telah lakukan untuk mereka.

Apabila umat Tuhan menjangkau dan menyampaikan Berita Baik kepada mereka yang berlainan bangsa dan agama, seringkali umat Tuhan cuba membawa mereka masuk ke dalam komuniti Kristian di mana mereka boleh ada persekutuan, bertumbuh dalam ajaran Kristian dan belajar untuk melayani Tuhan. Walaupun perkara begini yang dilakukan oleh komuniti Kristian nampaknya betul dan tidak bersalah, namun ia mungkin bukan tindakan yang bijak bagi mereka yang berasal dari bangsa dan agama lain yang baru sahaja percaya, yang berkeinginan untuk membawa Berita Baik kepada keluarga dan bangsanya.




### **BAHAN DOA**

- Berdoa untuk Rachel yang telah percaya kepada Yesus agar dia bertabah hati serta berkongsi dengan orang lain. Berdoa untuk orang lain yang seperti Rachel.
- Berdoa untuk ketua-ketua rumah ‘saudara’ di Seremban agar Bapa di syurga membuka hati rohani mereka terhadap Berita Baik.
- Berdoa agar Alkitab dalam Bahasa Kebangsaan mudah diperolehi oleh setiap keluarga ‘saudara’ di Seremban dan Kuala Pilah.
- Berdoa untuk pemimpin di Jelebu dan Jempol agar mereka prihatin tentang keperluan komuniti.

### **TINDAKAN**

Mulakan perbualan dengan seorang “saudara” yang tidak dikenali di kedai kopi. Cuba menjalin per-sahabatan dengan dia.

## Zon 34. Negeri Sembilan - Seremban & Kuala Pilah



Daerah **Seremban** merupakan tempat terletaknya ibu negeri Negeri Sembilan, iaitu bandar Seremban. Daerah ini termasuk kawasan yang merupakan ‘teras’ Seremban, pinggiran Seremban, di mana terletaknya Nilai dan Seremban 2, yang merupakan bandar satelit baru kira-kira 4km di tenggara pusat bandar Seremban yang sedia ada. Seremban sebuah bandar yang sibuk dan agak moden, dan ia juga ialah pusat bagi budaya Minangkabau yang unik. Bangunan Setiausaha Negeri memang unik dengan bumbung melentik yang tradisional yang dibina untuk kelihatan seperti sepasang tanduk kerbau. Sesetengah daripada bangunan-bangunan Minangkabau yang telah ditukar lokasinya itu dipamerkan di Muzium Negeri. Di sebelah muzium itu ialah “Rumah Minang” yang merupakan rumah Minangkabau sebenar. Orang Melayu adalah kumpulan penduduk utama (55.3%), diikuti orang Cina (26%) dan orang India (17%).

Daerah **Kuala Pilah** terletak di tengah-tengah Negeri Sembilan. Kuala Pilah juga merupakan tapak bagi bandar diraja, Seri Menanti. Bandar Kuala Pilah terletak di tengah-tengah daerah itu. Muzium Diraja Sri Menanti, yang dahulunya istana, berlokasi di Sri Menanti, ia merupakan mahakarya senibina Minangkabau. Istana itu yang terbina pada tahun 1908 mempunyai 99 tiang yang melambangkan 99 orang pahlawan daripada pelbagai suku itu. Ia mempunyai reka bentuk yang cantik dengan unsur-unsur bangunan terukir dengan aneka motif tempatan yang sebeginu halus. Penduduk majoritinya Melayu (76.9%) serta 14.3% orang Cina.

## 1 Korintus 10:31



“Setiap yang kamu lakukan, baik makan maupun minum, lakukanlah untuk memuliakan Allah.”

Esther pernah menjadi seorang guru tadika. Dia mengalami beberapa masalah dalam perkahwinan dan dia membuat aduan tentang keadaannya kepada rakannya yang bernama Sarah. Maka Sarah pun berkongsi Berita Baik dengan Esther dan memberikan sebuah Alkitab kepadanya. Esther mengalami damai sejahtera apabila dia menerima Tuhan ke dalam hatinya.

Kemudian, Esther pula berkongsi Berita Baik itu dengan sahabatnya, Mary yang mengalami masalah yang sama seperti yang dialami Esther dahulu. Mary bermimpi bahawa satu tangan yang besar berusaha menggapainya. Mary memberitahu semua itu kepada kawannya, Sally. Selepas itu, Sally, Mary dan Esther berkongsi dengan kawan masing-masing di sebuah kampung. Tidak lama kemudian, seorang demi seorang melihat suatu pancaran cahaya yang amat terang – ada kalanya dalam penglihatan dan pada masa lain, dalam mimpi-mimpi.

Tidak lama selepas itu, mulalah mereka berkumpul setiap hujung minggu bersama-sama dengan anak mereka. Kebanyakan daripada mereka adalah ibu tunggal sebab suami mereka sudah meninggal mereka masing-masing, maka tiada sesiapa yang menghalang mereka daripada mengadakan pertemuan.

Sarah mengajar Esther satu petikan dari Alkitab dan kemudian Esther akan melakukan perkara yang sama dengan wanita lain di kampungnya pada hujung minggu. Selepas beberapa bulan, mereka mengalami ancaman dan penganiayaan. Namun begitu, mereka tetap mengadakan pertemuan serta persekutuan.




## BAHAN DOA

- Berdoa untuk wanita di Negeri Sembilan yang mengalami keadaan yang di luar jangkaan mereka.
- Berdoa untuk ibu tunggal tersebut yang menggalas tangjungjawab sebagai ketua keluarga untuk mencari rezeki bagi keluarga mereka.
- Berdoa supaya lelaki “saudara” tidak memperalatkan hukum agama sebagai alasan untuk meninggalkan anak-isteri mereka. Berdoa supaya lelaki di Jelebu dan Jempol beroleh kasih yang sejati terhadap isteri dan keluarga masing-masing.
- Berdoa untuk Yang di-Pertuan Besar (Pemerintah) dan Menteri Besar (Ketua Menteri) Negeri Sembilan.

## TINDAKAN

Cuba naik kereta yang sama ke tempat kerja dengan ‘saudara’ rakan sekerja.

## Zon 35. Negeri Sembilan - Port Dickson, Rembau & Tampin



Daerah **Port Dickson** adalah sebuah daerah di pinggiran pantai, sebuah tempat peranginan terkenal di tepi laut di Negeri Sembilan. Ia terletak kira-kira 32km dari Seremban dan 60km dari Kuala Lumpur. Ia merupakan antara tempat peranginan tepi laut yang paling terkenal di Malaysia, dan tempat peranginan tepi laut kegemaran orang kota raya. Sukan laut yang menjadi kegemaran orang ramai ialah meluncur angin dan meluncur air. Bandar kecil ini dahulunya mengeluarkan arang, kemudiannya, sewaktu zaman Negeri-Negeri Selat, ia dibangunkan oleh pihak British sebagai sebuah pelabuhan kecil. Orang Melayu merupakan penduduk majoriti (50.2%), diikuti kaum Cina (26%) dan kaum India (21%).

Daerah **Rembau** ialah daerah paling kecil di Negeri Sembilan, ia merupakan ‘kubu kuat’ bagi sistem ‘nisab ibu’, adat perpatih. Muzium Adat yang terletak di sini mengandungi koleksi alat kelengkapan diraja yang begitu menakjubkan bagi para Raja dan Undang, kain kelubung perempuan bentuk tanduk kerbau yang terkenal itu serta juga beberapa barang antik ukiran tangan. Sistem ‘nisab ibu’ Adat Perpatih dan sejarah berkaitan diterangkan dengan begitu jelas sekali di dalam arkib muzium itu sebagai membuktikan kehidupan bermasyarakat di Negeri Sembilan.

Daerah **Tampin** ialah nama sebuah bandar serta daerah sekelilingnya di Negeri Sembilan. Bandar itu terletak berdekatan dengan sempadan negeri Melaka, dan Bandar Pulau Sebang yang menjirani Melaka (orang memanggilnya Tampin, Melaka). Stesen keretapi Gemas yang siap dibina pada tahun 1922 adalah sebuah tempat pertukaran stesen yang penting yang menghubungkan Pantai Timur, Selatan dan Utara Semenanjung Malaysia. Kebanyakan penduduknya orang Melayu (60%), diikuti orang Cina (23.4%) dan orang India (14.5%).

## **Yohanes 14:6**

Yesus menjawab, "Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada seorang pun datang kepada Bapa kecuali melalui-Ku."

### **Bukti Yang Tidak Kelihatan**

Seorang gadis muda mengambil satu Alkitab rakannya lalu membaca petikan ini, "*Iman adalah dasar dari segala sesuatu yang kita harapkan dan bukti dari segala sesuatu yang tidak kita lihat.*" Sesudah membaca ayat itu, sedarlah dia bahawa dia tidak mempunyai jaminan dalam agamanya.


Maka, bermulalah pencarian perjalanan rohaninya ...

Kisah yang lain, seorang lelaki berjaga sampai lewat malam untuk membaca Alkitab yang telah diberikan kepadanya oleh seorang kawan. Ayat-ayat dalam Alkitab itu bagaikan hidup dan jauh di lubuk hatinya, sedarlah dia bahawa itulah kebenaran dan dia perlu membaca lebih banyak lagi.

Selepas satu jangka masa, kedua-dua orang itu percaya pada Yesus. Kisah-kisah sebegini jarang berlaku, namun kadang-kadang ia berlaku. Firman Tuhan yang disampaikan, tidak akan kembali dengan sia-sia. Yang menyediakan ialah biarpun hampir sesiapa sahaja boleh memasuki sesebuah kedai buku sekular, dan membeli sebuah Alkitab (atau sekurang-kurangnya Alkitab bagi Kanak-kanak), ramai orang tidak mengetahui bahawa Alkitab, firman Tuhan itu adalah untuk mereka. Kehidupan mereka begitu terbelenggu, hanya kebenaran boleh memberi pembebasan bagi mereka.



### **BAHAN DOA**



- Berdoa agar ramai 'saudara' berminat membaca Firman Tuhan dan dapat diubah kerana kebenaran yang ada di dalamnya.
- Berdoa untuk 'saudara' wanita yang pernah menjadi mangsa serangan jenayah agar Tuhan menyembuhkan hati mereka dan menghantar umat Tuhan untuk menghulurkan bantuan kepada mereka.
- Berdoa untuk 'saudara' di Rambau yang mendapatkan khidmat bomoh/dukun bagi penyembuhan kerohanianya akan menyedari bahawa hanya Yesus sahajalah pengantara bagi kita dengan Tuhan.
- Berdoa untuk ketua negeri di Negeri Sembilan.

### **TINDAKAN**

Ajak kawan dan/atau rakan 'saudara' sekerja anda menyertai mana-mana aktiviti sosial.

Dari segi keluasan, negeri Melaka amat kecil, hanya 1,652 km persegi, tetapi ia kaya dengan tempat-tempat yang bersejarah. Ia diasaskan pada Tahun Masihi 1,400 oleh Parameswara, seorang putera raja yang dibuang negeri daripada Palembang, Sumatera. Baginda kemudiannya memeluk agama Islam dan menubuhkan asas bagi sebuah empayar Islam yang telah mencapai puncak kekuasaannya sewaktu pemerintahan Sultan Mansor Shah (1456-1477). Kejayaan Melaka mencapai taraf sebagai sebuah empayar yang hebat adalah berlandaskan faktor-faktor geografi, ekonomi, politik dan pentadbiran. Kemudiannya, ia mula merosot dan akibatnya ialah penaklukan oleh pihak Portugis pada tahun 1511. Selepas ditakluki selama 130 tahun oleh Portugis, Belanda pula merampas kuasa lantas mengambil alih sebagai kuasa penjajahan di Melaka pada tahun 1641 dan memerintah negeri itu hingga tahun 1824 apabila pihak British memerintahnya. British kekal memerintah sehingga kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada tahun 1957. Kesan pengaruh para pemerintah itu masih kelihatan pada teras sejarahnya di sekeliling Bandar raya Melaka.

Bilangan jumlah penduduk Melaka ialah 786,957 (pada tahun 2010). Kaum Melayu terdiri daripada 65.8%, 26.4% Cina dan 6.2% India. Bilangan penduduk ini adalah campuran pelbagai bangsa yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India, orang keturunan Portugis serta komuniti Baba-Nyonya. Komuniti Baba-Nyonya itu ialah turun-temurun daripada para peniaga awal daripada Negara Cina yang mengahwini para perempuan Melayu tempatan. Islam adalah agama utama di negeri itu (66.5%), manakala Kristian hanya sekadar 2.9%. Kebanyakan orang Kristian ialah bumiputera bukan-Melayu, Cina dan India. Di Melaka juga terdapat kira-kira 900 orang Cina Muslim dan 1,600 orang India Muslim.

Bandar raya Melaka ialah ibu negeri bagi negeri Melaka, ia juga digelar sebagai Bandar Raya Bersejarah Malaysia. Setelah berjaya menawan hati ramai pengunjung sejak terasasnya pada abad ke-15, pusat bandar raya bersejarah ini tersenarai sebagai suatu Tapak Bersejarah Dunia UNESCO sejak tahun 2008.

Melaka juga terkenal dengan masakan tempatannya, antaranya Sate Celup, Bebola Nasi Ayam dan Makanan Nyonya. Gaya masakan Nyonya merupakan kesebatian percampuran resipi dan ramuan kebudayaan Cina dan Melayu. Makanan Nyonya yang terbaik terdapat di Melaka.

Ada 3 daerah pentadbiran di Melaka. Bagi tujuan buku ini, 3 buah daerah ini akan digabungkan menjadi 3 buah zon doa:

Zon 36: Alor Gajah

Zon 37: Jasin

Zon 38: Melaka Tengah



Bendera Negeri Melaka

### DEMOGRAFI (2010)

**Jumlah:** 786,957

Kumpulan Etnik	%
Melayu	65.8
Cina	26.4
India	6.2
Lain-lain	1.6

### Agama %

Islam	66.5
Buddha	24.6
Hindu	5.5
Kristian	2.9





#### Daerah Alor Gajah terletak di bahagian utara

Melaka. Alor Gajah ialah bandar utama, kira-kira 25 km dari bandar raya Melaka.

Terdapat 31 mukim di Alor Gajah, iaitu Ayer

Paabas, Belimbing, Beringin, Berisu, Durian Tunggal, Gadek, Kelemak, Kemuning, Kuala Linggi, Kuala Sungai Baru, Lendu, Machap, Masjid Tanah, Melaka Pindah, Melekek, Padang Sebang, Parit Melana, Pegoh, Pulau Sebang, Ramuan Cina Kecil, Ramuan Cina Besar, Rembia, Sungai Baru Ilir, Sungai Baru Tengah, Sungai Baru Ulu, Sungai Buloh, Sungai Petai, Sungai Siput, Taboh Naning, Tanjung Rimau dan Tebong.

Muzium Adat dan Tradisi yang dahulunya dikenali sebagai Muzium Daerah Alor Gajah terletak di sini. Ia sebuah tempat bagi pelbagai bahan pameran yang berkaitan dengan sejarah daerah Alor Gajah serta pelbagai adat dan tradisi masyarakat Melayu Melaka. Muzium ini juga sebuah pusat sumber bagi adat istiadat perkahwinan Melayu tempatan dengan pelbagai diorama yang menerangkan secara terperinci fasal peringkat-peringkat adat istiadat yang penting.

Kubu Belanda yang terletak di atas sebuah bukit di Kuala Linggi telah diwartakan sebagai sebuah monumen bersejarah di bawah Akta Khazanah 1976. Orang-orang Belanda dan Bugis berkerjasama membina kubu ini sebagai suatu usaha untuk berdamai susulan suatu perang singkat pada tahun 1757. Namun begitu, orang Belanda meninggalkan kubu itu begitu sahaja selepas tamat pembinaannya.

Jumlah: 176,176  
Peratus (%)

Melayu	76.7
Cina	14.4
India	7.8
Lain-lain	1.1

## Matius 21:13

Dia berkata kepada mereka, “Telah tersurat, ‘Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa’.”

### Perkahwinan

Sofia dan Tom mahu berkahwin, tetapi terdapat masalah. Untuk perkahwinan rasmi, Tom perlu bertukar agamanya iaitu dia wajib menjadi penganut agama yang dianuti Sofia. Undang-undang melarang Sofia menukar agama maka dia tidak boleh meninggalkan agamanya dan menganuti agama lain. Jadi apakah yang harus mereka lakukan? Apakah yang anda akan lakukan (jika hal ini terjadi kepada anda)?

Perkahwinan adalah salah satu daripada banyak isu yang menunjukkan tiada kebebasan agama di negara ini walaupun menunjukkan toleransi pelbagai keagamaan. Penduduk minoriti mengalami kebebasan agama manakala kalangan majoriti tidak mengalaminya. Pintu hanya boleh dibuka satu hala: boleh masuk dengan bebas tetapi tidak mempunyai kebebasan untuk keluar.

Namun yang menjadi masalah bukan umat mahupun agama. Masalah yang sebenarnya ialah segala kuasa kegelapan yang tidak kelihatan di sebalik pelbagai sistem keagamaan dan politik yang menghadkan kebebasan serta akses kepada kebenaran dan kasih karunia Tuhan. Persaingan bukan dengan ‘daging dan darah’, tetapi dengan kuasa-kuasa gelap.




### BAHAN DOA

- Berdoa untuk jalan keluar bagi mereka yang ingin berkahwin di luar agama mereka.
- Berdoa agar hamba-hamba Tuhan di Alor Gajah dilengkapi serta diberi kuasa untuk melakukan mukjizat dan keajaiban.
- Berdoa supaya gereja di Alor Gajah dapat mengatasi perasaan takut untuk menjangkau ‘saudara’.
- Berdoa untuk Yang di-Pertua Negeri (Pemerintah) dan Ketua Menteri Melaka.

### TINDAKAN

Membantu kanak-kanak “saudara” dalam pelajaran sekolah mereka.



Daerah **Jasin** ialah daerah paling selatan antara tiga daerah di negeri Melaka, yang bersempadan dengan negeri Johor. Jasin juga merupakan bandar utama dan pusat pentadbiran daerah ini. Allahyarham Timbalan Perdana Menteri Malaysia (dari tahun 1986 – 1993), Tun Datuk Seri Utama Abdul Ghafar Baba, pernah menjadi Ahli Parlimen Jasin selama dua puluh satu tahun (1978-1999).

Daerah Jasin terdiri daripada 20 daerah kecil yang disebut sebagai mukim. Mukim-mukim itu ialah Ayer Panas, Batang Melaka, Bukit Senggeh, Chabau, Chin-Chin, Chohong, Jasin, Jus, Kesang, Merlimau, Nyalas, Rim, Sebatu, Selandar, Sempang, Semujok, Serkam, Sungai Rambai, Tedong dan Umbai.

Galeri Demang Abdul Ghani pada asalnya sebuah rumah tradisional dipercayai didirikan pada tahun 1831 oleh Penghulu Abdul Majid. Sebelum itu, rumah itu berfungsi sebagai pusat pentadbiran kampung itu dan sering digunakan sebagai tempat pertemuan untuk membincangkan pelbagai isu masyarakat setempat. Rumah itu pernah didiami oleh tiga generasi ketua kampung, iaitu Penghulu Abdul Majid, Demang Abdul Ghani dan Penghulu Mat Natar.

## Roma 15:20

“Aku ingin menghabarkan berita baik ini ke tempat-tempat nama Kristus belum disebut orang. Dengan demikian aku tidak membina di atas tapak yang telah diletakkan oleh orang lain.”

### Rahsianya

Henry tinggal bersama-sama dengan keluarganya. Dia menjadi ketua rumah sejak kematian bapanya. Pada suatu waktu, dia berkongsi kisahnya dengan seorang kawan tentang kehidupan dalam komunitinya, contohnya seperti adat resam dan apa yang menjadi kepercayaan mereka. Dia menceritakan rahsia bahawa ramai orang dalam komunitinya suka berahsia. “Terdapat banyak hal yang disorokkan dalam kalangan kami. Setiap orang ada banyak rahsia.” Katanya, “Saya pun ada banyak rahsia.”

Henry menerangkan bahawa dirinya “berbeza” berbanding dengan orang lain dalam komunitinya. Setelah melihat ke sekelingnya dengan gugup, dia berbisik, “Saya sedang mencari banyak jawapan. Saya seorang yang kuat beragama, tetapi saya tidak dapat menemui banyak jawapan dalam agama saya sendiri. Saya pernah baca kitab-kitab suci yang sebelumnya, tetapi terdapat terlalu banyak yang saya tidak fahami. Tetapi saya rasa jika saya terus mencari, saya akan menemui segala jawapan yang saya perlukan. Tolonglah jangan ceritakan rahsia saya ini kepada sesiapapun.”

Tuhan Yesus memang sedang menghulurkan tangan kepada orang seperti Henry. Mereka yang berusaha dengan sungguh-sungguh untuk mencari-Nya dengan sepenuh hati pasti mereka akan menemui-Nya.



### BAHAN DOA

- Berdoa untuk mereka yang mencari kebenaran seperti Henry, akan menemui Yesus.
- Berdoa untuk kesedaran, usaha dan penyertaan umat Tuhan dalam pelbagai kerja sosial dan kerja kebajikan di Jasin dan di Melaka.
- Berdoa untuk kewangan yang stabil bagi menjayakan program kerja kerja sosial dan kebajikan di Jasin.
- Berdoa agar umat Tuhan menggunakan pelbagai cara untuk menjangkau dan mengongsikan kebenaran.
- Berdoa agar pemimpin kerajaan menyedari betapa pentingnya kerja kebajikan.

### TINDAKAN

Kunjungilah sebuah rumah anak yatim atau rumah orang tua dalam kejiranan anda.



Hilir. Daerah ini merupakan destinasi utama para pelancong atas sebab kebanyakan daripada tempat-tempat bersejarahnya terletak di sini.

**Melaka Tengah** terletak di tengah-tengah negeri Melaka. Banda raya Melaka yang menjadi ibu negeri bagi negeri Melaka terletak dalam daerah ini. Bandar-bandar di Melaka Tengah termasuklah Bandar Melaka, Bukit Baru, Ayer Keroh, Ayer Molek, Batu Berendam dan Bandar

Jumlah: 480,062  
Peratus (%)

Melayu	59.2
Cina	34.3
India	4.3
Lain-lain	2.2

Porta de Santiago (A' Famosa) yang dibina oleh pihak Portugis pada tahun 1511 masih terdiri betul-betul sebagaimana keadaannya sejak tahun 1753. 'Christ Church' atau Gereja Kristus Melaka ialah testimoni (atau bukti) bagi kepandaian senibina Belanda. Bangunan Stadthuys yang dibina pada tahun 1641 oleh Belanda sebagai pusat pentadbiran pihak penjajah adalah bangunan tertua Belanda di Timur.

Bukit China ialah tempat penempatan rasmi gerombolan Cina yang tiba bersama-sama dengan Puteri Hang Li Poh yang mengahwini Sultan Melaka. Masjid Kampung Keling yang dibina pada tahun 1748 merupakan salah satu masjid tertua dengan ciri-ciri senibina Sumatra. Gereja St. Francis Xavier yang dibina pada tahun 1849 didedikasikan kepada St. Francis Xavier, dia seorang mualigh yang tekenal yang mengembangkan agama Katolik di Asia Tenggara pada abad ke-16. Hasil daripada perkahwinan campur di antara peneroka Cina yang tiba pada awalnya dengan orang Melayu tempatan ialah budaya Baba-Nyonya yang unik. Muzium Warisan Baba & Nyonya memberi maklumat yang menarik dalam budaya ini. Akhir sekali, Jalan Jonker adalah tempat untuk mereka yang berminat untuk mengenali Melaka secara interaktif dan menarik.

## **Matius 16:18**

Oleh itu ketahuilah engkau Petrus, batu yang kukuh, dengan asas batu pejal inilah akan Kubina jemaahKu. Alam maut pun tidak dapat merobohkannya.

### **Bahasa Kasih Sayang**

Minggu demi minggu, kami bertemu dengan guru-guru bahasa untuk belajar bagaimana berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa tempatan. Kami mahu belajar untuk bertutur dalam Bahasa Malaysia yang boleh difahami orang lain. Sekiranya jika kami lebih memahami bahasa dan budaya orang tempatan yang kami cuba menjangkau dengan Berita Baik, maka lebih mudah dan lancar kami berkomunikasi dalam bahasa dan budaya mereka.

Semasa kami belajar dengan guru bahasa, kami sentiasa cuba mencari peluang untuk berkongsi Berita Baik dengan mereka. Ada kalanya, kami cuba menggunakan kisah-kisah daripada Alkitab kanak-kanak, dan pada masa lain kami belajar untuk menyampaikan kesaksian kami dalam bahasa tempatan. Musim perayaan Krismas dan Paskah memang bermakna sebab kami mampu menerangkan erti sebenar perayaan tersebut. Sesetengah daripada guru bahasa kami telah percaya pada Yesus Kristus. Yang lainnya dalam proses menuju ke arah itu, dan ada beberapa orang yang sekadar mendengar sahaja.



### **BAHAN DOA**

- Berdoa supaya ‘saudara’ di Melaka Tengah mendapat pembebasan daripada ikatan kepercayaan kegelapan mereka.
- Berdoa supaya kanak-kanak dan belia akan mengetahui ‘Jalan yang Lurus’ melalui kesaksian umat Tuhan dan media seperti “Filem Yesus” .
- Berdoalah supaya Tuhan akan menunjukkan diri-Nya sebagai satu-satunya yang Maha Kasih dan Setia.
- Berdoa untuk hamba-hamba Tuhan dari luar negara dapat menjangkau guru bahasa mereka.

### **TINDAKAN**

Bertaubatlah daripada perangai kita yang suka mengkritik ‘saudara’.

**Negeri Johor** ialah negeri ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia meliputi kawasan seluas 18,987 km persegi. Ia salah sebuah negeri yang paling maju antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Ekonomi negeri Johor berdasarkan campuran pertanian, perkilangan, perdagangan dan pelancongan.

Bilangan penduduk negeri Johor sebanyak 3,076,384 (2010). 57% daripada bilangan penduduk ini terdiri daripada orang Melayu, 34% orang Cina dan 7% orang India. Ia merupakan salah satu gabungan etnik yang terbaik di Malaysia. Suatu campuran beraneka budaya dan adat resam hasil daripada gabungan ini, ia mempamerkan bentuk seni yang unik. Islam ialah agama utama di negeri ini (58%) dan bilangan orang Kristian hanya 3.3%. Orang Kristian terdiri daripada bumiputera bukan Melayu, Cina dan India. Terdapat kira-kira 4,000 orang Cina Muslim dan 8,400 orang India Muslim yang menetap di negeri Johor. Rakyat Johor berbangga digelar orang Johor dan mencipta istilah-istilah seperti "Bangsa Johor" berserta dengan konsep "Muafakat Johor".

Johor Bahru (JB) ialah ibu negeri yang terletak di hujung selatan Semenanjung dan disambung ke Singapura melalui Tambak Johor dan Tambak Ke-2. Kedua-dua tambak berfungsi sebagai pintu keluar masuk di selatan untuk daerah pedalaman Johor (hulu) yang luas terbentang. Ia juga merupakan pusat pentadbiran bagi kerajaan negeri serta hab kesibukan komersil.

Kawasan luas terbentang negeri Johor dicirikan oleh ladang-ladang nenas, getah, kelapa dan kelapa sawit. Di pinggiran terletak kampung-kampung yang tenteram dan kampung nelayan yang menarik. Terentang di Negeri Johor ialah pantai-pantai berpasir keemasan yang mengekalkan keindahan semula jadi dan kepulauan yang cantik di luar pesisir yang menyerlah dengan perairan yang jernih yang amat sesuai untuk aktiviti penyelaman. Negeri Johor juga dikurniakan beberapa hutan simpan. Negeri Johor juga berbangga dengan mempunyai balapan-balapan golf yang terbaik di Malaysia.

Negeri Johor juga terkenal untuk hidangan tempatannya temasuk Laksa Johor, Lontong, Mee Bandung dan Nasi Briyani Gam.

Terdapat 10 daerah pentadbiran di negeri Johor. Bagi tujuan buku ini, 10 daerah ini akan digabungkan menjadi 4 zon berdoa:

Zon 39: Segamat, Tangkak (Ledang) & Muar

Zon 40: Kluang, Mersing & Kota Tinggi

Zon 41: Batu Pahat & Pontian

Zon 42: Johor Bahru & Kulai


### DEMOGRAFI (2010)

**Jumlah:** 3,076,384

Kumpulan Etnik	%
Melayu	57
Cina	34
India	7
Lain-lain	2

### Agama %


Islam	58
Buddha	31
Hindu	6.4
Kristian	3.3



Bendera Negeri Johor



## Zon 39. Johor - Segamat, Ledang/Tangkak & Muar



**Bandar Segamat** ialah sebuah bandar dan daerah yang dikelilingi daratan yang terletak di utara negeri Johor. Ia terletak dengan strategi di antara Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Singapura. Bandar Segamat sebuah daerah pertanian kelapa sawit dan getah yang kian berkembang maju, ia juga terkenal dengan durian yang sedap. Segamat sebuah bandar yang sederhana saiznya yang mempunyai gabungan budaya lama dan baru.

**Tangkak (Ledang)** ialah sebuah bandar dan daerah yang terletak di utara negeri Johor. Ia adalah sebahagian utara daerah Muar dan terpisah dari bahagian selatan oleh Sungai Muar. Pada 9hb Jun 2008, Sultan Johor dengan rasminya telah mengisyiharkan kawasan utara ini sebagai daerah kesepuluh negeri Johor, ia digelar Daerah Ledang. Kemudiannya, pada tahun 2015, nama Daerah Ledang di tukar semula ke Daerah Tangkak. Tangkak terkenal kerana Gunung Ledang, gunung yang tertinggi di negeri Johor (1276m).

**Muar** ialah sebuah bandar dan daerah yang terletak di muara Sungai Muar. Ia juga dikenali sebagai Bandar Maharani, bandar diraja negeri Johor. Ia terkenal sebagai teras kebudayaan Melayu di negeri Johor dan menjadi satu tarikan pelancong yang popular dan harus dijelajahi kerana makanan, kopi dan bangunan-bangunan bersejarahnya. Antara hidangannya yang enak lagi terkenal ialah Mee Bandung Muar dan Ikan Asam Pedas.

## Zakharia 4:10

Siapakah yang memandang hina hari terjadinya hal-hal yang kecil?

### Bola Keranjang

Satu kumpulan orang dari luar negara datang ke satu bandar untuk memberi latihan bola keranjang. Jane menghadiri latihan tersebut bersama rakan-rakannya sebab diundang oleh rakan walaupun mereka mengetahui dia beragama lain dengan mereka. Apabila selesai latihan, mereka berkongsi tentang Yesus dengan Jane serta menerangkan sebab-sebab Yesus perlu mati disalibkan. Penerangan tentang Yesus sangat jelas. Apabila mereka tanya siapa yang ingin menerima Yesus ke dalam hati mereka, Jane tanpa teragak-agak, menyatakan keinginannya untuk menerima Yesus ke dalam hatinya walaupun dia mengetahui akibat selepas mempercayai Yesus sebagai Tuhan. Jane mula bertumbuh dalam kerohaniannya dan menjadi seorang gadis muda yang berjiwa kental. Dia rela mengaku dirinya sebagai pengikut Yesus. Dengan pengakuan sedemikian, timbul beberapa masalah bagi ibunya yang juga seorang pengikut Yesus, namun Tuhan telah melindungi mereka sehingga hari ini.




### BAHAN DOA

- Berdoa agar umat Tuhan tempatan mengambil peluang untuk mengongsikan Yesus kepada 'saudara' di Segamat, Ledang/Tangkak dan Muar.
- Berdoa agar umat Tuhan beroleh hikmat dan keberanian dalam kesaksian mereka.
- Berdoa untuk pencurahan Roh Kudus ke atas kehidupan, pekerjaan dan pelayanan umat Tuhan di Segamat, Ledang/Tangkak dan Muar.
- Berdoa untuk Sultan (Pemerintah negeri) dan Menteri Besar Johor.

### TINDAKAN

Rancangkan Hari Keluarga Tahunan bagi rakan-rakan 'saudara' serta keluarga mereka.

## Zon 40. Johor - Kluang, Mersing & Kota Tinggi



**Bandar Kluang** ialah sebuah bandar dan daerah dikelilingi daratan yang terletak di tengah-tengah negeri Johor. Bandar Kluang terkenal kerana kopinya, kedai kopi terkenal adalah RaliCoffee di Stesen Keretapi Kluang, kedai kopi ini ditubuhkan pada tahun 1938. Bandar Kluang telah membangunkan sektor pertanian dan kebun organik yang pelbagai jenis. Zenxin Kebun Sayur-sayuran Organik merupakan antara kebun yang terbesar di Malaysia, ia sebuah kebun organik yang terbuka kepada orang ramai bagi tujuan pendidikan dan rekreasi.

**Bandar Mersing** ialah bandar dan daerah yang terletak di bahagian timur laut negeri Johor. Ia merupakan satu bandar penangkapan ikan. Di luar pesisir pantai timur Mersing terletak Kepulauan Seribu yang terkandung 64 pulau-pulauan gunung berapi, pulau yang terbesar antaranya ialah Pulau Tioman (Pahang). Di sebelah bahagian negeri Johor, terdapat pulau-pulauan yang lebih besar dan lebih maju seperti Pulau Besar, Pulau Sibu dan Pulau Tinggi, mereka terkenal kerana pantai-pantai berpasir halus dan perairan terbaik untuk aktiviti 'snorkeling' dan menyelam. Daerah ini terdapat bilangan penduduk Melayu yang tinggi (83.5%).

**Kota Tinggi** ialah sebuah bandar dan daerah di bahagian tenggara negeri Johor. Ia bandar bersejarah sebab Kesultanan Johor telah ditubuhkan di Kota Tinggi. Makam Sultan Mahmud Mangkat Dijulang berlokasi di sini, ia merupakan makam sultan terakhir kerajaan Johor Lama. Sultan Mahmud berasal dari keturunan kaum kerabat kesultanan Melaka. Beliau telah mangkat dibunuh pada tahun 1699 di Kota Tinggi. Air terjun Kota Tinggi ialah tarikan yang paling popular. Pantai Desaru terkenal kerana terdapat barisan pantai berpasir yang kekal seperti asli yang terbentang serta sungguh panjang (melebihi 25km). Ia juga mempunyai bilangan penduduk orang Melayu yang tinggi (84.4%).

## **Yeremia 17:8**

Dia akan seperti pokok yang ditanam di tepi air, yang merambat akar-akarnya ke tepi sungai. Dia tidak takut ketika panas datang, daun-daunnya tetap hijau. Dia tidak khuatir pada tahun kemarau, dan tidak akan berhenti menghasilkan buah.

Jani menukar ke agama baru ketika berkahwin dengan Harry mengikut undang-undang negara ini. Jani mengamalkan semua rukun dalam agama tersebut dengan tekun, malah dia tidak ada damai dalam hati. Pada suatu hari, kawan Jani menjemputnya ke gereja, tetapi Jani takut pergi disebabkan undang-undang negara ini. Kawannya Betty tidak putus asa berkongsi Berita Baik dan menjemputnya ke gereja. Pada suatu hari, Jani mengikuti Betty pergi ke satu persekutuan di rumah, di sana dia mengalami kuasa Tuhan yang luar biasa. Semasa penyembahan dan doa, ketua pemimpin menjemput Jani ke hadapan untuk berdoa baginya. Dia duduk dan dikelilingi oleh orang yang hadir yang berdoa untuknya, dia terasa suatu tekanan seperti daya tarikan magnet, yang tidak pernah dialami sebelum ini! Apabila selesai berdoa, seorang daripada orang yang hadir berkongsi bahawa dia nampak satu bayangan ketika berdoa untuk Jani. Dalam bayangan itu, dia nampak Yesus meletakkan tanganNya ke atas kepala Jani, dan ketika itulah Jani terasa daya tarikan bagaikan magnet di kepalanya. Sesudah pengalaman itu, Jani percaya kepada Yesus dan terus menghadiri persekutuan umat Tuhan di sebuah rumah. Kini Jani berdoa untuk suaminya agar dia akan mengenal Yesus.



## **BAHAN DOA**



- Berdoa untuk umat Tuhan di Kota Tinggi yang dianiyai kerana percaya kepada Yesus, agar mereka akan berdiri teguh hingga ke akhirnya.
- Berdoa agar kanak-kanak di Kluang, Mersing dan Kota Tinggi dapat diajar tentang jalan yang benar menuju Tuhan.
- Berdoa agar Tuhan akan menunjukkan dirinya kepada 'saudara' bahawa Yesus telah mati disalibkan demi dosa mereka.
- Berdoa untuk Sultan Johor dan keluarganya.

## **TINDAKAN**

Pelajari cara untuk menghargai rakan sekkerja 'saudara'.

## Zon 41. Johor - Batu Pahat & Pontian



**Batu Pahat** ialah daerah yang mengandungi bilangan penduduk kedua terbesar di negeri Johor. Bandar utama di daerah ini ialah Bandar Penggaram, Batu Pahat. Tempat ini ialah daerah kedua paling banyak perindustrian di negeri Johor. Industri-industrinya termasuk plastik, tekstil, pemprosesan makanan, porselin dan elektronik. Batu Pahat merupakan bandar penghasilan tekstil yang terbesar di Malaysia.

**Pontian** ialah daerah yang terletak di barat daya negeri Johor. Nama Pontian adalah nama bagi dua bandar iaitu Pontian Besar dan Pontian Kechil. Bandar utama daerah ini ialah Pontian Kechil, dahulunya sebuah kampung nelayan yang berkembang menjadi sebuah bandar kecil. Pontian, bandar penangkapan ikan, terkenal dengan pelbagai makanan laut. Pelawat khususnya orang Singapura kerap menziarahi Kukup, ia sebuah kampung nelayan dengan makanan laut yang enak. Tanjung Piai, berlokasi di Pontian, terletak paling hujung di selatan Tanah Besar Asia. Penduduk Pontian terutamanya terdiri daripada orang Melayu keturunan Bugis dan Java. Orang Cina terutamanya terdiri daripada kumpulan orang yang bertutur loghat Hokkien. Pontian ialah tapak balai cerap, tempat untuk tengok anak bulan Ramadhan, Shawal dan Zulhijjah. Nama Pontian dipercayai telah berubah dari perkataan "Perhentian", yang bermaksud tempat untuk berhenti bagi para pedagang dan juga lanun-lanun. Pontian juga merupakan tempat pendaratan bagi tentera laut Indonesia semasa Konfrontasi Malaysia-Indonesia pada tahun 1960-an.

Nancy mempunyai sembilan orang adik-beradik. Dia pernah menghadiri sekolah agama selama enam tahun. Ajaran itu berdasarkan akademik, oleh itu ajaran tersebut tidak menyentuh hati Nancy. Selepas tamat persekolahannya, dia berpindah ke Kuala Lumpur atas tujuan mencari pekerjaan. Elise, rakan sekerjanya, sering membaca Alkitab sekiranya waktu mengizinkan. Pada pendapat Nancy, agama yang Elise ikuti adalah salah. Maka Nancy mula berkongsi dengan Elise kisah-kisah yang terdapat dalam kitab suci agamanya. Mereka buat perbandingan antara Alkitab dan kitab suci Nancy. Kemudian, Nancy berkenalan dengan seorang yang bernama Matthew melalui internet, dan mereka pun memulakan perbincangan tentang kitab suci Nancy dan Alkitab. Pada suatu hari, Nancy menyedari bahawa dia harus membaca Alkitab untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi. Nancy meminta Alkitab daripada Elise dan dia mula membaca Alkitab bersama dengan kitab sucinya. Nancy mendapati bahawa Alkitab lebih senang untuk dibaca dan difahami berbanding dengan kitab suci agamanya. Kemudian, Nancy berdoa dan meminta Tuhan menunjukkannya jalan kebenaran. Akhirnya, Nancy menemui kebenaran and percaya pada Yesus.

## Batu Pahat

my Malaysian home



## BAHAN DOA

- Berdoa agar ‘saudara’ di Pontian dan Batu Pahat dapat dijamah oleh kasih dan kasih karunia Kristus.
- Berdoa agar pengikut Isa dapat bertumbuh menjadi pengikut yang kukuh dalam iman mereka walaupun dianiyai.
- Berdoa kepada Tuhan agar gereja-gereja tempatan dan umat Tuhan akan bangkit untuk menjangkau ‘saudara’.



## TINDAKAN

Belajar cara untuk memberi pujian dengan ikhlas atas sesuatu yang dilakukan oleh ‘saudara’ rakan-rakan sekerja.



**Johor Bahru** (J. B.), dahulunya dikenal dengan nama Tanjung Puteri atau Iskandar Puteri, ia ibu negeri Johor. Johor Bahru ialah bandar raya yang paling di selatan Semenanjung. Mengikut banci tahun 2010, bilangan penduduknya ialah 1,265,545 orang. J.B. merupakan bandar yang kedua terbesar di Malaysia. Ia digelar bandar utama bagi kesultanan Johor sejak tahun 1866. Disebabkan lokasinya yang khas dalam kawasan perkembangan tiga segi Indonesia-Malaysia-Singapura, J.B. telah menjadi pusat utama komersil, perindustrian dan pelancongan bagi negeri Johor. Bandar raya J.B. mempunyai hubungan erat dengan Singapura. Ramai orang Singapura kerap melawat ke J.B. bagi tujuan membeli-belah, hiburan, dan mencari makanan oleh kerana wang dolar Singapura yang mapan. Dengan itu juga menyebabkan ramai orang J.B. berulang ke Singapura untuk bekerja sambil tinggal di J.B. kerana dapat memperoleh gaji yang lebih tinggi di Singapura berbanding dengan Malaysia. Baru-baru ini, negara China telah menjadi pelabur yang terbesar, khususnya dalam projek Iskandar Malaysia serta beberapa projek pembinaan yang lain. Pelawat ke J.B. harus menziarahi Muzium diRaja Sultan Abu Bakar, Masjid Sultan Abu Bakar, Bangunan Sultan Ibrahim, Galeri Seni Johor, Muzium Warisan Cina J. B., Teluk Danga dan Legoland Malaysia.

**Daerah Kulai** diisytiharkan sebagai daerah kesembilan negeri Johor pada tahun 2008, apabila ia terpisah dari daerah J.B. ketika dikenali sebagai daerah Kulaijaya. Pada tahun 2015, Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni al-Marhum Sultan Iskandar, telah menitahkan untuk menukar nama Kulaijaya kembali kepada nama asalnya, iaitu Kulai. Bandar Kulai terletak kira-kira 30km dari bandar raya J.B. Lapangan Terbang Antarabangsa Senai terletak di sini.

Johor Bahru: 1,265,545  
Peratus (%)

Melayu	49.6
Cina	37.4
India	10
Lain-lain	3

Kulai: 223,306  
Peratus (%)

Melayu	49.6
Cina	37.6
India	10.8
Lain-lain	2

Sara berasal daripada keluarga kelas pertengahan dan melanjutkan pendidikan tingginya di luar negara. Dia seorang yang pintar dan taat kepada ibu bapanya. Ibu bapanya datang daripada golongan yang warak dan konservatif. Antara adik-beradiknya, dia adalah yang paling warak. Dia bersolat lima waktu setiap hari dan mengajari kitab suci agamanya bersama ustaz, ustazah dan ahli keluarganya. Ibu bapanya sering menjemput ustaz serta ustazah ke rumah mereka untuk belajar hal-hal keagamaan. Sara sedar bahawa Tuhan Allahnya yang Maha Agung, namun dia berasa Tuhan sangat jauh dan hanya menghukum sahaja. Kesedaran itu telah memulakan pencarian untuk Tuhan yang sebenar. Akhirnya, dia mendapat tahu bahawa Tuhan itu kasih. Tuhan mengasihi kita tanpa melihat latar belakang kita. Tuhan ini bukanlah jauh sangat hingga tidak boleh didekati, malah Tuhan ini sentiasa bersama dengannya. Sara sedar bahawa dia boleh mendekati Tuhan pada bila-bila masa, dan dia tidak perlu melakukan amalan-amalan yang tertentu untuk mendekatkan dirinya pada Tuhan.



## **BAHAN DOA**

- Berdoa untuk ‘saudara’ umat Tuhan yang tinggal di daerah-daerah Johor agar mereka dapat menerima semangat yang luar biasa dari Tuhan.
- Berdoa untuk mereka yang berulang-alik ke Singapura setiap hari agar dapat mendengar Berita Baik dengan cara-cara baru.
- Berdoa agar ‘saudara’ dapat menyedari bahawa Yesus yang akan kembali untuk menghakimi yang hidup dan yang mati dan Yesuslah satu-satunya harapan bagi umat manusia.

## **TINDAKAN**

Jadi model peranan kepada ‘saudara’ rakan sekerja dan mendorong mereka menjadi orang yang lebih baik.

## Wilayah-Wilayah Persekutuan

Tiga kawasan yang digelar Wilayah Persekutuan di Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Setiap satu wilayah ini dibawah pemerintahan Kerajaan Persekutuan Malaysia. Kuala Lumpur ialah ibu negeri kebangsaan negara Malaysia manakala Putrajaya ialah ibu negeri pentadbiran kerajaan. Labuan pula ialah pusat kewangan antarabangsa luar pesisir. Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah dua daerah yang terdapat dalam negeri Selangor, manakala Labuan ialah pulau yang terletak di luar pesisir pantai Sabah. Ketiga-tiga wilayah ini jatuh di bawah penguasaan Kementerian Wilayah Persekutuan. Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan pada masa kini ialah Khalid Abdul Samad.

Kuala Lumpur (K.L.) telah diisytiharkan dengan rasmi sebagai Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari 1974, manakala wilayah yang kedua diisytiharkan ialah Labuan pada 16hb April 1984. Putrajaya ialah bandar terancang dan dibina dengan tujuan untuk mengganti Kuala Lumpur sebagai pusat Kerajaan Persekutuan. Pada 1hb Februari 2001, Putrajaya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan yang ketiga.

Bilangan penduduk di Kuala Lumpur adalah sebanyak 1,517,998 (2010). Kuala Lumpur ialah kota raya yang mempunyai paling banyak orang penduduk di Malaysia. Jika ditambah orang kota yang bukan orangnegara Malaysia, bilangan penduduknya 1,674,621 (2010). 44.7% penduduknya ialah orang Melayu. Orang Cina sebanyak 43% manakala orang India sebanyak 10.3%. Islam adalah agama utama di K. L. (46%) manakala orang Kristian hanya 4.8%. Orang Kristian kebanyakannya kaum Cina dan India. Terdapat juga kira-kira 3,800 orang Cina Muslim dan 7,700 orang India Muslim di K. L.

Bilangan penduduk di Putrajaya hanya sebanyak 70,744 (2010), dan kebanyakan daripada mereka ialah kakitangan kerajaan serta keluarga mereka. 96.8% ialah orang Melayu. Kaum Cina sebanyak 0.7% dan kaum India pula sebanyak 1.2%. Islam agama utama di Putrajaya (97.7%). Orang Kristian hanya 0.8% dan terdiri daripada bumiputera yang bukan Melayu.

Bilangan penduduk di Labuan sebanyak 74,764 (2010). 40% terdiri daripada orang Melayu manakala 43.6% ialah bumiputera bukan Melayu. 13.4% terdiri daripada orang Cina dan 0.9% ialah orang India. Islam agama utama di Labuan (75%), manakala orang Kristian hanya 12%. Orang Kristian terdiri daripada bumiputera bukan Melayu serta orang Cina. Terdapat juga kira-kira 500 orang Cina Muslim dan 200 orang India Muslim di Labuan.

Bagi tujuan buku kecil ini, ketiga-tiga Wilayah Persekutuan akan digabung menjadi tiga zon berdoa:

Zon 43: Kuala Lumpur

Zon 44: Putrajaya

Zon 45: Labuan



Bendera Wilayah Kuala Lumpur



Bendera Wilayah Labuan



Bendera Wilayah Putrajaya

### DEMOGRAFI (2010)

	Kuala Lumpur: 1,517,998	Putrajaya: 70,744	Labuan: 74,764
<b>Kumpulan Etnik</b>	%	%	%
Melayu	44.7	96.8	40
Cina	43	0.7	13.4
India	10.3	1.2	0.9
Lain-lain	2	1.3	2.1
Bukan Melayu bumiputeras	n/a	n/a	43.6
<b>Agama</b>	%	%	%
Islam	46	97.7	75
Buddha	38	0.4	10
Hindu	8.5	0.9	0.4
Kristian	4.8	0.8	12

## Wilayah-Wilayah Persekutuan



## Zon 43. Wilayah Persekutuan – Kuala Lumpur

Total: 1,517,998  
Peratus (%)

Melayu	44.7
Cina	43
India	10.3
Lain-lain	2



Kuala Lumpur (K.L.), ibu negeri Malaysia, ialah kota raya terbesar di negara ini dengan bilangan penduduknya sebanyak 1.5 juta. Kuala Lumpur bermaksud “kuala, iaitu titik pertemuan dua sungai, yang berlumpur”. Nama tersebut berasal daripada lokasi pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang.

K.L. ditubuh pada tahun 1857 dan bermula sebagai pusat jual beli industri timah yang sederhana. Pada masa itu, sebahagian besar penduduk awal terdiri daripada pelombong Cina dan peniaga, dibawah pemerintahan seorang Kapitan China. Kapitan Yap Ah Loy ialah orang yang bertanggungjawab atas pembangunan awal K.L. Pada tahun 1896, K.L. menjadi ibu negeri bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, dan penghuni-penghuni berbilang kaum mula menetap di situ hingga ke hari ini. Antara tempat-tempat yang terbaik untuk melawat termasuk Jalan Petaling, Kampung Baru, Chow Kit dan Little India. Di sini anda boleh menjelajahi kebudayaan dan makanan Cina, Melayu dan India.

Pada 31hb Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman mengisyiharkan Malaya sebagai negara yang merdeka di Dataran Merdeka, K.L. Masa yang paling gelap dalam sejarah K.L. terjadi pada May 13, 1969 apabila berlaku rusuhan perkauman antara orang Melayu dan orang Cina yang telah meragut beratusan nyawa. Pada tahun 1974, K.L. diisyiharkan sebagai Wilayah Persekutuan. Pada tahun 1999 pula, Putrajaya telah dijadikan wilayah pentadbiran baru, namun K.L. kekal sebagai pusat kewangan dan perdagangan negara. Kini, Menara Berkembar Petronas (452m) yang terletak di K.L. diiktiraf seluruh dunia sebagai lambang kemodenan Malaysia. Jika dikaji dengan teliti, ibu kota K.L. menampakkan suatu paduan antara ciri-ciri lama dengan ciri-ciri baru. Parlimen Malaysia dan Istana Negara terletak di K.L. Universiti yang tertua dan terbesar di Malaysia, iaitu Universiti Malaya terletak di sempadan K.L. dan P.J. (Petaling Jaya). Beberapa tempat utama di K.L., termasuk Bukit Bintang, Pudu, Jinjang, Kepong, Damansara, Segambut, Bangsar, Seputeh, Setapak, Kampung Baru, Wangsa Maju, Cheras, Bandar Tun Razak, Sri Petaling, Bukit Jalil dan Sungai Besi.

## Amsal 22:6

"Didiklah seorang anak di jalan yang patut dilaluinya, maka pada masa tuanya pun dia tidak menyimpang dari laluan itu."

Ibu bapa Alice berasal dari India. Bapanya merupakan Presiden sebuah rumah ibadah. Oleh itu, Alice dibesarkan untuk menjadi seorang gadis yang warak dan taat beribadat. Apabila Alice sudah samapai umur layak berkahwin, ibu bapanya mencari jodoh pilihan mereka untuk berkahwin dengan anak mereka. Selepas satu tempoh perkenalan, lelaki itu pun berjanji untuk berkahwin dengan Alice. Namun kemudian, lelaki tersebut telah berubah fikiran dan membatalkan perkahwinan. Alice terkejut dan kecewa dan perkara ini membuatnya bertanya-tanya perihal harga diri dan nilai dirinya. Tambahan pula, ibu bapa Alice menyalahkan anak mereka kerana aturan mencari jodoh itu tidak berjaya. Punca utama perhubungan dengan lelaki itu ditamatkan kerana Alice tidak mahu mengizinkan lelaki tersebut untuk mengamalkan poligami. Lelaki itu berkata bahawa Alice harus patuh pada ajaran agama dan menerima poligami sebab ia dibenarkan dalam agama mereka. Alice enggan memberi persetujuan. Akan tetapi, melalui peristiwa yang pahit ini, Alice dapat mengenal Yesus Kristus dan akhirnya dia menerima Yesus sebagai Juru Selamatnya serta mempunyai hubungan peribadi dengan-Nya.




## BAHAN DOA

- Berdoa untuk mereka yang mencari harga diri dapat menemui perhubungan dengan Yesus seperti mana yang dialami Alice.
- Berdoa agar 'saudara' di Kuala Lumpur dapat mendengar Berita baik dan membalaaskan dengan positif.
- Berdoa agar umat Tuhan menggunakan pekerjaan mereka untuk menjangkau orang yang sesat.
- Berdoa agar mereka yang berasal dari kelas sederhana dan kelas elit akan menghulurkan bantuan kepada orang yang miskin di bandar.

## TINDAKAN

Hulurkan bantuan untuk menjaga anak 'saudara' jika perlu.

## Zon 44. Wilayah Persekutuan - Putrajaya



**Putrajaya**, yang diasaskan pada tahun 1995, diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan ketiga pada tahun 2001, ia menjadi pusat pentadbiran baharu negara. Putrajaya sebuah bandar pintar dalam taman yang teratur, serta terancang dan dibina atas kawasan hutan yang dilapangkan. Ia berpusat di sekitar sebuah tasik buatan yang besar. Bandar ini dibina dengan tujuan memberi kesan sebuah tempat yang luas terbentang dan dikelilingi air yang banyak. Terdapat juga jambatan-jambatan yang tersergam indah dan besar di bandar Putrajaya.

Pemindahan jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian dari Kuala Lumpur ke Putrajaya bermula pada tahun 1999. Bangunan pejabat Perdana Menteri, iaitu Perdana Putra dibina mengikut gaya budaya Melayu-Islam-Palladian. Istana Kehakiman juga tersergam indah dengan ciri-ciri tersendiri senibina gaya Islam. Masjid Putra, dengan menara setinggi 380 kaki, berdiri teguh bangga di pinggir tasik, ia satu lagi bangunan yang sangat indah. Tarikan yang lain termasuk himpunan tumbuh-tumbuhan tropika di Taman Botani dan juga Taman Wetland, yang dibina bagi membantu pembersihan air sungai. Pusat teknologi tinggi, Cyberjaya, ialah bandar berkembar Putrajaya.

Bilangan penduduk bandar Putrajaya sangat rendah, hanya kira-kira 70,000 orang, dan majoritinya ialah orang Melayu (96.8%), kebanyakannya orang kerajaan dan keluarga mereka.

## Roma 9:31-32

“... yang mengejar perbenaran berdasarkan hukum, tidak dapat mencapainya. Mengapa tidak? Kerana mereka mengejarnya bukan dengan iman, tetapi seolah-olah dengan mengamalkan kerja amal. Mereka tersandung pada batu sandungan.”

### Pemuda Yang Kerasukan

Andy seorang pemuda yang bijak dan berasal dari keluarga yang berada. Jika dibandingkan dengan keluarga jirannya, keluarga Andy sangat berjaya. Namun, pada suatu hari, semuanya berubah apabila Andy dirasuk hantu. Keluarganya hampir-hampir terhancur binasa dan kejiranannya terganggu.

Semuanya bermula apabila pembantu rumah mereka meminta seorang bomoh meletakan sumpahan ke atas ibu keluarga tersebut. Ternyata bahawa ibu Andy telah menyenggung perasaan pembantu rumah tersebut. Ibunya kerasukan. Andy tidak sanggup melihat ibunya menderita kesakitan, lalu dia perintahkan hantu-hantu itu keluar dari tubuh ibunya dan memasuki tubuhnya. Hantu-hantu itu berbuat seperti diarahkan.

Mengikut cerita ahli keluarga Andy, apabila dia kerasukan, dia akan membaling kerusi meja, seolah-olah dia mempunyai kekuatan yang sangat luar biasa. Dia pernah berlari lebih laju daripada sebuah motorsikal. Di sekolah, dia lah yang menyebabkan histeria beramai-beramai. Lambat-laun, Andy “disembuhkan” kerana ‘diubati’ oleh seorang bomoh yang lain. Namun begitu, jiran-jirannya masih tertanya-tanya kemungkinan mahkluk halus tersebut akan kembali.

Oleh itu, berdoalah untuk pemuda dan pemudi seperti Andy yang amat memerlukan kuasa Yesus Kristus untuk menyelamatkan mereka.




### BAHAN DOA

- Berdoa agar umat Tuhan sedar akan ketakutan yang dialami oleh ‘saudara’ dan keperluan untuk menyampaikan Berita Baik yang memberi kemenangan untuk mengatasi ketakutan ini.
- Berdoa agar para pemimpin Malaysia yang percaya pada Tuhan dapat diberkati dengan hikmat Tuhan untuk melakukan tugas yang diberikan dengan setia.
- Berdoa agar lebih ramai umat Tuhan akan mendengar panggilan Tuhan untuk melayani komuniti ‘saudara’ yang semakin bertambah di Putrajaya.
- Berdoa untuk Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia.

### TINDAKAN

Jadi penyokong bagi Projek 525 di jemaah atau kumpulan sel anda.

## Zon 45. Wilayah Persekutuan - Labuan



**Labuan** adalah wilayah persekutuan Malaysia yang terletak di luar pesisir pantai Sabah di Malaysia Timur. Labuan ialah pusat kewangan antarabangsa luar pesisir yang menawarkan perkhidmatan kewangan dan perniagaan antarabangsa melalui Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sejak 1990. Ia juga hab luar pesisir bagi menyokong aktiviti-aktiviti lautan dalam minyak dan gas di Kawasan ini.

Pada tahun 1846, Sultan Brunei menyerahkan Pulau Labuan kepada pihak British yang telah menunjuk minat untuk melombong mendapan batu arang bagi membekalkan kapal api dengan bahan bakar. Pulau Labuan kekal menjadi sebahagian daripada Empayar British selama 115 tahun. Malah, selama tiga tahun, Pulau Labuan jatuh pada tangan Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1963, Pulau Labuan menyertai semula Persekutuan Malaysia. Kini, Pulau Labuan ialah tempat yang indah dengan pantainya yang menyenangkan. Ia juga popular sebagai syurga dunia membeli-belah. Bandar Labuan ialah penempatan utama di pulau ini. Muzium Labuan memberi gambaran yang indah tentang sejarah pulau ini serta kebudayaan sejak zaman penjajahan sampai ke Perang Dunia Kedua hingga penubuhan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Labuan mempunyai bilangan penduduk sebanyak 74,764 terdiri daripada orang Melayu utamanya, bumiputera bukan Melayu dan orang Cina. Kira-kira 12,000 orang asing juga menetap dan bekerja di Labuan.

## Lukas 23:34

Yesus berkata, "Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka."

Sharon seorang ‘saudara’ yang warak yang mengaji kitab suci agamanya. Dia bekerja di sebuah sekolah tadika. Pada suatu hari, dia pengsan di sekolah. Rakannya seorang Kristian, memperkenalkannya kepada seorang rakan Kristian yang bernama Natalie. Sharon tidak dapat tidur atau makan selama seminggu. Dia juga mengalami masalah dalam perkahwinannya.

Mereka berjumpa dengan Sharon dan berdoa untuknya. Malam itu, dia dapat makan dengan baik dan tidur lena. Tidak lama kemudian, Natalie mengadakan pengajian alKitab dengan Sharon. Pada suatu masa, ketika Sharon menghadapi masalah, Natalie berdoa untuknya dan dia berkata bagai ada sesuatu beban yang lepas dari tubuhnya. Bila ditanya apakah itu, dia menjawab, “Kepahitan”.

Mereka sering bertemu untuk makan tengah hari dan belajar perihal kisah-kisah Alkitab. Kemudian, Sharon mengajar perkara yang dipelajarinya kepada anak-anaknya. Pada suatu hari, ketika menghadiri satu persekutuan di rumah, salah seorang bertanya, “Siapakah Yesus?” Sharon menjawab, “Yesus ialah Tuhan”. Sejak masa itu, kehidupan rohani Sharon bertumbuh, khususnya dalam cara menghadapi pencubaan dalam kehidupannya.



## BAHAN DOA



- Berdoa agar umat Tuhan prihatin dengan ‘saudara’ rakan sekerja dan menunjukkan kasih dan belas kasihan, dan berdoa untuk mereka seperti apa yang berlaku pada Sharon.
- Berdoa agar umat Tuhan akan menjemput ‘saudara’ di Labuan makan malam bersama dan berkongsikan Berita Baik.
- Berdoa agar lebih ramai umat Tuhan dapat menyampaikan Berita Baik kepada ‘saudara’.
- Berdoa agar Roh Kudus menjamah hati keluarga ‘saudara’ di Labuan.
- Berdoa agar majlis perbandaran tempatan dapat membendung masalah social di Labuan.

## TINDAKAN

Sertai kami dalam pelayanan Projek 525 melalui sumbangan masa, kewangan, bakat dan berdoa.

Sabah, negeri yang kedua terbesar di Malaysia, mempunyai kawasan bumi seluas 73,619 km persegi, dan masih banyak lagi kawasan dalam negeri itu yang kekal berhutan. Sabah terkenal dengan gelaran “Bumi di bawah Bayu” atas sebab kedudukannya di bawah lingkungan kawasan taufan. Sabah memiliki khazanah hidupan liar yang terhebat. Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara yang tersergam setinggi 4,101 meter di puncaknya ialah sebuah tempat dengan daya penarik yang terkenal bagi kegiatan pengembaraan (di) hutan dan pendakian gunung. Sabah memiliki antara ‘taman kayangan’ di bawah permukaan air yang terbaik di dunia bagi aktiviti selaman. Pulau Sipadan sememangnya sebuah destinasi antarabangsa yang terkenal dan terbaik di dunia bagi kegiatan menyelam.

Ibu negerinya, Kota Kinabalu (atau Api Api), dahulunya, semasa era British, dikenali sebagai Jesselton. Ia habis musnah sewaktu perang dunia terakhir (sebelum ini). Bandar yang ada masa kini telah membangun menjadi sebuah pusat komersil dan pusat pelancongan.

Jumlah penduduk orang negeri Sabah ialah 2,316,963 (tahun 2010), tetapi jika termasuk warganegara bukan Malaysia yang sah, jumlah penduduk meningkat kepada 3,206,742 (tahun 2010). Sabah ialah negeri yang menampung bilangan terbesar warga bukan-Malaysia. Malahan, jumlah penduduk dengan kadar berkembang yang tinggi secara tekal tercatat di Sabah, lantaran beberapa sebab, dan pada tahun 1991 jumlah penduduk Sabah melintasi jumlah penduduk negeri Sarawak.

Bilangan orang Malaysia di Sabah ialah 24.5% daripada kaum etnik Kadazan/Dusun, 19.4% Bajau, 8% Melayu, 4.4% Murut, manakala 28.5% adalah Bumiputera lain, 12.8% adalah orang Cina dan 0.3% orang India. Terdapat lebih daripada 32 kumpulan etnik yang menuturkan lebih daripada 80 dialek di Sabah. Kumpulan etnik minoriti di Sabah termasuklah Kwijaus, Iranum, Tidong, Rungus, Tambanuo, Dumpas, Paitan, Idahan, Minokok, Kadayan, Bisaya, dan lain-lain.

Islam ialah agama utama dalam negeri (58%), dan jumlah orang Kristian ialah 31.5%. Sabah mempunyai bilangan penduduk Kristian yang kedua terbesar di Malaysia, dan mereka terutamanya kaum Kadazan/Dusun, Murut, Bumiputera lain dan Cina. Majoriti orang Bumiputera lain serta orang Bajau adalah orang Muslim. Terdapat juga kira-kira 9,600 orang Muslim bangsa Cina di Sabah.


Sabah terkenal kerana masakan tempatannya termasuklah mi Hinava, Ambuyat dan Tuaran.

Ada 5 bahagian di Sabah. Bagi tujuan buku ini, 5 bahagian ini akan digabungkan menjadi 3 zon berdoa:

Zon 46: Bahagian Pantai barat (Kota Kinabalu, Ranau, Kota Belud, Tuaran, Penampang, Papar, Putatan)

Zon 47: Bahagian Pedalaman (Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan, Keningau, Tambunan) & Bahagian Tawau (Tawau, Lahad Datu, Kunak, Semporna)

Zon 48: Kudat Division (Kudat, Kota Marudu, Pitas) & Bahagian Sandakan (Sandakan, Kinabatangan, Beluran, Tongod)



Bendera Negeri Sabah

### DEMOGRAFI (2010)


**JUMLAH:** 2,316,963


Kumpulan Etnik	%
Kadazan/Dusun	24.5
Bajau	19.4
Melayu	8
Murut	4.4
Bumiputera lain	28.5
Cina	12.8
India	0.3
Lain-lain	2.1

### Agama %

Islam	58
Buddha	8.3
Hindu	0.1
Kristian	31.5

## Malaysia Timur





Bahagian Pantai Barat :  
892,457  
Peratus (%)

Melayu	10.8
Kadazan/Dusun	35.7
Bajau	21.5
Murut	0.7
Bumiputera Iain	13.5
Cina	16
India	0.4
Lain-lain	1.4

Bahagian ini menduduki bahagian barat laut negeri Sabah (lebih kurang 10.3% daripada wilayah ini). Ia menempatkan lebih kurang 30% daripada jumlah penduduk negeri Sabah. Bahagian ini terbahagi kepada daerah Ranau, Kota Belud, Tuaran, Penampang, Papar, dan juga ibu negeri iaitu Kota Kinabalu.

**Kota Kinabalu** menampung jumlah penduduk seramai 452,058 orang dan termasuk orang kawasan metro, anggaran jumlah penduduknya ialah 628,725 orang. Ia sebuah destinasi pelancong yang penting dan sebuah pintu keluar masuk utama bagi para pengembara yang mengunjungi negeri Sabah dan wilayah Borneo. Taman Kinabalu terletak kira-kira 90 kilometer dari bandaraya ini dan terdapat banyak lagi tarikan-tarikan pelancong yang lain di dan di sekitar bandar raya ini. Kota Kinabalu juga salah satu antara pusat industri dan komersil utama di Malaysia Timur. Pelabuhan Kota Kinabalu ialah sebuah daripada pelabuhan laut di pantai laut yang sepanjang 1,440km negeri itu. Ia merupakan jalan keluar masuk bagi pengangkutan air di negeri Sabah.

## Kisah Para Rasul 4:19

Tetapi Petrus dan Yohanes menjawab, “Wajarkah pada pandangan Allah jika kami mendengar katamu lebih daripada mendengar kata Allah? Timbangkanlah.”

Fran telah bercerai dan berpindah dari bandar tempat asalnya ke sebuah bandaraya lain. Dia bekerja di pusat penjagaan kanak-kanak dan dapat berkawan dengan seorang Kristian. Fran mengongsikan pelbagai masalahnya dengan rakan Kristian, dan dia membawanya ke gereja. Fran serta tiga orang anaknya dan adik perempuannya, Ulla, telah menonton filem Yesus lalu mula percaya pada Yesus.

Pada suatu hari pukul 1 pagi, mereka terpaksa berpindah ke sebuah pangaspuri yang lain dalam kawasan yang sama. Apabila mereka mula memindahkan barang-barang mereka, Ulla menyedari bahawa seseorang atau sesuatu benda sedang mengikuti mereka. Dia berasa takut lalu mula menangis. Dia memberitahu kakaknya bahawa itu hantu. Walau bagaimanapun, setelah dia mengambil barang yang terakhir, dia berpusing dan nampak suatu bidadari yang cantik berpakaian warna putih yang telah melindungi mereka sepanjang waktu mereka berpindah dari jam 1 pagi hingga jam 6 pagi.

Tidak lama selepas itu, rakannya yang beragama Kristian itu memperkenalkan Fran dengan jemaahnya yang berjumpa di rumah. Mereka menjadi pengikut dan murid Yesus lalu mula bertumbuh dalam iman mereka. Memang bukan mudah perjalanan mereka itu dalam menghadapi penganiayaan, bukan sahaja daripada pihak-pihak berkuasa malahan juga daripada keluarga masing-masing. Namun begitu, Fran serta keluarganya memang tidak melepaskan atau meninggalkan iman mereka. Malahan, mereka juga membawa para anggota keluarga mereka yang lain ke dalam Jemaah agar mereka dapat mengenali Yesus.



## BAHAN DOA



- Berdoa agar Tuhan mengutus hamba Tuhan yang mempunyai beban dan menjangkau kanak-kanak dengan cara kreatif.
- Berdoa agar Tuhan akan menjamah hati dan kehidupan kanak-kanak dan membawa mereka kepadaNya.
- Berdoa agar umat Tuhan menjangkau ‘saudara’ dan melawat kampung kampung nelayan dan kampung-kampung lain untuk melakukan perjalanan sambil berdoa.
- Berdoa untuk Yang di-Pertua Negeri (Gabenor) dan Ketua Menteri negeri Sabah.

## TINDAKAN

Aturkan lawatan ke hospital untuk berdoa dengan pesakit ‘saudara’.

## Zon 47. Sabah - Bahagian Pedalaman (Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan, Keningau, Tambunan) & Bahagian Tawau (Tawau, Lahad Datu, Kunak, Semporna)



Bahagian Pedalaman:	
	Peratus (%)
Melayu	364,600 8.6
Kadazan/Dusun	35.8
Bajau	3.8
Murut	25
Bumiputera lain	18.6
Cina	6
India	0.2
Lain-lain	2

Bahagian Tawau:	
	Peratus (%)
Melayu	498,619 4.9
Kadazan/Dusun	35.8
Bajau	3.8
Murut	25
Bumiputera lain	18.6
Cina	11.2
India	0.3
Lain-lain	2.6

**Bahagian Dalaman** negeri Sabah terletak di bahagian barat daya negeri itu yang menjirani negeri Sarawak. Ia mengisi 24.9% daripada wilayah Sabah dan menampung lebih kurang 14.7% daripada jumlah penduduk negeri Sabah. Bandar-bandar utama di Divisyen Dalaman itu ialah Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan, Keningau dan Tambunan. Bahagian-bahagian pantai Divisyen itu diduduki sebahagian besarnya oleh orang Melayu Brunei dan suku Kedayan, manakala kawasan pedalaman ke arah timur Banjaran Crocker, kebanyakannya dihuni oleh pelbagai subkumpulan orang Kadazan-Dusun.

**Tawau** menduduki sejumlah 20% daripada wilayah negeri Sabah dan menampung lebih kurang 26% daripada jumlah penduduk negeri Sabah. Bahagian itu meliputi beberapa buah bandar utama seperti Tawau, Lahad Datu, Kunak dan Semporna. Kumpulan etnik asal yang utama terdiri daripada suku Bajau, Suluk, Ida'an dan suku Tidong, kumpulan minoriti etnik Melayu campuran seperti Melayu Arab, Melayu Bugis (Wajo), Melayu Iban, Melayu Jawa, Melayu Banjar, Kokos atau Bulungan, dan kumpulan-kumpulan etnik asli Lun Bawang dan Lun Dayeh.

## 1 Yohanes 4:4

“Namun demikian, anak-anak-Ku, kamu milik Allah. Kamu telah menewaskan nabi-nabi palsu itu, kerana roh yang ada padamu lebih berkuasa daripada roh yang ada di dalam dunia.”

Sally yang berusia 14 tahun ialah saudara tiri Fran, seorang pengikut Yesus yang menyertai persekutuan di rumah. Sally memang pernah mengikuti saudara tirinya itu ke persekutuan tersebut dan tekun mengikuti pengajian Alkitab selama beberapa minggu. Pada salah satu persekutuan itu, kami menjalankan acara Perjamuan Kudus. Apabila tiba gilirannya, Sally diberitahu supaya tidak perlu minum dan makan ‘air dan roti’, yang melambangkan darah dan tubuh Yesus, sebab dia belum menerima dan mempercayai Yesus.

Beberapa hari kemudiannya, apabila kami melawat keluarga itu, Sally bertanya tentang kenapa perlu percaya dalam Yesus. Kami pun memberi penerangan ringkas tentang Berita Baik.

Pada hari Ahad berikutnya, semasa Sally menghadiri persekutuan di rumah, kami tengah belajar petikan Markus Bab 1 yang menceritakan Yesus mengusir keluar hantu syaitan daripada tubuh seorang lelaki dalam sebuah saumaah, iaitu tempat ibadat orang Yahudi. Apabila ditanya siapakah dia Yesus, Sally, dengan penuh yakin, menjawab, "Yesus Tuhan!". Dengan serta-merta, pemimpin jemaah menerangkan Berita Baik kepadanya dan memimpinnya berdoa untuk menerima Yesus.




## BAHAN DOA

- Berdoa agar umat Tuhan di Bahagian Dalaman menggunakan perayaan hari Krismas sebagai cara untuk berkongsi Yesus.
- Berdoa agar ‘saudara’ di bahagian Tawau boleh memahami Firman Tuhan apabila mereka membacanya.
- Berdoa supaya lebih banyak istilah/bahan bacaan akan diterbit untuk membantu ‘saudara’ beriman dalam Yesus.
- Berdoa untuk pemimpin negara yang bertulus hati dan mementingkan hak rakyat.

## TINDAKAN

Belikan sekuntum bunga ros bagi semua pekerja pencuci wanita di tempat kerja anda atau di pangaspuri anda sebagai suatu penghargaan kepada mereka sempena Hari Wanita / Hari Ibu. Cuba bercakap dengan mereka untuk mengenali mereka.

## Zon 48. Sabah - Bahagian Kudat (Kudat, Kota Marudu, Pitas) & Bahagian Sandakan (Sandakan, Kinabatangan, Beluran, Tongod)



**Kudat** menduduki bahagian hujung utara negeri Sabah yang merupakan 6.3% daripada jumlah wilayah negeri Sabah dan 7% daripada jumlah penduduk Sabah. Bandar-bandar utama Kudat ialah Kudat, Kota Marudu dan Pitas.

Kudat ialah bandar terbesar (jumlah penduduk: 83,123) dan hab iaitu pusat bagi pengangkutan dalam bahagian itu. Barang (atau komoditi) diangkut ke bahagian itu melalui pelabuhan di bandar itu, dan lapangan terbangnya ialah satu-satunya lapangan terbang di bahagian itu.

**Bahagian Sandakan** terentang secara pepenjuru dari pantai di timur laut negeri Sabah ke wilayah tengah negeri itu. Ia menduduki 38.3% daripada wilayah negeri Sabah dan menempatkan lebih kurang 19.4% daripada jumlah penduduk negeri Sabah. Bandar-bandar utamanya ialah Sandakan, Beluran, Kinabatangan, dan Tongod. Pelabuhan Sandakan ialah pelabuhan kedua terbesar selepas Kota Kinabalu. Pelabuhan itu merupakan jalan keluar masuk utama bagi eksport.

## 1 Korintus 15:55-57

“Wahai Maut, di manakah kemenanganmu? Wahai Maut, di manakah sengatmu?” Sengat maut ialah dosa, manakala kuasa dosa ialah Taurat. Tetapi syukurlah kepada Allah yang telah memberi kita kemenangan melalui Tuhan kita Yesus Kristus.

### Tiada Jaminan Syurga

Herman dilahirkan dan dibesarkan dalam sebuah keluarga yang beragama. Namun ibu bapanya bukan orang yang warak atau kuat beriman dalam agama mereka. Namun begitu mereka mahu Herman menjadi seorang yang warak beragama. Satu-satunya keinginan Herman adalah untuk masuk ke Syurga. Dia memahami tentang pahala, cuba untuk berbuat baik, tetapi pada saat-saat akhir, keputusan Tuhan yang menentukan destinasi kelak, sama ada syurga atau neraka. Dia tahu dia tidak sanggup berbuat kebaikan yang secukupnya sebab sukar sekali untuk mentaati semua perintah yang Tuhan tetapkan. Dengan itu dia sentiasa takut akan kematian dan risau destinasi yang terakhir; sebab dalam agamanya tiada jaminan untuk umatnya masuk ke syurga. Segalanya cuma “mengikut kehendak Tuhan”.



### BAHAN DOA



- Berdoa supaya ‘saudara’ di Sabah merindukan hubungan kekal abadi yang ditawarkan Kristus.
- Berdoa agar ‘saudara’ di Bahagian Kudat dan Sandakan dapat menyedari bahawa pahala mereka tidak boleh memberi mereka jaminan ke syurga.
- Berdoa agar umat Tuhan menggunakan perkataan untuk berkongsi segala kebenaran biar apapun yang orang lain fikirkan.
- Berdoa untuk kerajaan Sabah agar dapat menjalankan tugas dengan telus dan bertanggungjawab, hormat dan takut akan Tuhan dalam melaksanakan segala keadilan.

### TINDAKAN

Berikan kad ucapan terima kasih kepada pekerja penghantaran, pegawai keselamatan atau tukang cuci lelaki.

Sarawak, negeri terbesar dalam Malaysia, mempunyai keluasan tanah 124,450 km persegi dan terletak di tepi pantai barat laut pulau Borneo dan pesisiran pantai lebih kurang 800 km menghadapi Laut Cina Selatan. Sarawak terkenal sebagai "Bumi Burung Kenyalang" lantaran ia merupakan tempat inapan banyak sekali burung enggang (atau kenyalang). Ia mempunyai banyak sungai, Sungai Rejang (590 km) ialah sungai terpanjang di Malaysia.

Ibu negeri yang diberi jolokan "Bandar Raya Kucing", terletak di tebing Sungai Kuching yang luas. Bandar raya Kuching mencerminkan pengaruh Barat sebab selama bertahun-tahun lamanya ia menjadi rumah para "Raja Putih". James Brooke ialah "raja putih" pertama yang memerintah Sarawak dari tahun 1841, dan peninggalan atau warisan Dinasti Brooke serta pengaruh British masih boleh dilihat pada hari ini pada kebanyakan bangunan penjajah di Kuching.

Jumlah penduduk Sarawak ialah 2,354,048 (mengikut banci tahun 2010), kepadatan penduduk paling rendah sebanyak 19 orang setiap kilometer persegi. 30.3% daripada penduduknya orang Iban, 24% Melayu, 8.4% Bidayuh 5.2% Melanau dan 24.5% orang Cina. Kumpulan-kumpulan etnik minoriti lain di Sarawak termasuklah orang Bisaya, Kadayan, Kayan, Kenyah, Kelabit dan Punan.

Sarawak ialah satu-satunya negeri di Malaysia di mana agama Kristian ialah agama utamanya (44%), diikuti agama Islam (30%) dan agama Buddha (14%). Kebanyakan orang Kristian di Sarawak terdiri daripada orang Iban, Cina, Bidayuh dan orang Bumiputera lain. Majoriti penduduk yang beragama Islam terdapat di kalangan orang Melanau dan Melayu. Terdapat juga lebih kurang 4,000 orang Cina Muslim di Sarawak.

Sarawak terkenal dengan masakan tempatannya, termasuk Laksa Sarawak, Mi Kolok dan Lada Sarawak.

Pada masa kini, terdapat 12 bahagian di Sarawak. Bagi tujuan buku ini, 12 bahagian ini akan digabungkan menjadi 4 zon berdoa:

Zon 49: Bahagian Kuching (Kuching, Bau, Lundu), Bahagian Samarahan (Samarahan, Asajaya, Simunjan) & Bahagian Serian (Serian, Tebedu)

Zon 50: Bahagian Sri Aman (Sri Aman, Lubok Antu), Bahagian Betong (Betong, Saratok) & Bahagian Sarikei (Sarikei, Meradong, Julau, Pakan)

Zon 51: Bahagian Sibu (Sibu, Kanowit, Selangau), Bahagian Mukah (Mukah, Dalat, Daro, Matu) & Bahagian Bintulu (Bintulu, Tatau)

Zon 52: Bahagian Kapit (Kapit, Belaga, Song), Bahagian Miri (Miri, Marudi) & Bahagian Limbang (Limbang, Lawas)



Bendera Negeri Sarawak


### DEMOGRAFI (2010)

Jumlah: 2,354,048


Kumpulan Etnik	%
Iban	30.3
Melayu	24
Bidayuh	8.4
Melanau	5.2
Bumiputera lain	6.6
Cina	24.5
India	0.3
Lain-lain	0.7

Agama	%
Islam	30
Buddha	14
Hindu	0.15
Kristian	44

## Malaysia Timur



## Zon 49. Sarawak - Bahagian Kuching (Kuching, Bau, Lundu), Bahagian Samarahan (Samarahan, Asajaya, Simunjan) & Bahagian Serian (Serian, Tebedu)



**Bahagian Kuching** ialah wadah tumpuan bagi masyarakat pelbagai kaum negeri Sarawak. Kuching ialah bandar raya ibu negeri Sarawak, ia merupakan pusat perniagaan, pelancongan, perdagangan dan industri bercampur-campur, sektor perkhidmatan dan hab iaitu pusat kegiatan pendidikan.

Orang Melayu dan Cina merupakan kumpulan majoriti di ibu negeri ini. Namun begitu, bagi seluruh negeri Sarawak, kumpulan orang Iban dan Cina ialah kumpulan majoriti. Bahagian Kuching mempunyai bilangan tertinggi penduduk bangsa Melayu di Sarawak.

**Bahagian Samarahan** ada empat buah daerah pentadbiran: Samarahan, Asajaya, Serian dan Simunjan. Jumlah penduduk seramai 156,980 orang itu adalah campuran etnik dan

kebanyakannya terdiri daripada kumpulan orang Bidayuh, Iban, Melayu dan Cina.

Jumlah penduduk daerah **Serian** ialah 89,837. Kira-kira 60% daripada jumlah penduduk itu suku Bidayuh. Kumpulan etnik utama yang lain terdiri daripada orang Iban, Cina, dan Melayu. Serian ialah antara bandar yang paling sibuk, terutamanya sewaktu musim-musim perayaan. Gedung-gedung dan kedai-kedai dipenuhi terutamanya oleh suku Bidayuh yang kembali dari Semenanjung Malaysia atau bandar-bandar utama pada musim cuti Gawai dan Hari Natal atau Krismas.

Bandar ini amat masyhur kerana buah duriannya, ramai berpendapat bahawa di sinilah terdapat durian terbaik di Sarawak.

### Matius 22:37-39

Yesus menjawab, " 'Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu.' Inilah perintah yang terutama dan terpenting. Perintah kedua sama pentingnya: Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri."

Harris tiada jaminan untuk masuk ke syurga. Semasa berumur dua puluh tahun, rakannya yang beragama Kristian memberitahunya mengenai Yesus. Mereka berdebat mengenai perkara tersebut dan Harris ingin mengetahui lebih banyak mengenai Yesus, maka dia pergi bersama rakannya untuk melawat sebuah gereja. Pada suatu hari, dia meminta Yesus untuk menunjukkan suatu tanda jika Dia betul-betul Tuhan. Sewaktu berada di tepi pantai, ada sesuatu yang menggerakkan hatinya. Dia membuka Alkitab yang dimiliki kawannya dan membaca Yeremia 1:5, "Sebelum Aku membentuk engkau dalam rahim ibumu, Aku telah mengenal engkau, dan sebelum engkau keluar dari kandungan, Aku telah menguduskan engkau, Aku telah menetapkan engkau menjadi nabi bagi bangsa-bangsa." Firman itu menyentuh hatinya! Selepas membaca ayat itu, dia menitiskan airmata kegembiraan, sebab pada seluruh kehidupannya, dia tidak pernah mengalami Firman menjadi 'hidup'. Firman Tuhan menjadi hidup kepadanya pada hari itu, dalam hatinya dia berasa damai serta penuh kegembiraan!



### BAHAN DOA




- Berdoa supaya gereja di bahagian Kuching dan Serian bangkit dan memberitakan kebenaran itu kepada 'saudara' yang akan mati rohani tanpa Yesus.
- Bersyukur kepada Tuhan sebab selesainya sebuah terjemahan baru Alkitab. Berdoa agar Firman Tuhan dapat diletakkan dalam tangan 'saudara' di seluruh negeri Sarawak.
- Berdoa supaya 'saudara' di Samarahan yang menderita disebabkan HIV akan menaruh keyakinan terhadap Yesus untuk menghilangkan rasa malu mereka.
- Berdoa untuk Yang di-Pertua Negeri (Gabenor) dan Ketua Menteri negeri Sarawak.

### TINDAKAN

Sertailah sesuatu program kejiranan.

## Zon 50. Sarawak - Bahagian Sri Aman (Sri Aman, Lubok Antu), Bahagian Betong (Betong, Saratok) & Bahagian Sarikei (Sarikei, Meradong, Julau, Pakan)



**Bahagian Sri Aman** menampung bilangan penduduk sebanyak 93,823 orang daripada campuran pelbagai budaya, yang kebanyakannya orang Iban, Melayu dan Cina. Bahagian Sri Aman ialah kawasan berkebun yang terbesar di Sarawak. Bahagian itu juga mengandungi dua buah Taman Negara, ia destinasi pelancongan, terutamanya eko pelancongan, dan pelancongan budaya ke rumah-rumah panjang. Iban ialah suatu bahagian ekonomi tempatan yang penting.

Secara tradisinya, bahagian **Betong** ialah rerumah bagi rumah-rumah panjang orang Iban. Saribas terkenal dengan rumah panjang Ibannya dan dianggap sebagai pusat bagi budaya orang Iban. Orang bangsa Melayu dan Cina tertumpu di kawasan bandar dan kawasan perkampungan Betong dan Saratok.

Jumlah penduduk di **Bahagian Sarikei** seramai 116,335 orang yang terdiri daripada campuran etnik, banyaknya kaum Iban, Melanau, Melayu, Bidayuh dan orang Cina yang lebih banyak. Majoriti penduduk bermastautin dibandar Sarikei.

Sejarah awal Sarikei boleh di jejak sejauh awal abad ke-19. Ada banyak peristiwa bersejarah untuk menunjukkan kewujudannya. Misalnya, Rajah James Brooke julung-julung kalinya mengunjungi Sarikei pada tahun 1845.

### **Ulangan 31:8**

“Tuhan sendiri akan memimpin kamu, dan Dia pulalah yang akan menyertai kamu. Dia tidak akan membiarkan kamu dan tidak akan meninggalkan kamu. Jangan takut dan jangan kecut hati.”

Setahun selepas Alex dibaptiskan, saudara lelakinya menemui sebuah Alkitab di dalam biliknya lantas menunjukkan kitab itu kepada ayahnya. Bapanya sangat marah lantas terus sahaja dia mengusir Alex keluar dari rumah. Dia merampas kad pengenalan Alex dan berkata bahawa dia (Alex) bukan lagi anak lelakinya! Lalu Alex terpaksa keluar dari rumah dan tinggal bersama-sama dengan beberapa umat Tuhan. Empat bulan kemudian, Tuhan melembutkan hati bapanya dan dia meminta Alex kembali ke rumah. Alex berdamai dengan bapanya dan kembali ke rumah. Kemudiannya, Alex mengahwini seorang yang percaya kepada Tuhan dan dikurniakan seorang anak perempuan. Selepas bertumbuh dalam iman selama beberapa tahun, kedua-dua mereka mentaati panggilan Tuhan dalam pelayanan penuh masa. Kini mereka setia melayani Tuhan. Puji Tuhan!




### **BAHAN DOA**

- Berdoa untuk hubungan persahabatan di antara umat Tuhan dan ‘saudara’ di Sri Aman bertambah erat dan dapat memimpin mereka ke jalan Tuhan.
- Berdoa untuk ‘saudara’ di Bahagian Betong yang bersedih atas kehilangan anggota keluarga atau orang yang dikasihi. Berdoa agar tragedi buruk dalam kehidupan boleh memimpin mereka ke kebenaran Tuhan.
- Berdoa agar suami dalam keluarga ‘saudara’ di Sarikei setia kepada isteri pertama mereka.

### **TINDAKAN**

Tanya rakan-rakan ‘saudara’ anda jika mereka mengenali mana-mana jiran yang boleh anda hulurkan bantuan.

## Zon 51. Sarawak - Bahagian Sibu (Sibu, Kanowit, Selangau), Bahagian Mukah (Mukah, Dalat, Daro, Matu) & Bahagian Bintulu (Bintulu, Tatau)



Dari segi etnik, kebanyakannya daripada para penduduk di **Bahagian Sibu** ialah Iban, Cina, Melayu, dan Melanau. Bahagian Sibu terdiri daripada tiga buah daerah: Sibu, Kanowit, dan Selangau. Sebahagian besar ekonomi Sibu, Kanowit, dan Selangau adalah berasaskan pengambilan kayu balak daripada kawasan hutan hujan tropika yang memang luas di sini. Pelancongan, khususnya pelancongan eko, merupakan komponen ekonominya yang sedang bertumbuh.

**Bahagian Mukah** mengandungi empat daerah pentadbiran: Mukah, Dalat, Matu dan Daro. Dari segi budaya, penduduknya terdiri daripada campuran umat pelbagai budaya yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Kaum Melanau memang pencinta ikan dan, kebetulan, ikan dimasukkan atau dicampurkan dalam hidangan tradisional mereka, contohnya umai. Mukah ialah satu-satunya bandar yang majoriti penduduknya ialah orang Melanau, oleh itu budaya Melanau (dan segala yang berkaitan dengan budaya itu) adalah yang terbaik yang 'disajikan' oleh bandar Mukah.

Secara tradisinya, **Bintulu** adalah rumah tempat tinggal para orang Iban, Cina, Melanau, Melayu, Orang Ulu dan Kedayan. Kebanyakan orang Iban berselerak di seluruh kawasan desa di Bintulu, iaitu di Tatau dan Sebauh. Ekonomi di sini lebih berasaskan industri petroleum dan gas asli. Dianggarkan bahawa lebih daripada 20% daripada jumlah penduduk Bintulu adalah para pekerja asing dan ekspatriat (pegawai asing) berdasarkan betapa teguhnya industri petroleum.

## Matius 5:16

“Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga.”

### Pengurangan dan Peningkatan

Seorang hamba Tuhan dari luar negara duduk sambil mendengar dua orang pendeta menceritakan kisah pengalaman mereka berkongsi dengan orang yang beragama lain. Dia berasa kagum dan hairan dengan sikap terbuka yang ditunjukkan oleh mereka dalam cerita pendeta. Tergenang airmatanya apabila dia mendengar suatu kesaksian tentang seorang lelaki yang mahu menyerahkan hidup dan jiwanya kepada Yesus Kristus. Dia belum pernah menemui seseorang yang begitu terbuka hati. Malahan dalam pelayanan peribadinya, keadaannya lain sekali. Maka hatinya dipenuhi kesangsian lalu dia mula mempersoalkan Tuhan, “Mengapa Engku menempatkan aku di sini?”

Tuhan berfirman dan menyakinkannya dengan berkata, “Jangan risau, aku akan memakai engku mengikut cara Aku sendiri, tetapi Aku akan lebih memakai umat Tuhan tempatan.” Semenjak mendengar kata-kata itu dia berasa senang dengan peranan yang seharus dimainkannya, pada masa yang sama dia berdoa sambal berusaha untuk melayani mereka yang berlainan peranan di negara ini.



### BAHAN DOA

- Berdoa supaya umat Tuhan bertindak secara strategik dan mengambil peluang untuk berinteraksi dengan ‘saudara’ di Bahagian Sibu.
- Berdoa untuk institusi perkahwinan di Bintulu sebab isteri yang pertama tidak ada keselamatan (risau) apabila secara rasmi suami dibenarkan beristeri empat.
- Berdoa untuk wanita di Sibu dan Mukah supaya mereka mendapat keselamatan dari Kristus sebab Yesus tidak akan meninggalkan dan membiarkan mereka.

### TINDAKAN

Jika anda menggunakan pengangkutan awam, cuba duduk di sebelah seorang ‘saudara’ dan mulakanlah perbualan dengannya.

## Zon 52. Sarawak - Bahagian Kapit (Kapit, Belaga, Song), Bahagian Miri (Miri, Marudi) & Bahagian Limbang (Limbang, Lawas)




Bahagian Kapit: 106,833 Peratus (%)	
Melayu	3.5
Iban	63.8
Bidayuh	0.5
Melanau	1.1
Bumiputera lain	24.7
Cina	5.9
India	0.1
Lain-lain	0.4

Bahagian Miri: 332,308 Peratus (%)	
Melayu	17.9
Iban	32.7
Bidayuh	1.3
Melanau	2.9
Bumiputera lain	18.7
Cina	25.6
India	0.4
Lain-lain	0.5

Bahagian Limbang: 83,384 Peratus (%)	
Melayu	31.6
Iban	16
Bidayuh	0.6
Melanau	0.5
Bumiputera lain	38.6
Cina	12
India	0.1
Lain-lain	0.6



**Bahagian Kapit** ialah bahagian terbesar di Sarawak. Kira-kira 86% daripada keluasan tanahnya dijadikan hutan simpan. Sebahagian besar daripada ekomininya berdasarkan perhutanan, kelapa sawit, padi, getah, pisang dan lada.

**Bahagian Miri** ialah bahagian kedua terbesar selepas Bahagian Kapit. Dari segi etnik, jumlah penduduknya terdiri daripada kaum Iban, Cina, Melayu, Melanau, Kayan, Kenyah, Lun Bawang dan Kelabit. Dengan kewujudan industri petroleum, terdapat juga sejumlah besar pekerja asing.

**Bahagian Limbang** membahagikan Brunei Darussalam menjadi dua (bahagian). Secara tradisinya, Limbang adalah tempat tinggal orang Melayu, Lun Bawang, Kedayan, Iban, Murut/Lun Bawang, Cina dan Orang Ulu. Kebanyakan daripada Bahagian Limbang tertumpu di kawasan-kawasan pantai Limbang dan Lawas.

**Mazmur 107:20**

Dia menghantar firman-Nya dan menyembuhkan mereka; serta melepaskan mereka daripada kemasuhan.

Pada Hari Natal, seorang lelaki bernama Ish menziarahi rumah kami dan bertanya tentang percutian hari Krismas. Apabila kami bertanya mengapa dia berminat mengetahui hal itu, Ish berkata bahawa selama ini, dia sentiasa rasa kagum dengan perayaan hari Krismas. Hari istimewa itu sentiasa membuat dia bersukacita, walaupun hari cuti itu bukan bersumberkan kepercayaannya.

Sewaktu Ish bertanya tentang pelbagai tradisi hari Krismas yang berbeza-beza, saya turut berkongsikan kisah mengenai kelahiran Yesus Kristus. Ish ingin tahu lebih banyak lagi maka saya menjemputnya untuk membaca Alkitab bersama-sama dengan saya dan membincangkan lebih dalam lagi. Sebulan kemudian, sewaktu kami sedang makan hidangan nasi ayam dan teh di sebuah restoran yang terpencil, saya keluarkan beberapa salinan tercetak dua bab dari Lukas. Saya berasa senang hati mendengar soalan-soalan yang ditanya oleh Ish.



## BAHAN DOA

- Berdoa agar lebih ramai ‘saudara’ mempunyai kerinduan terhadap Yesus dalam hidup mereka. Berdoa agar lebih ramai orang akan mengetahui tentang kasih Tuhan bagi umat manusia.
- Berdoa untuk ‘saudara’ dari Sarawak yang pergi ke Amerika Syarikat sebagai pelajar akan mengenal rakan yang bersedia untuk berkongsi kehidupan serta Berita Baik dengan mereka.
- Berdoa agar para pelajar yang kembali ke Malaysia akan mengenal Firman Tuhan dan Tuhan yang Hidup.

## TINDAKAN

Jemput ‘saudara’ anda ke gereja anda bagi acara khas dan perayaan khas.



## **LAMPIRAN**



**Jadual 1**  
**Taburan Jumlah Bilangan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik**  
**1911-2010 (Nombor, '000)**

Kumpulan Etnik	1911	1921	1931	1947	1957
Melayu	1, 220.8	1, 386.0	1, 575.3	2, 427.8	3, 125.5
Cina	695.0	857.6	1, 285.2	1, 884.5	2, 333.8
India	239.8	439.5	572.7	530. 6	696.2
Bumiputera lain	151.4	183.3	288.8	-	-
Lain-lain	35.2	43.9	66.5	65.0	123.3
Bukan-Orang Malaysia	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>2, 342.2</b>	<b>2, 910.2</b>	<b>3, 788.5</b>	<b>4, 908.0</b>	<b>6, 278.8</b>

Kumpulan Etnik	1970	1980	1991	2000	2010
Melayu	4, 859.7	6, 380.4	8, 521.9	11, 680.4	14, 191.7
Cina	3, 496.0	4, 167.0	4, 623.9	5, 691.9	6, 392.7
India	933.3	1, 101.7	1, 316.1	1, 680.1	1, 907.8
Bumiputera lain	878.5	1, 402.4	1, 778.0	2, 567.8	3, 331.8
Lain-lain	151.8	84.5	572.4	269.7	189.4
Bukan-Orang Malaysia	-	-	751.1	1, 384.8	2, 320.8
<b>JUMLAH</b>	<b>10, 319.3</b>	<b>13, 136.1</b>	<b>17, 563.4</b>	<b>23, 274.7</b>	<b>28, 334.1</b>

**Jadual 2**  
**Taburan Jumlah Bilangan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik,  
 1911-2010 (Peratus, %)**

Kumpulan Etnik	1911	1921	1931	1947	1957
Melayu	52.1	47.6	41.6	49.5	49.7
Cina	29.7	29.5	33.9	38.4	37.2
India	10.2	15.1	15.1	10.8	11.1
Bumiputera lain	6.5	6.3	7.6	-	-
Lain-lain	1.5	1.5	1.8	1.3	2.0
Bukan-Orang Malaysia	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Kumpulan Etnik	1970	1980	1991	2000	2010
Melayu	47.1	48.6	48.5	50.2	50.0
Cina	33.9	31.7	26.3	24.5	22.6
India	9.0	8.4	7.5	7.2	6.7
Bumiputera lain	8.5	10.7	10.1	11.0	11.8
Lain-lain	1.5	0.6	3.3	1.2	0.7
Bukan-Orang Malaysia	-	-	4.3	5.9	8.2
<b>JUMLAH</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Pengiraan peratus berdasarkan jumlah penduduk, termasuk rakyat bukan orangnegara Malaysia.

**Jadual 3**  
**Taburan Jumlah Bilangan Penduduk Mengikut Agama,**  
**1980-2010 (Peratus, %)**

<b>Agama</b>	<b>1980</b>	<b>1991</b>	<b>2000</b>	<b>2010</b>
Islam	52.9	58.6	60.8	61.3
Buddha	17.3	18.4	18.9	19.8
Hindu	7.0	6.4	6.2	6.3
Kristian	6.4	8.1	9.1	9.2
Agama Cina Lain	13.6	6.5	3.4	1.3
Lain-lain	0.5	0.5	0.4	0.4
Tiada Agama/Agama Tidak Diketahui	2.1	1.6	1.2	1.7
<b>JUMLAH</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Pengiraan peratus berdasarkan jumlah bilangan penduduk, termasuk rakyat bukan orang negara Malaysia.

**Jadual 4**  
**Peratus Taburan Bilangan Penduduk Orangnegara**  
**Mengikut Kumpulan Etnik dan Negeri, 2010 (Peratus, %)**

Wilayah/Negeri	Melayu	Cina	India	Bumiputera lain	Lain-lain	Jumlah
<b>MALAYSIA</b>	<b>54.6</b>	<b>24.6</b>	<b>7.3</b>	<b>12.8</b>	<b>0.7</b>	<b>100.0</b>
Malaysia Barat	61.0	27.4	9.5	1.4	0.7	100.0
Sabah	8.0	12.8	0.3	76.8	2.1	100.0
Sarawak	24.0	24.5	0.3	50.5	0.7	100.0
Malaysia Barat						
Perlis	88.0	8.0	1.5	0.4	2.1	100.0
Kedah	77.5	13.5	7.0	0.2	1.8	100.0
Penang	43.0	45.5	10.5	0.4	0.6	100.0
Perak	54.2	30.4	12.4	2.8	0.2	100.0
Kelantan	95.0	3.4	0.3	1.1	0.2	100.0
Terengganu	96.8	2.6	0.2	0.2	0.2	100.0
Pahang	73.8	16.0	4.4	5.2	0.6	100.0
Selangor	55.8	28.6	13.6	1.2	0.8	100.0
Negeri Sembilan	59.4	23.2	15.2	1.9	0.3	100.0
Melaka	65.8	26.4	6.2	1.2	0.4	100.0
Johor	57.0	34.0	7.0	1.7	0.3	100.0
Kuala Lumpur	44.7	43.0	10.3	1.2	0.8	100.0

Nota: Pengiraan peratus berdasarkan rakyat orangnegara Malaysia sahaja.

**Jadual 5**  
**Taburan Peratus Bilangan Rakyat Orangnegara**  
**Mengikut Agama dan Negeri, 2010 (Peratus, %)**

Wilayah/Negeri	Islam	Buddha	Hindu	Kristian
<b>MALAYSIA</b>	<b>60.6</b>	<b>21.0</b>	<b>6.4</b>	<b>9.2</b>
Perlis	88.5	9.5	0.8	0.6
Kedah	78.0	14.0	6.7	0.7
Penang	44.0	36.6	8.6	5.0
Perak	55.4	25.8	11.0	4.2
Kelantan	95.3	3.7	0.2	0.3
Terengganu	97.0	2.4	0.2	0.2
Pahang	75.0	14.8	4.0	1.8
Selangor	57.7	25.6	11.8	3.5
Negeri Sembilan	60.6	22.0	13.7	2.2
Melaka	66.5	24.6	5.5	2.9
Johor	58.0	31.0	6.4	3.3
Kuala Lumpur	46.0	38.0	8.5	4.8
Putrajaya	97.7	0.4	0.9	0.8
Labuan	75.0	10.0	0.4	12.0
Sabah	58.0	8.3	0.1	31.5
Sarawak	30.0	14.0	0.2	44.0

Nota:

1. Nota: Pengiraan peratus berdasarkan orangnegara Malaysia sahaja.
2. Nota: Jadual ini hanya mewakili empat agama yang utama di Malaysia.

**Jadual 6**  
**Taburan Bilangan Penduduk Orangnegara**  
**Mengikut Agama dan Kumpulan Etnik, 2010 (Peratus, %)**

Agama	Melayu	Bumiputera lain	Cina	India	Lain-lain	Bukan Orangnegara
Jumlah('000)	14,191.7	3,331.8	6,392.6	1,907.8	189.4	2,320.8
Islam	100.0	40.4	0.7	4.1	54.0	69.5
Buddha	-	1.0	83.6	1.7	27.1	7.0
Hindu	-	0.1	0.2	86.2	2.4	4.8
Kristian	-	46.5	11.0	6.0	12.0	9.7
Agama Cina Lain	-	3.9	3.4	-	0.4	0.2
Lain-lain	-	1.5	0.1	2.0	0.5	0.7
Tiada Agama	-	4.0	0.8	-	0.6	0.8
Tidak Diketahui	-	2.6	0.2	-	3.0	7.3
<b>JUMLAH (%)</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Pengiraan peratus berdasarkan orangnegara Malaysia sahaja.

**Jadual 7**  
**Bilangan Penduduk Orangnegara Masa Hadapan Mengikut Kumpulan Etnik,  
2020-2040 (Anggaran) (Peratus, %)**

Kumpulan Etnik	2010 Banci	2020	2025	2030	2035	2040
Jumlah('000)	26,013.4	29,952.4	31,758.4	33,384.0	34,752.3	35,866.3
Melayu	54.6	55.8	56.5	57.2	57.7	58.2
Cina	24.6	22.8	21.9	21.1	20.4	19.8
India	7.3	7.0	6.8	6.6	6.5	6.3
Bumiputera lain	12.8	13.4	13.7	13.9	14.2	14.4
Lain-lain	0.7	1.0	1.1	1.2	1.2	1.3
Jumlah (Bumiputera)	67.4	69.2	70.2	71.1	71.9	72.6
Jumlah (Bukan- Bumiputera)	32.6	30.8	29.8	28.9	28.1	27.4
<b>JUMLAH (%)</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota:

1. Anggaran bilangan penduduk masa hadapan hanya dikira berdasarkan orangnegara Malaysia sahaja; yang bukan orangnegara Malaysia tidak termasuk.
2. Butir-butir banci tahun 2010 merujuk kepada anggaran bagi bilangan penduduk masa hadapan.

